

*Naskhah belum disemak*

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

Bil. 19

Selasa

6 Disember 2016

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**  
Rang Undang-undang Perbekalan 2017

(Halaman 40)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 6 Disember 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **YM. Engku Naimah binti Engku Taib** minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan pengikut fahaman Syiah di negara ini dan nyatakan sejauh manakah perkembangan fahaman Syiah di negara ini serta langkah kerajaan bagi menyekat penularan dan penyebaran fahaman Syiah di kalangan umat Islam negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mohon izin untuk mengalu-alukan kehadiran dari Jabatan Peguam Negara dan juga MIC Gombak ke Dewan Negara yang mulia ini... *[Tepuk meja]*

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini fahaman Syiah di dalam negara adalah terkawal. Pengawalan ajaran Syiah adalah tertakluk di bawah akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang diperuntukkan di negeri-negeri. Daripada segi bilangan pengikut, ia tidak dapat dipastikan kerana tidak ada anggaran yang tepat, tambahan pula kumpulan ini tidak berdaftar. Walau bagaimanapun, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan agensi keselamatan sentiasa melakukan pemantauan terhadap kumpulan ini.

Pada masa yang sama, kerajaan melalui JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan agensi-agensi lain serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa bekerjasama dan menggembung tenaga dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan serta sebagai langkah pencegahan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan melalui JAKIM, JAIN dan MAIN bagi mengawal penularan, seterusnya membanteras ajaran ini termasuklah seperti yang berikut:

- (i) menyebar luaskan fatwa yang berkaitan dan mengadakan program-program penjelasan fahaman Syiah kepada masyarakat;

- (ii) menjalankan program pemantauan terhadap individu atau kumpulan yang berfahaman Syiah serta menapis bahan-bahan penerbitan sama ada bercetak dan elektronik;
- (iii) meningkatkan kerjasama penguatkuasaan undang-undang antara pihak berkuasa agama dan agensi keselamatan terhadap individu dan juga kumpulan fahaman Syiah; dan
- (iv) mengadakan kerjasama dengan Jabatan Mufti, Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam Negeri dan agensi-agensi keselamatan daripada segi perbincangan dan dialog dengan pihak-pihak yang berkaitan ataupun pihak-pihak yang dikaitkan dengan fahaman yang telah difatwakan menyeleweng termasuk Syiah. Sesi dialog yang dijalankan turut melibatkan pakar-pakar yang berkaitan akidah melalui jawatankuasa yang dibentuk sama ada di peringkat JAKIM, JAIN, mahupun MAIN.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**YM. Engku Naimah binti Engku Taib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Majlis Fatwa Kebangsaan telah membuat keputusan berhubung dengan Syiah sebagai ajaran sesat sejak 20 tahun lalu iaitu tahun 1996. Kita dapat bilangan yang mengikut ajaran Syiah terus meningkat setiap tahun di semua peringkat masyarakat, mahasiswa, pensyarah, profesional dan orang awam yang kebanyakannya dibawa menyusup masuk melalui badan kebajikan dan politik, seterusnya pengembangan ideologi atau fahaman Syiah.

Soalan tambahan saya ialah saya ingin mendapat penjelasan secara ringkas apakah ajaran Syiah yang bertentangan dengan Ahli Sunah Wal Jamaah dan sejauh manakah dakwaan mengikut Syiah bahawa Syiah lebih baik daripada segi akidah dan ibadah dari Sunni. Saya ingin mendapat penjelasan dan penegasan maksud Syiah ajaran sesat, adakah sesat ini dimaksudkan perbezaan mazhab atau Syiah sesat dan terkeluar dari Islam atau kafir kerana menyeleweng dari segi akidah.

Apakah pendirian kerajaan? Adakah ajaran Syiah dibenarkan diamalkan di negara ini kerana rakyat keliru ketika kita mengecam Syiah dan tindakan penguatkuasaan diambil tetapi dalam masa yang sama, kita setiap tahun terus menjemput Qari dan Qariah dari Iran dalam musabaqah. Banyakah kes yang pendakwaan atas kesalahan menyebarkan Syiah di negara ini dan hukuman yang dikenakan dan apakah langkah tegas dan pemerkasaan daripada segi

penguatkuasaan bagi membendung penyebaran Syiah terus berleluasa di negara ini? Adakah kerajaan telah mengadakan program pemulihan akidah dan sebagainya bagi membimbing semula pengikut fahaman Syiah ini kembali kepada fahaman Ahli Sunah Waljamaah.

Akhir sekali, perbezaan pandangan antara Sunni dengan Syiah telah menyebabkan perpecahan umat Islam dan menggugat ketenteraman dan keselamatan negara seperti di Iraq dan Syria. Adakah kerajaan mencadangkan menggunakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau mungkin SOSMA digunakan bagi mengekang aktiviti penyebaran fahaman Syiah di negara ini. Apakah asas tindakan yang boleh diambil ke atas mereka ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, langkah-langkah kerajaan untuk membendung ajaran.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ada enam soalan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu fasal saya pendekkan untuk Yang Berhormat [Ketawa]

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan-soalan tambahan yang diberikan. Saya rasa soalan-soalan ini penting cumanya kita memerlukan sesi khas jikalau hendak memberikan penerangan berkenaan dengan Sunni dengan Syiah. Akan tetapi secara ringkasnya berkenaan dengan Syiah ini, apa aspek-aspek yang bertentangan. Sebenarnya jikalau saya boleh kongsikan di sini, semua negeri kecuali Sabah dan Sarawak telah pun mewartakan fatwa-fatwa yang menyatakan bahawa ajaran Syiah ini terkeluar daripada akidah Ahli Sunah Waljamaah.

#### ■1010

Secara umumnya boleh dikatakan bahawa mereka terkeluar kerana mereka bertentangan dengan tiga aspek iaitu, daripada segi:

- (i) akidah;
- (ii) syariah; dan
- (iii) akhlak.

Dalam konteks akidah umpamanya, ajaran Syiah menyatakan bahawa dunia ini bukan sahaja dimiliki oleh Allah tetapi dimiliki oleh imam kerana bagi mereka imam itu adalah yang tertinggi daripada segi kuasanya. Ini sudah tentu bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah kerana bagi kita Allah lah yang mempunyai kekuasaan dan kepunyaan, pemilik kepada segala apa yang ada atas dunia, muka bumi ini. Sebagai mana firman Allah... [Membaca sepotong ayat al-Quran] "Bagi Allah lah kepunyaan segala yang ada atas dunia, di atas langit dan di atas muka bumi ini..."

Selain daripada itu, apa yang paling jelasnya ialah penambahan daripada segi lafaz syahadahnya dan mempercayai bahawa imam-imamnya adalah sempurna, merasakan bahawa al-Quran ini tidak lengkap lagi, bahkan adanya berlaku penyelewengan dalam al-Quran. Ini sudah tentu bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah kerana dalam al-Quran Allah berfirman... *[Membaca sepotong ayat al-Quran] “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan ayat-ayat al-Quran itu dan Kamilah menjaganya...”*.

Jadi kefahaman akidah Ahli Sunah Waljamaah itu memang jelas. Daripada segi syariat umpamanya, perkahwinan mutaah yang memang ini salah satu kalau hendak jawab apakah yang menyebabkan Syiah ini lebih *attractive* dengan izin, ataupun lebih diminati berbanding dengan Sunni. Ini kerana dalam Syiah dibenarkan kahwin mutaah. Kahwin mutaah ini tidak perlu ada wali, tidak perlu ada saksi, hanya perlu kata, *“Aku nikah denganmu selama dua jam...”* itu pun sudah kira nikah. Jadi ini bertentangan dengan prinsip syariah akidah Ahli Sunah Waljamaah.

Selain daripada sembahyang yang boleh dijamakkan sewenang-wenangnya. Ini juga antara kemudahan-kemudahan yang banyak menimbulkan kekeliruan dan menarik minat orang-orang muda yang mungkin tidak ada pengetahuan agama terhadap ajaran ini. Banyak lagilah kalau hendak difikirkan dan kalau hendak disebutkan di sini tetapi boleh saya katakan di sini bahawa apa yang jelas semua negeri telah pun mengeluarkan fatwa mengatakan bahawa akidah ajaran Syiah ini bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah.

Berkenaan dengan sama ada kenapa kita membenarkan qari dan qariah dari Iran dan sebagainya. Sebab itu saya katakan tadi, maknanya kita hanya mengatakan bahawa dia terkeluar daripada akidah Ahli Sunah Waljamaah. Akan tetapi dalam konteks orang yang menganut fahaman ataupun doktrin Syiah ini terutamanya daripada negara Iran dan sebagainya. Selagi mana mereka tidak menyebarkan doktrin tersebut yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan Artikel 11(1)(4) yang menyatakan bahawa kita bebas untuk mengamalkan doktrin ataupun agama masing-masing tetapi tidak bebas untuk menyebarkannya.

Kalau hendak menyebarkannya ia tertakluk pula kepada kuasa yang terkandung dalam enakmen negeri-negeri Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini antara perkara asas yang kita harus fahami. Berapa banyak kes saya sebutkan tadi memang sebenarnya sukar untuk kita menyatakan berapa banyak kerana hari ini sebenarnya bukan mudah untuk kita mengambil tindakan kepada penganut-penganut Syiah ini kerana salah satu doktrin keimanan Syiah adalah prinsip *taqiyyah* iaitu wajib untuk kita menipu terutamanya hendak menyembunyikan akidah di hadapan golongan Ahli Sunah Waljamaah.

Jadi kalau inilah doktrin yang dipakai ataupun asas keimanan yang diletakkan jadi sudah tentu sukar untuk kita mengambil tindakan kerana mereka mungkin diambil tindakan berdasarkan amal tetapi mereka boleh mengatakan bahawa mereka tidak mengamalkan Syiah. Jadi ini salah satu perkara yang bukan mudah untuk kita hendak menyatakan secara tepat angka, beberapa kes, dan sebagainya. Sebab itulah kalau Yang Berhormat sebutkan tadi, mengatakan bahawa bilangan yang meningkat dari setahun ke setahun ini sebenarnya andaian yang tidak tepat sebenarnya kerana apa yang saya boleh katakan kerajaan di bawah JAKIM, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri-negeri, Majlis Agama Islam Negeri-negeri memang memantau dan mengambil serius berkenaan dengan aspek penyebaran akidah ataupun ajaran Syiah ini.

Daripada segi sama ada ia boleh menggugat keselamatan, seperti mana saya sebutkan, ini adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri, mereka boleh mengambil tindakan di bawah SOSMA dan sebagainya. Akan tetapi kena ingat bahawa selagi mana mereka ini boleh mengganggu gugat kepada keselamatan negara, selagi itulah kerajaan boleh mengambil tindakan di bawah akta atau peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Berkенаan dengan program-program pemulihan akidah, kalau kita dapat maklumat ataupun mensabitkan kesalahan bagi mereka yang menganut ajaran Syiah yang setakat ini kita tidak ada kes lagi.

Akan tetapi apa yang kita boleh katakan tindakan proaktif kita, memang kita turun di bawah JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan bekerjasama dengan semua pihak termasuk dengan universiti-universiti, dengan pihak masjid dan sebagainya untuk kita memberikan penjelasan kepada masyarakat secara berterusan berkenaan dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah dan apakah akidah-akidah yang bertentangan dan menyeleweng. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Suhaimi.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan satu kajian yang dibuat berhubung dengan penyebaran Syiah ini. Antaranya dikatakan melalui lawatan pemimpin Iran ke Malaysia. Kedua, pembelajaran peringkat tinggi, ketiga melalui buku dan artikel dan yang keempat melalui internet dan menggunakan media sosial. Saya hendak tumpukan kepada pelajar-pelajar, yang dikatakan salah satu faktor kepada penyebaran Syiah ini.

Pelajar-pelajar kita telah diberi kemudahan dan diberi satu- dikatakan dijemput. Dalam lawatan Dr. Abbas Ghanbari seorang Pengarah dan Kaunselor Saintifik Pelajar Iran di Asia Timur telah pun menjemput pelajar-pelajar kita dengan begitu ramai ke Iran. Sehingga kini,

pelajar-pelajar Iran di Malaysia juga lebih kurang 5,000 orang di Malaysia ini. Jadi soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kementerian akan mengambil tindakan berhubung dengan *student exchange* ini? Walaupun *student* kita di sana hanya 15 orang tetapi 5,000 orang pelajar Iran yang ada di sini, yang kita tidak tahu sama ada mereka ini pembawa penyakit Syiah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, kita mempunyai hubungan diplomatik dengan Kerajaan Iran dan kita tidak ada masalah untuk rakyat Iran mengamalkan doktrin Syiah, akan tetapi kena ingat bukan semua rakyat Iran yang berfahaman Syiah, ada juga ahli Sunni. Akan tetapi kalau mereka mengamalkan Syiah, itu hak mereka yang diberikan peruntukannya di dalam Perlembagaan. Akan tetapi kena ingat di bawah Perlembagaan Negara juga, kebebasan ini terikat dan tertakluk kepada Perkara 11(4), dan Perkara 11(5), yang mana mereka tidak boleh menyebarkan fahaman dan doktrin tersebut.

Sebab itu dari semasa ke semasa pihak kerajaan, JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan dengan kerjasama pihak universiti-universiti sentiasa memantau pergerakan mereka, sama ada wujud atau tidak sebarang bentuk penyebaran doktrin Syiah ini kepada mahasiswa kita, kepada pelajar-pelajar kita. Sama ada kita pergi ke Iran sebagai pelancong ataupun mereka datang kepada negara kita, saya rasa itu tidak ada kaitan dengan soal doktrin Syiah ataupun Sunni. Akan tetapi yang paling mustahak apabila dia melewati soal penyebaran akidah ataupun penyebaran doktrin yang menyanggah asas akidah Ahli Sunah Wal Jamaah sebagai mana tertakluk di bawah Perlembagaan dan peruntukan undang-undang di peringkat negeri-negeri, maka pada waktu itu kita boleh mengambil tindakan.

Jadi kalau ada apa juga bentuk maklumat Yang Berhormat ada, boleh disalurkan kepada JAKIM ataupun Jabatan Agama Islam Negeri-negeri supaya kita boleh ambil tindakan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri, PDRM dan sebagainya. Selagi mana kita hanya berdasarkan andaian, saya rasa tidak wajar dan tidak adil untuk kita mengatakan bahawa kedatangan mereka 5,000, 10,000 sebagai pelancong, sebagai pelajar itu sebagai pendiamah-pendiamah kepada doktrin Syiah ini. Jadi atas asas itu saya rasa kita harus berfikiran jelas berkenaan dengan peruntukan undang-undang dan *insya-Allah* pihak kerajaan akan sentiasa memantau dalam hal ini. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.*

Saya ingin memberi respons daripada persoalan yang dibangkitkan tentang satu isu penting tentang Syiah yang hari ini menggelajak pengaruhnya secara global terutama di alam Melayu, Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand kecuali di Brunei.

■1020

Saya menyantuni pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi di atas beberapa fakta yang benar. Akan tetapi, saya ingin menimbulkan satu fakta penting di sini. Untuk meletakkan Syiah dengan segala mazhab yang ada termasuk mazhab yang sederhana dalam satu buah bakul, saya rasa berlawanan dengan fatwa-fatwa yang telah dibuat oleh autoriti tertinggi dalam dunia Islam seperti Universiti Al-Azhar. Pendirian Syeikh Abu Zahrah, tokoh terkenal dalam dunia Islam dalam bidang fiqh, pendirian Syeikh Mahmud Syaltut dan even pendirian Syeikh Dr. Ahmad Muhammad al-Tayyeb, *Sheikh of al-Azhar* sekarang, Menteri wakaf, bahawa untuk meletakkan semua Syiah antaranya Syiah yang terdekat dengan Ahli Sunah Wal Jamaah ialah Syiah Zaidiyah yang diamalkan di Yaman yang hari ini dipolitikkan oleh Kerajaan Iran, Isna Asy'ariyah untuk tujuan politik antara Iran dan Saudi Arabia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Ya. Tetapi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat?

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kenapa Majlis Fatwa di Malaysia begitu cepat menjatuhkan hukuman semua Syiah sesat? Walaupun saya berpendirian sebagai seorang Muslim, sebagai seorang yang telah aktif dalam gerakan dakwah tidak mahu membenarkan ajaran Syiah dikembangkan di negara kita ini dan alam Melayu, kita wajib mempertahankan pegangan Ahli Sunah Waljamaah. Akan tetapi saya merasa bahawa dapatan ataupun fatwa Majlis Fatwa ini sepatutnya mereka merujuk kepada Al-Azhar bahkan juga ramai ulama-ulama yang lain. Sebab, pada tahun 1940-an, 1950-an dan 1960-an di Iraq yang kuat Syiahnya, kenapa orang Sunni, Ahli Sunah Waljamaah boleh berkahwin, berbesan dengan orang Syiah? Tahun-tahun 1960-an ya. Diberitahu oleh kawan-kawan kita. Jadi soalan saya itu yang pertama.

Kedua, kenapakah Kerajaan Malaysia ghairah untuk mengharamkan Syiah membrongkan semua Syiah sebagai keluar daripada ajaran Islam? Suatu yang saya rasa berat. Saya hendak pastikan, apakah benar bahawa Kerajaan Malaysia akhirnya terpaksa bertolak ansur dengan Kerajaan Iran dalam konteks perdagangan kelapa sawit? Mula-mulanya Kerajaan Iran memang khabarnya sudah boikot kelapa sawit kita tetapi oleh sebab pegangan Kerajaan Persekutuan akhirnya longgar terhadap penyebaran ajaran Syiah ini, maka barulah

Kerajaan Iran mengadakan semula hubungan dagang dengan Malaysia dalam konteks pembelian kelapa sawit. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya perlu jelaskan bahawa tidak tepat kalau Yang Berhormat menuduh bahawa Ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa sama ada di peringkat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam ataupun dikenali sebagai Majlis Fatwa Kebangsaan. Mahupun jawatankuasa fatwa di 14 buah negeri ataupun sembilan buah negeri yang di bawah Sultan, apabila mereka mengeluarkan satu-satu fatwa itu, mereka mengambil tindakan secara gelojoh tanpa mengambil kira fahaman secara holistik.

Ini kerana kita pun faham, Yang Berhormat pun faham bahawa dalam mana-mana fatwa yang hendak dikeluarkan, mereka bukan hanya mengambil perkiraan satu dua aspek. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Apabila kita hendak melakukan sesuatu hukuman ataupun hendak membuat sesuatu fatwa, dia harus mengambil kira semua aspek, semua faktor. Kajian-kajian telah dilakukan oleh jawatankuasa-jawatankuasa fatwa ini sebelum mereka mendatangkan apa juga keputusan. Saya bagi contoh. Dulu memang sebelum tahun 1984 di dalam Syiah, betul seperti mana Yang Berhormat menyebutkan, ada macam-macam mazhab dan kerajaan di bawah negeri-negeri pun bertolak ansur bahawa golongan Zaidiyah dan Jaafariyah sahaja diterima untuk diamalkan di Malaysia. Maknanya dua daripada mazhab itu diterima kerana dianggap dekat dengan Ahli Sunah Waljamaah.

Akan tetapi saya hendak berkongsi di sini, keputusan muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 telah memansuhkan Perkara 4.2 tadi yang mengatakan bahawa ajaran daripada golongan Syiah Zaidiyah dan Jaafariyah sahaja yang diterima ini telah pun dimansuhkan oleh Jawatankuasa Fatwa yang bersidang pada tahun 1996. Ada sebab kenapa mereka melakukan fatwa sedemikian. Apa yang paling utama tanpa saya menjelaskan secara perincian kerana mungkin masa yang tidak mengizinkan, apa yang paling utama apabila satu-satu keputusan yang dibuat mengambil kira semua faktor termasuk kita tidak mahu mencetuskan sebarang bentuk kemudaratan kepada rakyat kita. Kita tengok di mana-mana negara apabila kita biarkan mazhab-mazhab ini terutamanya Syiah ini dibenarkan untuk diamalkan, akhirnya akan berlaku konflik di dalam negara.

Cukuplah kita berpegang kepada akidah Ahli Sunah Waljamaah kerana Yang Berhormat pun tahu *saddu dzari'ah*, kita harus menutup segala ruang-ruang yang boleh membawa kepada kemudaratan dan apa yang kerajaan buat seperti mana Yang Berhormat juga tahu... *[Berucap dalam Bahasa Arab]* Pemerintah membuat satu-satu keputusan berdasarkan maslahat, kepentingan umum. Kepentingan yang paling penting untuk kita mengelakkan daripada

sebarang bentuk kemudaran yang mungkin wujud apabila wujudnya taksub, pelampauan dalam kelompok-kelompok kita yang akhirnya mereka sanggup berbunuhan-bunuhan atas nama perbezaan-perbezaan aliran.

Atas asas inilah saya mengharapkan bahawa semua harus faham bahawa satu-satu fatwa itu bukan digubal mengikut suka hati pihak-pihak tertentu, pihak penguasa tertentu tetapi mengambil kira semua aspek dan semua faktor sebelum mengeluarkan fatwa dan diwartakan akhirnya. Yang akhirnya kerajaan negerilah yang mempunyai kuasa penuh terhadap pelaksanaan, penguatkuasaan dan pengawalan aspek ajaran-ajaran sesat ini kerana kuasa agama Islam terletak di bawah kuasa negeri-negeri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sudah tiga soalan. Tak apalah, Yang Berhormat, nanti saya beri peluang.

**2. Tuan Chia Song Cheng** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan memberi penyelarasan sepenuhnya mekanisme subsidi minyak masak dan apakah langkah mencegah pencatuan.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan 16 pertanyaan lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim; Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han; dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Sebenarnya banyak lagi soalan yang sama pada 8 Disember, 13 Disember, 20 Disember dan 21 Disember.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, penstrukturran semula subsidi minyak masak yang dilakukan bukanlah bertujuan untuk menutup kelemahan penguatkuasaan kementerian mahupun agensi-agensi kerajaan lain terutamanya di sempadan, sebaliknya ialah untuk memastikan supaya bantuan kerajaan dalam bentuk subsidi ini dapat dinikmati oleh golongan yang disasarkan.

Penstrukturran semula subsidi minyak masak yang dilaksanakan berkuat kuasa pada 1 November 2016, baru-baru ini masih mengekalkan mekanisme yang dahulu di mana kuota sebanyak 50,000 tan metrik diagihkan kepada kilang penapis dan syarikat pembungkus minyak masak yang dilantik di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak. Harga asas jualan pukal

minyak RBD Palm Olein ditetapkan pada kadar RM2,300 per metrik tan. Kilang penapis dibenarkan untuk menuntut perbezaan harga minyak RBD Olein tadi daripada kementerian.

Justeru, harga jualan runcit bagi minyak masak bersubsidi pek *polybag* satu kilogram dapat dikekalkan dengan harga RM2.50 satu kilogram bagi kegunaan isi rumah terutamanya golongan kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah. Untuk mengekalkan harga kepada RM2.50 ini, kerajaan juga membayar subsidi kepada syarikat-syarikat pembungkus. Harga minyak masak bagi pek dan saiz pembungkusan lain pula, bermaknanya yang dua, tiga, empat dan lima kilogram dibenarkan dijual tetapi ia mengikut harga pasaran. Jurang perbezaan harga jualan minyak tanpa subsidi kalau kita bandingkan memanglah besar.

### ■1030

Masalah ini disebabkan peningkatan harga RBD Olein dunia yang menaik begitu ketara sekali. Walau bagaimanapun, peniaga di setiap peringkat rangkaian pengedaran adalah tertakluk pada Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan harga dan anti pencatutan. Maknanya mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah itu kitakekalkan aktanya dan margin keuntungan 2014 dalam penentuan margin keuntungan minyak masak serta harga jualan minyak masak di setiap peringkat pengedaran.

Tindakan undang-undang tegas akan dikenakan ke atas peniaga-peniaga yang dikenal pasti menaikkan harga minyak masak dengan tujuan meningkatkan margin keuntungan yang tidak munasabah. Masalah bekalan minyak masak yang berlaku baru-baru ini, adalah berpunca daripada *viral* di media sosial berkaitan kenaikan harga minyak masak ini. Ini telah menyebabkan pengguna panik dan melakukan pembelian luar biasa sehingga menyebabkan bekalan minyak masak terputus bekalan di semua peringkat sama ada peringkat pemborong, peruncit, *supermarket* dan juga *hypermarket*.

Penyelesaian yang diambil oleh kementerian dalam memastikan rakyat tidak terbeban adalah seperti berikut:

- (i) langkah awal dibuat dengan menambah kuota setiap bulan bagi memastikan bekalan minyak masak tidak bersubsidi cukup dalam pasaran;
- (ii) mengeluarkan surat arahan kepada semua kilang yang terlibat bagi memastikan bekalan kedua-dua minyak masak bersubsidi dan tidak bersubsidi dikeluarkan dan mencukupi permintaan di pasaran;

- (iii) membuat pemantauan secara harian seluruh negara di semua peringkat perniagaan bermula dari kilang-kilang penapis, kilang pembungkus minyak masak, pengedar hingga ke peruncit;
- (iv) mengadakan mesyuarat penyelarasan penguatkuasaan bersama agensi-agensi kawalan sempadan bagi membanteras cubaan penyeludupan minyak masak keluar negara serta melaksanakan operasi secara besar-besaran di seluruh negara termasuk mengaudit bekalan dan pengedaran bagi memastikan bekalan minyak masak sentiasa ada di pasaran.

Sehingga 5 Disember 2016, semalam sebanyak 48 kes telah pun diambil termasuk pengilang dengan pelbagai kesalahan. Antaranya tujuh kes melibatkan kesalahan menyorok minyak masak dan jumlah keseluruhan rampasan bernilai melebihi RM500,000 dan sebanyak 82 metrik tan minyak masak turut juga di sita. Seramai 14 daripada mereka telah dihadapkan ke mahkamah.

Kementerian akan terus komited menjalankan pemeriksaan dan pemantauan ke atas pengeluar, pembungkus, pengedar dan peruncit minyak masak di bawah perundangan kementerian ini bagi memastikan bekalan minyak masak sentiasa mencukupi serta penentuan harganya di pasaran adalah berpatutan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng

**Tuan Chia Song Cheng:** Ya. Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah dapat menjawab soalan saya. Saya memang ucapkan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang mana dapat mengawal harga minyak dan juga bekalan minyak masak dalam pasaran. Akan tetapi, sedangkan kita sedang menghadapi suatu gaji yang rendah dan kita juga sedang mengalami trend 2011 hingga tahun ini, pengangguran yang semakin meningkat terutamnya pada golongan belia.

Maka, soalan tambahan saya ialah apakah Yang Berhormat Menteri sedang melakukan untuk membantu rakyat yang menganggur untuk mencari kerja? Begitu juga soalan yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri telah ataupun telah mewujudkan pelan ataupun mekanisme untuk mencantumkan rakyat yang menganggur dengan kerja yang sedia ada? Soalan terakhir ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan punca isu struktur kerja dan juga gaji rendah yang kita sedang menghadapi? Apakah langkah-langkah untuk mengatasinya? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, ini lari jauh daripada soalan asal...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Memang bukan dalam bidang kuasa Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Itulah. Akan tetapi saya hendak maklum...

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak juga jawab.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak maklumkan sedikit kepada Yang Berhormat bahawa kerajaan sentiasa melihat bahawa daripada segi inflasi dalam negara ini tidak jauh daripada apa yang berlaku yang dipersepsikan. Maka sebab itu, cara kita membantu banyak caranya. Bukan hanya hendak naikkan gaji tetapi juga untuk membantu, untuk mendapat pendapatan yang lebih, tidak kira sama ada orang kampung, sama ada orang di bandar. Kita berikan peluang perniagaan sebagai contoh, daripada kementerian saya peluang-peluang kita berikan sama ada ia boleh lakukan melalui Permodalan Nasional (PNS) yang dibawah tanggungjawab saya. Kalau mereka ada produk-produk hendak dipasarkan, kita boleh bantu untuk mencari kaedah-kaedah untuk melihat produk mereka itu boleh dipasarkan.

Begitu juga melalui koperasi. Kita bantu supaya komuniti yang ada di situ boleh mewujudkan satu *environment* yang boleh membantu semua masyarakat yang ada untuk menambah pendapatan dan juga menggunakan peluang untuk meniaga melalui peruncitan dan pemborongan. Begitu juga, dalam kaedah untuk melihat semua peniaga yang ada dalam negara ini mencari keuntungan dengan sebaik mungkin, kita juga memberikan peluang-peluang melalui bantuan, pinjaman dan sebagainya yang ada dalam negara kita. Jadi, jangan kita hanya melihat daripada segi satu sudut tetapi sudut keseluruhannya harus diambil kira. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader. Jangan tanya fasal pengangguran ya.

**Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader:** [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan keterangan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, katakan minyak masak yang satu kilo ini hanya khususnya kepada golongan yang pendapatan kurang. Akan tetapi, apa cara dan inisiatif yang diambil oleh KPDKKK memastikan golongan inilah yang akan membelikan minyak masak yang satu kilo ini yang semata-mata untuk mereka sahaja. Macam mana cara orang yang lain ini mungkin berada, dia boleh beli, dia pun boleh isi dengan beli lima kotak. Lepas itu dia boleh isi dalam botol lima kilo. Boleh jadi kan? Bagaimanakah cara KPDKKK mengawalkan situasi ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini walaupun jawapan saya tadi saya kata tumpuan, fokus kita

berikan kepada rakyat yang tidak berkemampuan ataupun golongan B40. Akan tetapi tidak bermakna yang lainnya tidak diambil kira. Kajian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan, setiap seorang itu hanya memerlukan satu setengah kilo minyak masak sebulan.

Katalah kita ambil kira 30 juta untuk memudahkan perkiraan kita dalam Dewan ini. Kalau 30 juta darab satu setengah kilo, kita hanya memerlukan 45 ribu metrik tan sebulan. Jawapan saya tadi telah pun saya katakan, kita benarkan kuota melebihi 45 ribu. Bermakna cukup untuk semua rakyat yang ada. Ada orang mempersoalkan bagaimana pula dengan pekerja-pekerja asing dan sebagainya. Katalah kita kata tiga juta mereka yang ada dalam negara, kita hanya perlu lebih kurang empat setengah ribu metrik tan. Katalah 5,000, 45,000 campur 5,000 jadi 50,000 metrik tan.

#### ■1040

Manakala daripada kajian yang kita buat, tiap-tiap bulan yang tidak makan minyak sawit juga ada. Kita import minyak jagung, *rapeseed oil*, banyak lagi minyak-minyak yang lain, *oil olive*, semua itu lebih kurang 5,000 metrik tan sebulan. Maka bermakna kalau 50,000 yang kita berikan itu dan tolak juga dengan 5,000, berbalik kepada 45,000 metrik tan.

Jadi tak sebenarnya mencukupi, tak timbul masalah tak mencukupi dan tidak dibenarkan untuk rakyat berpendapatan tinggi untuk menggunakan minyak masak subsidi. Ini kerana kerajaan ini kerajaan yang prihatin, *essential goods* atau barang-barang keperluan asas itu kita berikan untuk seluruh rakyat yang ada, tak kira siapa. Tuan Yang di-Pertua yang duduk di depan kita hari ini yang paling tinggi di dalam Dewan ini pun boleh beli minyak masak.

Cuma yang kita bezakan hanyalah seperti minyak petrol, sebagai contoh RON95, RON97. Kalau sesiapa yang hendak menggunakan yang bersubsidi, pergilah RON95. Begitu juga dengan RON97, kalau mereka kereta yang besar-besar takkan hendak pakai RON95, dia pergi beli RON97. Samalah dengan kaedahnya yang mana yang saya buat supaya yang dalam *polybag* itu RM2.50 ada subsidi, yang dalam botol kerajaan tidak boleh hendak membayar subsidi terhadap botol itu sendiri, sudah pun melebihi daripada kadar jualan RM2.50 satu kilo. Maka bermakna terpulang kepada rakyat yang ada mempunyai gaya hidup yang lebih sedikit. Macam Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Tuan Yang di-Pertua pergi tengok hendak ambil *polybag*, orang tahu aku Speaker. Jadi malu hendak beli dalam *polybag*. Jadi belilah dalam botol, mahal sikit. Akan tetapi, minyak itu memang minyak untuk kepentingan semua orang rakyat yang ada. Tak timbul sama ada cukup ataupun tidak.

Ada orang persoalkan dengan saya bagaimana pula dengan peniaga-peniaga kecil. Peniaga-peniaga kecil ini dia juga hendak gunakan yang dalam *polybag*. Saya jawab mudah sahaja, kuota yang saya kira tadi 30 juta orang rakyat yang ada dan juga pekerja-pekerja asing

3 juta tadi sudah mencukupi. Jadi kalaualah Tuan Yang di-Pertua yang ada kuota tadi tidak gunakan kuota Tuan Yang di-Pertua kerana Tuan Yang di-Pertua pergi restoran, pergi beli makanan untuk peniaga kecil yang menjual kuih-kuih dan sebagainya, sudah tentu kuota Tuan Yang di-Pertua gunakan untuk makan, masak tadi balik rumah sudah tidak masak, kuota yang sama. Jadi tidak ada bezanya sama ada guna dalam restoran, sama ada guna sendiri di rumah. Kuotanya cukup mencukupi untuk semua rakyat yang ada dalam negara. Yakinlah, kerajaan ini kerajaan yang prihatin, sentiasa ingin membantu rakyat yang ada dalam negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu yang sama yang merunsingkan ialah penyeludupan minyak masak bersubsidi ke negara jiran. Apakah anggaran jumlah nilai kerugian yang dialami negara akibat kejadian tersebut dan adakah insiden-insiden penyeludupan keluar minyak masak ini telah berjaya dikurangkan kebelakangan ini? Apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak berkuasa negara untuk mencegahnya dengan lebih berkesan lagi? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tadi kuantiti dalam negeri ini sudah dijawab. Sekarang luar negeri pula, penyeludupan.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Cuba kita fikirkan, bulan Oktober sebelum November, kuota yang kita berikan 85,000 metrik tan. Bulan November, kita hanya keluarkan 50,000 metrik tan sebulan. Semua orang dapat minyak masak dan semua orang ada guna minyak masak kecuali minggu pertama bulan November oleh sebab mekanisme yang baru ini menyebabkan ada kekeliruan, ada *panic buying*, ada orang yang sorok. Ini kerana ada orang *viral* yang mengatakan minyak masak harganya akan naik, okey. Akan tetapi yang penting pada saya, selepas sahaja 30 November, saya sudah kira, perincian telah pun dibuat, kita hanya perlu lebih kurang 50,000 metrik tan. Semua orang ada minyak masak di mana jumlah yang sebelum ini yang kita berikan berlebihan. Sebelum ini kita berikan berlebihan sebanyak 85,000 metrik tan.

Maka, kalau persoalannya, adakah ini disebabkan oleh penyeludupan, yang kita tidak sedar Tuan Yang di-Pertua, kilang-kilang yang besar. Kilang-kilang ini sepatutnya tidak guna minyak masak bersubsidi kerana mereka melakukan atau membuat produk-produk makanan untuk dieksport. Sepatutnya tidak boleh guna minyak masak bersubsidi. Mereka inilah yang sebenarnya banyak menggunakan minyak masak bersubsidi dan eksport dengan menggunakan wang rakyat, subsidi yang diberikan melalui minyak masak. Itu yang sebenarnya

yang berlaku. Penyeludupan ada tetapi kalaularah penyeludupan mengikut sempadan semata-mata, tidaklah sebegitu banyak yang saya telah pun kira.

Oleh sebab itu, hari ini saya hendak maklumkan kita sudah menyelamatkan sebanyak 30,000 metrik tan dengan jumlah subsidi RM1,400. Apabila hari ini, *olein* sudah pun naik RM3,100, bermakna kita sudah pun membayar lebih kurang RM1,400 satu metrik tan bagi tiap-tiap minyak masak. Kalau kita selamatkan 30,000 metrik tan, bermakna kita telah pun menyelamatkan RM42 juta sebulan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahniah Yang Berhormat Menteri, usaha-usaha kementerian dan Menteri... [Tepuk] Tuan Isa bin Ab Hamid, Yang Berhormat.

**3. Tuan Isa bin Ab. Hamid** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah projek, keluasan dan peserta Tanaman Secara Komersial (TSK) kelapa sawit dan getah usahasama bersama agensi kerajaan seperti RISDA, FELCRA, yang melibatkan masyarakat Orang Asli. Mengapa kebanyakan projek TSK kurang berdaya saing dan pendapatan dividen bawah paras RM700.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab soalan nombor tiga tetapi pantu itulah [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan jawapan, ingin saya menggunakan peluang ini untuk mengalu-alukan kehadiran staf ataupun pegawai dari Pusat Khidmat Wakil Rakyat kawasan Parlimen P.190 Tawau, Sabah... [Tepuk meja]

Tuan Yang di-Pertua, ini jawapan dia. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli iaitu JAKOA telah melaksanakan pelbagai projek Tanam Secara Komersial (TSK) di perkampungan Orang Asli dengan kerjasama RISDA dan FELCRA. Sehingga kini, sejumlah 155 buah ladang dengan keluasan 22,720.47 hektar telah dibangunkan dengan tanaman getah dan kelapa sawit iaitu 114 buah ladang diurus oleh RISDA dan 41 buah ladang lagi diurus oleh FELCRA.

Merujuk kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, hanya terdapat sebahagian daripada projek TSK yang tidak berdaya saing dan dividen dibayar kurang daripada RM700 sebulan disebabkan pembangunan kawasan tanah bermasalah seperti ladang-ladang Orang Asli yang diberikan di kawasan tinggi dan bercerun, tanah yang bermarginal serta kedudukan tanah yang berselerak. Contoh-contoh projek tersebut TSK Gabong dan TSK Sungai Ruan di Pahang serta TSK Orang Asli RPS Legap dan 'Perwor' di negeri Perak.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat juga projek TSK yang berdaya maju namun dibayar dividen yang rendah kepada peserta disebabkan oleh saiz kawasan ladang yang kecil tidak dapat menampung bilangan peserta projek yang ramai. Tidak ada ekonomi *soft skill*-nya.

Contoh-contoh projek yang berkeadaan sedemikian TSK Bukit Manchong di Selangor, TSK Suak Padi di Perak dan TSK Juasgeh di Johor.

**■1050**

Manakala sebanyak 19 projek FELCRA berkeluasan 2,962.17 hektar telah mula melaksanakan proses tanaman semula bagi tahun 2015 dan 2016. Proses penanaman semula dilaksanakan bagi tanaman yang telah menjangkau usia 25 hingga 30 tahun dan tidak lagi ekonomik. Dijangka dengan pelaksanaan program ini akan meningkatkan pendapatan Orang Asli apabila ia berhasil kelak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Tuan Isa bin Ab Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Menteri. Kita sedia maklum bahawa penghasilan kelapa sawit, ladang-ladang projek FELCRA dan RISDA Orang Asli puratanya 12 sehingga 16 tan hektar per tahun. Apakah usaha kementerian untuk meningkatkan daya saing agensi RISDA dan FELCRA bagi meningkatkan produktiviti dan kepelbagaian pendapatan dalam projek TSK Orang Asli? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, terima kasih ya. Tuan Yang di-Pertua, pelbagai langkah telah diambil ataupun akan diambil juga untuk meningkatkan pendapatan peserta-peserta Orang Asli di TSK-TSK yang terbabit ataupun yang dikatakan tidak membayar dividen yang mencukupi. Jadi digalakkan aktiviti komersial yang lain seperti pembelaan ternakan seperti lembu dan pengusahaan madu kelulut, penanaman produk-produk seperti sayur-sayuran dan buah-buahan untuk meningkatkan pendapatan Orang Asli di kawasan tersebut.

Jadi selain daripada itu, amalan pertanian baik atau *good agriculture practice* sebagai usaha membantu masyarakat Orang Asli meningkatkan pendapatan mereka serta merealisasikan produktiviti kementerian ini melalui RISDA dan FELCRA tadi, bersama juga dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli, melaksanakan program pengembangan untuk meningkatkan kemahiran perkebunan dan produktiviti ladang masyarakat Orang Asli. Justeru, penekanan kepada empat amalan pertanian baik atau *good agriculture practice* dilaksanakan melalui program pembangunan modal insan seperti kempen tunjuk ajar dan bimbingan latihan secara menyeluruh. Empat *good agriculture practice* tersebut ialah:

- (i) pembangunan dan penyelenggaraan kebun;
- (ii) pembajaan;
- (iii) penggunaan bahan rangsangan *latex*; dan
- (iv) penorehan dan penuaian.

Jadi, banyak lagi program-program untuk meningkatkan produktiviti getah ataupun kita ada program PPG iaitu skop pemberian bantuan PPG iaitu peralatan menoreh di bawah program PPG oleh RISDA diperluaskan kepada masyarakat Orang Asli juga yang menerima bantuan tanaman semula ansuran akhir. Mengadakan juga mesyuarat jawatankuasa teknikal secara berkala. Agensi yang terlibat iaitu JAKOA, FELCRA, RISDA membincangkan isu-isu pembangunan tanah masyarakat Orang Asli untuk menggalakkan pertanian di kalangan peserta Orang Asli sebagai tenaga pekerja iaitu usaha mewujudkan kumpulan tenaga kerja baru di kalangan generasi muda masyarakat Orang Asli dalam sektor perladangan dan industri. Mempelbagaikan sumber pendapatan melalui program aktiviti ekonomi tambahan iaitu EET seperti mana telah saya sebut pada peringkat awal tadi.

Jadi, ini maklumat tambahan. Okey, setakat itulah jawapannya Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.

**4. Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilangan terkini kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri yang dilahirkan di Malaysia, khasnya di Sarawak, serta perancangan kerajaan bagi menambahbaik prosedur permohonan pengenalan diri kepada golongan kurang bernasib baik ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menyimpan rekod individu yang telah berdaftar bagi urusan kelahiran dan kematian, perkahwinan dan juga penceraian bagi yang bukan beragama Islam dan juga bagi individu yang telah dikeluarkan kad pengenalan. Oleh itu, JPN tidak menyimpan rekod individu yang tidak tampil ke JPN untuk mengemukakan permohonan bagi mendapatkan dokumen pengenalan diri yang bersesuaian.

Bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan pendaftaran kelahiran, perundungan di negara ini dengan jelas telah memperuntukkan bahawa setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia adalah wajib didaftarkan. Dalam konteks negeri Sarawak, perundungan ini ditadbir di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sarawak Cap.10). Setelah didaftarkan, sijil kelahiran akan dikeluarkan oleh JPN yang mana bukti bahawa kelahiran telah berlaku di Malaysia dan ia tidak menyebabkan kanak-kanak tersebut memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik.

Bagi memastikan agar setiap penduduk yang dilahirkan di Malaysia dapat didaftarkan dengan mudah dan *assessable*, kerajaan melalui JPN telah mengambil langkah proaktif seperti berikut:

- (i) program *outreach* atau program turun padang;

- (ii) program Unit Khas Bergerak atau *mobile unit* untuk kemudahan penduduk di kawasan pedalaman; dan
- (iii) membuka kaunter-kaunter di ibu pejabat Jabatan Pendaftaran Negara negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan juga Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

Oleh itu bagi menggalakkan penyertaan semua pihak, pihak Ahli Yang Berhormat adalah dialu-alukan untuk memanjangkan maklumat ini kepada pemohon yang berkelayakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk.

**Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Daripada jumlah yang disebutkan tadi, berapa daripada mereka yang dikenal pasti anak warganegara asing dan warga tempatan dan apakah mekanisme yang diguna pakai kerajaan dalam menentukan perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Bilangan.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Yang Berhormat, terima kasih untuk soalan tambahan. Untuk kita di Sarawak sahaja, untuk program Unit Khas Bergerak, kita telah mengadakan 761 operasi yang melibatkan permohonan sebanyak 20,146. Setakat ini saya belum ada menerima berapa yang telah diproses dan diluluskan dan saya akan bagi kepada Yang Berhormat nanti sekiranya saya ada jawapan.

Satu lagi program yang kita adakan di Sarawak iaitu Pasukan Petugas Khas. Kita telah mengadakan hampir semua di seluruh kawasan pedalaman. Kita telah menjalankan operasi di kawasan pedalaman dan menerima permohonan untuk mereka mendaftar atau mendapat kad pengenalan dan juga sijil lahir. Setakat ini kita telah menerima 4,001 permohonan di seluruh negeri Sarawak dan yang telah lulus 2,799, manakala bakinya masih dalam proses JPN. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimana kementerian secara holistik dan efektif menangani kes-kes khas pendaftaran kelahiran kanak-kanak bagi kes di mana ibu bapa mereka mempunyai masalah pendaftaran perkahwinan kerana berlakunya perkahwinan di Thailand ataupun poligami atau kahwin lari. Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya bukan sahaja di Thailand, kita pun mengalami masalah di Sarawak, Sabah di mana penduduk kita berkahwin dengan orang sebelah sana. Sudah pasti bila mereka berkahwin di luar negara kita, mereka hendaklah mendaftarkan semula perkahwinan mereka di negara kita supaya tindakan-tindakan

susulan dapat diambil dan anak mereka nanti akan diiktiraf sekiranya mengikut undang-undang yang sedia ada iaitu mengikut ibu mereka.

■1100

Baru-baru ini kita telah meluluskan di peringkat Dewan Rakyat undang-undang baru pindaan kelahiran dan juga kematian dan kita akan bentangkan di Parlimen pada sidang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul.

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk bertanya soalan. Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk bertanya mengenai pemegang-pemegang IMM13 di negeri Sabah, di mana pada hari ini dianggarkan lebih kurang 84,000 orang pemegang IMM13 ini. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apa yang akan dilakukan dengan pemegang-pemegang IMM13 di negeri Sabah, sama ada masih terus diperbaharui dokumen mereka? Kedua, apa strategi atau pun perancangan kerajaan untuk menghantar balik pemegang-pemegang IMM13 ini kerana pada hari ini keadaan negara mereka sudah begitu aman. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Yang Berhormat Senator, terima kasih. Walaupun perkara ini sudah luar daripada soalan asal tetapi setakat ini kita sudah menjalankan RCI di Sabah dan kita masih lagi menunggu keputusan RCI tersebut. Sudah pasti perkara ini, sekiranya saya ada jawapan nanti, saya akan bagi maklumat terperinci kepada Yang Berhormat Senator kerana kita tidak mahu mendahului apa dapatan RCI yang sedang dilaksanakan. Terima kasih.

5. **Datuk Zali bin Mat Yasin** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, jumlah projek perumahan terbengkalai di negara ini dan jelaskan apakah tindakan dan bentuk tindakan yang diambil terhadap pemaju yang gagal menyiapkan projek dan bentuk perlindungan yang diberikan kepada pembeli yang menghadapi masalah sebegini.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin atas persoalan yang telah dikemukakan kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Zali, dari tahun 2013 sehingga November 2016, terdapat sebanyak 134 buah projek perumahan swasta di seluruh Semenanjung Malaysia yang dikategorikan sebagai projek terbengkalai di bawah seksyen 11(1)(ca), Akta Pemajuan Perumahan, Kawalan dan Perlesenan 1996 iaitu Akta 118.

Daripada jumlah tersebut Yang Berhormat Datuk, projek terbengkalai yang telah pun diisyiharkan, tadi saya sebut dari tahun 2013 sehingga November 2016 dan yang telah diisyiharkan hanya untuk tahun 2016, Yang Berhormat Menteri telah pun mengisyiharkan sebanyak 26 buah projek terbengkalai.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya amat memandang serius tentang permasalahan yang dihadapi oleh para pembeli terhadap projek-projek perumahan swasta yang mereka membeli dengan harapan untuk memiliki sebuah rumah tetapi projek itu terbengkalai. Ia merupakan satu masalah yang dipandang serius dan amat berat oleh pihak kementerian. Maka kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun mengambil tindakan, menyenaraihitamkan pemaju-pemaju yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh perjanjian jual beli atau pun S&P yang menyebabkan projek itu terbengkalai.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, apabila disenaraihitamkan, pemaju dan ahli-ahli lembaga pengarah syarikat yang berkenaan tidak boleh memohon apa-apa lesen dan permit iklan serta membuat apa-apa jualan yang baru atau memperbaharui permit iklan dan jualan yang sedia ada. Itu yang pertama. Keduanya, senarai pemaju-pemaju yang disenaraihitamkan dipaparkan di laman sesawang KPKT untuk rujukan pembeli dan juga *stakeholders* yang lain. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil tindakan pendakwaan dan juga kompaun ke atas mana-mana pemaju yang tidak mematuhi peruntukan dan peraturan yang terkandung dalam Akta Pemajuan Perumahan di bawah Kawalan dan Perlesenan 1996 iaitu Akta 118.

Di antaranya di bawah seksyen seperti berikut, yang pertama, seksyen 5(1), tindakan pendakwaan ke atas pemaju perumahan tanpa lesen di mana penalti atau kesalahan ini denda tidak kurang daripada RM250,000 dan tidak melebihi RM500,000 atau pun dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau pun kedua-duanya sekali, atau yang kedua, di bawah seksyen 18A, tindakan pendakwaan dikenakan terhadap pemaju perumahan berlesen atas alasan mengabaikan sesuatu pemajuan perumahan selama enam bulan secara berterusan atau pun melebihi daripada tempoh penyiapan yang telah pun dipersetujui dalam perjanjian S&P antara pemaju dengan pihak pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga mengambil perhatian selain dari mengambil berat dan melaksanakan tindakan kepada syarikat-syarikat pemaju yang sengaja menyebabkan sesuatu projek itu terbengkalai. Selain daripada itu, kementerian juga mengambil berat bagi melindungi hak pembeli dalam peruntukan pindaan di bawah Akta 118 ini, Tuan Yang di-Pertua, telah pun diletakkan di bawah seksyen 8A iaitu membenarkan pembeli secara individu untuk memohon menamatkan apa-apa perjanjian jual beli pada bila-bila masa sekiranya pembeli

mendapati bahawa tidak berlaku apa-apa kemajuan pembinaan secara berterusan di atas tapak pembinaan yang dibeli oleh pemaju selama dalam tempoh enam bulan atau pun lebih selepas perjanjian S&P itu ditandatangani.

Kalau dahulu, sebelum pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada tindakan yang boleh diambil oleh pihak pembeli tetapi selepas diadakan pindaan kepada Akta 118 ini, pembeli boleh menamatkan perjanjian S&P sekiranya mereka dapat bahawa tidak berlaku apa-apa kemajuan terhadap tapak rumah yang mereka beli dan dalam tempoh enam bulan atau selebihnya. Jadi mereka boleh tamatkan perjanjian itu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga mengambil langkah bagi melindungi para pembeli seperti berikut. Pertama, mengadakan rundingan bagi membantu pemaju supaya mendapatkan jalan penyelesaian terhadap isu-isu yang mungkin ada kaitan dengan pihak berkuasa tempatan untuk pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dan juga Sijil Kelayakan Menduduki (CFO).

Kedua, kementerian juga akan memastikan pemaju berwibawa melaksanakan pemajuan perumahan di mana deposit lesen pemajuan perumahan telah pun dipinda, dinaikkan. Kalau dahulu kita letak deposit pemajuan perumahan pada kadar RM200,000 tetapi dengan pindaan di bawah Akta 118 ini, Tuan Yang di-Pertua, kita telah tambahkan, tingkatkan daripada RM200,000 kepada tiga peratus daripada anggaran kos pembinaan, termasuklah kos yuran profesional di bawah seksyen 6 Akta 118. Dahulu RM200,000, kali ini tiga peratus daripada anggaran kos pembinaan yang ada itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk sekejap Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini delegasi daripada Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia... *[Tepuk meja]* Dengan yang diketuai oleh Yang Berhormat Dr. Ir. Haji Taufik Kurniawan, Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia. Semoga dengan kehadiran ini dapat mengeratkan lagi silaturahim dua hala di antara Parlimen Malaysia dan Indonesia. Selamat datang. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat, soalan tambahan.

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan terperinci dan lengkap. Saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian KPKT khususnya kerana sentiasa menjaga kebijakan rakyat Malaysia terutamanya apabila mereka memperjuangkan soal perumahan di negara kita.

Sebenarnya terlalu banyak yang kerajaan telah pun memberi bantuan kepada rakyat, khususnya dalam soal perumahan. Contohnya rumah PPR, rumah PR1MA dan yang terkini kerajaan mengumumkan rumah transit untuk orang belia, orang muda yang mana mereka boleh

menyewa lima tahun kemudian selepas itu wang yang diambil, disimpan oleh kerajaan itu akan dijadikan sebagai deposit untuk mereka membeli rumah. Terima kasih kepada kerajaan. Seterusnya, ada juga skim berkenaan dengan rumah *Mybeautiful New Home* atau pun MyBN. Jadi terima kasih diucapkan pada pihak kementerian dan yang kita rasa amat kecewa kerana adanya pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab, yang menggagalkan hasrat kerajaan. Jadi soalan saya...

■1110

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jawab untuk kementerian kah atau tanya soalan?

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Saya hendak ucap tahniah kepada kementerian [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat?

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Soalan saya ialah apakah faktor yang menyebabkan suatu projek ini menjadi terbengkalai? Apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak kementerian terhadap pemaju yang tidak berlesen? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Zali atas sokongan yang diberikan kepada kementerian. Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor yang menyebabkan sesuatu projek perumahan itu boleh menjadi projek terbengkalai, ia ada lebih kurang lima faktor.

- (i) pemaju gagal untuk menguruskan perbelanjaan syarikat atau projek dengan baik, gagal. Apabila gagal, projek terbengkalai, yang jadi mangsa, pembeli;
- (ii) projek yang telah dilancarkan tidak menerima sambutan yang baik daripada pembeli yang menyebabkan *profit threshold* itu yang diharapkan oleh pihak syarikat tidak tercapai. Mungkin publisiti atau mungkin tawaran harga rumah yang hendak dijual ini tidak menarik kepada bakal-bakal pembeli;
- (iii) pemaju tidak membuat kajian *return of investment* dengan tepat. Hendak dapatkan pulangan yang cepat, jadi tidak ada perancangan terhadap *return of investment*, dengan izin;
- (iv) perubahan harga bahan binaan di pasaran juga memberikan impak kepada sesuatu perancangan pemajuan perumahan yang dirancang oleh pihak syarikat yang akan meningkatkan dan kemudian menyebabkan pemaju akhirnya tidak dapat meneruskan projek yang berkenaan; dan

(v) perancangan *forward planning* syarikat pemaju kadang-kadang dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi dunia. Kita ingat dulu masa waktu krisis ekonomi tahun 1997 menyebabkan banyak syarikat yang gagal untuk meneruskan projek-projeknya.

Menjawab kepada persoalan seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Zali tadi, apakah tindakan kementerian terhadap pemaju-pemaju tanpa lesen? Isu semasa akibat daripada projek pemajuan tanpa lesen ini, ia memberikan kesan yang amat mendalam kepada pembeli. Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, pembeli haruslah bijak untuk memilih mana-mana projek perumahan yang mahu dibeli dan pembeli mesti mengambil sikap bertanggungjawab, buat semakan sama ada syarikat ini telah pun disenaraihitamkan ataupun tidak, seperti yang saya nyatakan, kita pamerkan dalam laman sesawang KPKT.

Antara kesan yang mendalam yang akan ditanggung oleh pembeli, bebanan kewangan yang ditanggung oleh pembeli, Tuan Yang di-Pertua. Pembeli terpaksa tanggung beban hutang terhadap institusi kewangan walaupun projek tersebut tidak siap. Projek tidak siap, pinjaman bank tetap kena servis. Projek tidak siap, servis bank tetap berjalan. Bank tidak ada kata "*Oleh sebab projek terbengkalai, kita kesian dengan awak, tidak apalah kita tangguhkan dahulu.*" Tidak ada. Projek terbengkalai ataupun projek yang dibangunkan oleh pemaju tidak berlesen ini tidak dapat disiapkan tetapi pinjaman bank tetap perlu diserviskan, itu yang pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, pembeli akan menghadapi masalah di mana CFO dan hak milik bagi projek perumahan tanpa lesen ini tidak dapat didaftarkan atas nama mereka. Jadi, apabila tidak dapat didaftarkan atas nama mereka Tuan Yang di-Pertua, ia akan menyukarkan pembeli untuk menjual rumah itu esok dan ia akan menyukarkan kepada pembeli untuk memperoleh perlindungan insurans ataupun berdepan dengan risiko. Mungkin tanah akan dilelong, dijual kepada pihak yang lain oleh pemaju yang tidak berlesen ini.

Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah pun saya nyatakan tadi, kementerian mengambil tindakan pendakwaan di bawah seksyen 5(1) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, Akta 118. Tadi saya sudah jelaskan Yang Berhormat Datuk Zali, pemaju tanpa lesen jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM250,000 tetapi tidak melebihi RM500,000 ataupun dipenjarakan selama tempoh tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali. Jadi, apa yang saya hendak nasihatkan kepada bakal-bakal pembeli, supaya bakal-bakal pembeli menjadi bakal pembeli yang lebih bertanggungjawab, buat semakan senarai pemaju yang disenaraihitamkan dan pilihlah pemaju-pemaju yang berlesen, yang dapat menawarkan projek perumahan yang lebih baik lagi kepada pembeli-pembeli. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Adam.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya suka hendak mengemukakan soalan tambahan. Satu, sebab ini memang subjek yang saya suka. Kedua, kerana Yang Berhormat Menteri yang menjawab, saya juga suka [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua suka Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Saya ingin bertanya, saya sedar saya tua [Ketawa] Akan tetapi saya dengan Yang Berhormat Menteri kawan biasa. Saya hendak bertanya, adakah satu hubungan dua hala diwujudkan antara kementerian dengan pemaju-pemaju perumahan yang menghadapi masalah kegagalan ini? Satu contoh melalui pengalaman saya dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya dapati ada kekangan-kekangan yang dihadapi oleh pemaju-pemaju perumahan. Misalnya dengan pihak berkuasa, Tenaga Nasional Berhad, bekalan air, infrastruktur dan pelbagai. Oleh sebab itu, projek boleh terbengkalai. Adakah kementerian boleh mewujudkan hubungan dua hala ini untuk memastikan keberkesanan pemaju perumahan ini boleh menyiapkan projeknya dan pembeli-pembeli tidak teraniaya? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya suka kepada Yang Berhormat yang bertanya, tua tidak menjadi masalah selagi masih bertenaga [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, pelbagai tindakan yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk menentukan supaya tidak berlaku lagi projek-projek terbengkalai ini.

Ini kerana kita tahu ada di antara pemaju perumahan yang menghadapi masalah. Bukan menghadapi masalah dengan pihak kementerian, kerana kementerian akan mengeluarkan lesen APDL dan Jabatan Perumahan Negara akan sentiasa berurusan, bertemu, mengadakan sesi-sesi pertemuan dengan pemaju-pemaju. Contoh pada hari ini, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara berada di Melaka, berjumpa dengan semua pemaju, berjumpa dengan anggota Lembaga Perumahan Melaka untuk membincangkan soal yang berkaitan yang mungkin dihadapi oleh pihak pemaju.

**[Dato' Sri Khairudin Samad mempengerusikan Mesyuarat]**

Jabatan Perumahan Negara akan berterusan mengadakan perhubungan, perbincangan bersama dengan pihak pemaju-pemaju untuk mengenal pasti apakah isu-isu yang dihadapi. Mungkin yang berkaitan dengan peringkat kementerian iaitu Jabatan Perumahan Negara ataupun mungkin ada isu-isu yang berkaitan dengan urusan mereka. Terutama daripada segi

*building plan, Development Order* dan sebagainya yang berkaitan dengan pihak berkuasa tempatan.

Jadi, apa yang saya hendak tegaskan kepada Yang Berhormat yang saya suka, Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid, ini Exco Perumahan di Johor ini, jumlah penggal jadi Exco Perumahan di Johor sebab itu dia tahu semua perkara yang hendak dibangkitkan. Saya hendak meyakinkan kepada Yang Berhormat, bahawa usaha diteruskan dari semasa ke semasa, bukan sahaja apabila kita berhadapan dengan projek-projek terbengkalai tetapi usaha diteruskan untuk kita mengelakkan daripada berlakunya projek sakit, projek lewat dan juga projek-projek terbengkalai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Dato' Suhaimi.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada satu laporan yang dibuat oleh Astro Awani pada 13 April 2016. Dalam laporan tersebut telah dinyatakan antara tahun 2000 hingga 2014, kenaikan harga rumah sebanyak 110 peratus. Dibuat perbandingan dengan kenaikan gaji di Malaysia, di mana kadar gaji di Malaysia hanya naik 2.6 peratus.

## ■1120

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kementerian akan mengkolaborasikan kedua-dua faktor ini yang tidak seimbang supaya rumah-rumah di Malaysia ini tidak dimiliki oleh orang luar dengan begitu banyak? Apakah tindakan kementerian mengenai harga ini? Apakah akan diberi subsidi ataupun akan diberi bantuan atau *special loan* untuk pembelian rumah-rumah ini? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dikemukakan ini adalah berkaitan projek-projek terbengkalai yang berlaku di negara, yang dibangunkan oleh syarikat swasta, Yang Berhormat Dato' Suhaimi. Jadi, kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Suhaimi tadi berkaitan dengan, apa tindakan kerajaan, terutama kementerian berkaitan dengan harga-harga rumah yang meningkat. Apakah usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan?

Saya tidak dapat memberikan *figures*, data berkaitan dengan jumlah dan sebagainya. Akan tetapi apa yang saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi, pelbagai tindakan yang diambil oleh pihak kementerian berkaitan dengan *cooling measures* yang dibuat oleh Bank Negara. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga telah pun sedang merangka beberapa program seperti Program Rumah Transit Home untuk meningkatkan lebih ramai lagi, menggalakkan masyarakat muda lebih ramai lagi

menyewa, sambil itu membuat simpanan terhadap simpanan pembelian rumah pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Menteri telah pun bersetuju dalam bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kita bina lebih kurang 10 ribu buah rumah untuk ditawarkan kepada golongan-golongan muda yang ada. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, di peringkat kementerian, juga ada penawaran rumah, Program Perumahan Rakyat ataupun PPR yang dibangunkan untuk diberikan pemilikan sama ada secara sewa ataupun secara sewa beli atau *rent-to-own* yang akan ditawarkan kepada pembeli-pembeli yang berpendapatan RM3,000 ke bawah, Jadi, ada skim-skim perumahan yang sengaja diwujudkan sebagai kerajaan yang membela nasib rakyat untuk terus memiliki rumah bagi mereka yang berpendapatan B40 ke bawah, banyak perancangan projek-projek perumahan yang akan dibina khususnya yang diaturkan oleh pihak kementerian.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang berpendapatan M40 ke bawah, projek-projek perumahan rumah mampu milik bernilai RM300,000 telah pun dipersetujui oleh semua kerajaan negeri. Kerajaan negeri telah bersetuju supaya menggalakkan pemaju-pemaju membina lebih banyak lagi rumah-rumah mampu milik yang bernilai RM300,000 ke bawah. Ini adalah merupakan tawaran yang boleh ditawarkan kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan di bawah M40 ataupun yang berpendapatan di bawah B40 untuk terus memiliki rumah. Usaha kerajaan untuk terus menggalakkan pemaju membina lebih banyak rumah mampu milik diteruskan bukan sahaja di peringkat kementerian, tetapi juga di peringkat kerajaan-kerajaan negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Datuk Lihan Jok** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah anggota polis dan anggota polis bantuan di Sarawak setakat 2016, dan apa sasaran jangka panjang untuk menambah anggota polis di Sarawak.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia sentiasa membuat kajian dan perancangan untuk mengisi kekosongan jawatan tetap penambahan pada jawatan sedia ada.

Sehingga Oktober 2016, sebanyak 92 peratus jawatan hakiki pegawai dan anggota polis telah diisi oleh 7,050 orang anggota pelbagai pangkat yang sedang menjalani Program Latihan Asas Kepolisian dan akan ditempatkan di semua formasi yang mempunyai kekosongan perjawatan. Statistik keanggotaan bagi anggota polis dan polis bantuan di kontinjen Sarawak sehingga Oktober 2016 adalah seperti berikut:

Keanggotaan	Bilangan Kekosongan	Kekosongan Diisi	Kekosongan
PDRM	6,824	6,288	536
Polis Bantuan	6,816	2,873	3,943

Bagi polis bantuan, sebanyak 42 peratus perjawatan yang telah diisi merangkumi agensi kerajaan, agensi swasta, badan berkanun dan *government-linked company* (GLC). Pengambilan polis bantuan adalah bergantung kepada keperluan dan permohonan agensi-agensi berkenaan yang terlibat.

Di samping itu, untuk saraan jangka panjang, PDRM juga sedang membuat kajian untuk mengukuhkan perjawatan di balai-balai polis serta di Ibu Pejabat Polis Daerah di Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak untuk dikemukakan kepada agensi-agensi Pusat. Kajian yang dibuat adalah berdasarkan kepada kedudukan balai berkenaan serta fungsi dan beban tugas yang dipikul oleh balai berkenaan mengikut kategori berikut:

- (i) balai polis metropolitan;
- (ii) balai polis bandar;
- (iii) balai polis luar bandar;
- (iv) balai polis di pulau-pulau;
- (v) balai polis di sempadan antarabangsa;
- (vi) balai polis di lapangan terbang antarabangsa dan domestik serta pelabuhan-pelabuhan; dan
- (vii) balai polis di kawasan pedalaman, kawasan FELDA, perkampungan Orang Asli, kampung-kampung baru dan sebagainya.

Faktor-faktor yang akan diambil kira ialah seperti berikut iaitu faktor sosioekonomi dilihat daripada segi pekerjaan, tahap ekonomi penduduk, kawasan perindustrian, kawasan perbankan dan lain-lain lagi. Faktor kompleksiti penugasan dengan mengambil kira perkara-perkara yang perlu ada dalam mewujudkan sebuah balai atau Ibu Pejabat Polis iaitu mesti ada (*must have*), patut ada (*should have*) dan elok jika ada (*nice to have*). Selain daripada itu, kajian pengukuhan perjawatan, kajian tersebut juga mengambil kira bebanan kewangan yang akan ditanggung oleh kerajaan daripada segi emolumen serta keperluan logistik yang lain. Sekiranya cadangan ini diterima pakai oleh pihak kerajaan, tentunya Sarawak juga akan mendapat pertambahan perjawatan nanti di masa akan datang. Terima kasih.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Cerita kepolisan, isu kepolisan ini amat penting dalam negara kita yang kian membangun.

Makin membesar kawasan bandar, apabila rakyat bertambah, polis inilah yang amat penting, yang membuat kita hidup rasa tenang, *confident*, tidak rasa takut. Bila anak melihat polis di jalan raya kah atau di mana-mana, kita rasa aman.

Baru-baru ini pihak Sarawak telah membuat persempadan yang baru kepada pentadbiran negeri. Pada tahun yang lepas, menubuhkan satu bahagian yang baru iaitu Serian dan menubuhkan juga sembilan buah daerah, iaitu Tebedu, Subis, Beluru, Sebauh, Tanjung Manis, Kabong, Pusa, Telang Usan dan Bukit Mabong dan tiga buah daerah kecil iaitu Mulu, Lapok dan Long Bedian. Adakah rancangan jangka pendek kerajaan untuk menubuhkan balai dan menambahkan anggota polis kepada daerah atau bahagian yang baru ini? Itu soalan saya.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya kita mengambil maklum perkara ini dan sudah pasti kajian yang sedang kita jalankan akan pada masa akan datang, akan mengisi. Sekiranya perlu, pihak Yang Berhormat, sekiranya ada permintaan terutama di Telang Usan dan sebagainya atau Mulu seterusnya, kita boleh pertimbangkan sekiranya kita ada pertambahan ekonomi yang baik pada masa akan datang dan sudah pasti, saya akan mengambil maklum perkara ini dan sekiranya boleh, kita akan bawa kepada pihak pengurusan PDRM. Terima kasih.

**Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah, apakah nisbah yang menjadi ukuran samas ada daripada segi keluasan kawasan ataupun daripada jumlah penduduk yang melayakkan kerajaan untuk mewujudkan sebuah balai polis sama ada di bandar ataupun di luar bandar? Terima kasih.

■1130

**Tuan Masir Anak Kujat:** Yang Berhormat, sebenarnya tadi saya sudah menyebut faktor-faktor yang akan diambil kira untuk menubuhkan mana-mana balai baru ataupun menaik taraf dan sebagainya. Terutama tadi saya sebut tentang sosioekonomi, pekerjaan di kawasan sana, di tahap ekonomi penduduk sekiranya ada industri, kawasan perbankan dan sebagainya. Tadi saya sudah sebut dan tidak perlu saya mengulang jawapan tersebut. Terima kasih.

7. **Dato' Dr. Johari bin Mat** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana persiapan pihak kerajaan dalam menghadapi musim tengkujuh pada penghujung tahun 2016, terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:**  
*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Yang Berhormat Timbalan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya soalan.

Bagi pengendalian tindak balas bencana dalam menghadapi musim banjir pada tahun ini, kerajaan telah mengarahkan semua agensi penyelamat seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Angkatan Tentera Malaysia supaya bersiap siaga untuk diatur gerak bagi pelaksanaan operasi pemindahan dan juga penyelamatan. Sebagai sokongan kepada operasi tindak balas ini peralatan dan jentera milik agensi berkenaan juga telah dipertingkatkan dan diletak dalam keadaan yang siap siaga. Antaranya ialah lori, kenderaan pacuan empat-roda, bot penyelamat dan juga lain-lain akan digerakkan sekiranya berlaku perpindahan mangsa.

Selain daripada itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan 5,208 buah pusat perpindahan di seluruh Malaysia untuk menampung perpindahan sebanyak 1.6 juta orang mangsa dalam satu-satu masa. Sebanyak lima buah depot simpanan keperluan bencana telah diwujudkan mengikut zon iaitu di Kemumin (Kelantan); Marang (Terengganu); Bedong (Kedah); Sungai Buloh (Selangor); dan Muar (Johor). JKM juga telah menetapkan sebanyak 569 buah pangkalan hadapan serta melantik 1,049 orang pembekal setempat di seluruh negara bagi menyokong kelangsungan penyampaian bekalan makanan dan keperluan asas kepada mangsa dengan segera.

Dalam hal ini juga APM turut mewujudkan depot-depot simpanan dan bantuan bencana di lokasi-lokasi terpilih, terutamanya di kawasan yang berisiko berlakunya banjir. Bagi memastikan kebajikan mangsa-mangsa bencana di pusat perpindahan, APM akan menyokong pihak JKM dalam melancarkan pengurusan terutamanya daripada segi pendaftaran, masak dan juga lain-lain lagi serta menyelia semua pasukan sukarelawan dan juga lain-lain NGO.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu untuk memantapkan pengurusan bantuan bencana NADMA selaku *National Focal Point* penyelaras utama menyediakan platform induk bagi menghubungkan rangkaian kerjasama di peringkat pusat bersama NGO, untuk mengenal pasti keupayaan dan bentuk sumbangan bantuan yang boleh digembleng bagi membantu kebajikan mangsa-mangsa bencana. NADMA telah menganjurkan mesyuarat dan sesi khas bersama NGO serta badan-badan korporat bagi mendapatkan persefahaman dalam meningkatkan keberkesanan dalam usaha penyampaian bantuan kepada mangsa bencana yang amat memerlukan khususnya di kawasan-kawasan sasaran.

Sehingga kini NADMA telah berhubung dan bekerjasama dengan lebih daripada 40 NGO, dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), konglomerat dan juga koperasi. NADMA juga telah melaksanakan program-program latih amal dan simulasi bencana bagi memastikan koordinasi di antara agensi penyelamat di seluruh negara agar selaras dan dalam masa yang sama meningkatkan kesedaran risiko bencana di peringkat komuniti dan masyarakat.

Antara program yang telah dilaksanakan ialah *Table Talk Exercise* Empangan Bakun, Program Kesedaran Awam dan *Table Talk Exercise* Bencana Gempa Bumi di Lahad Datu, Program *Table Talk Exercise*, dan *Command Post Exercise* Bencana Banjir Zon Pantai Timur, Program *Table Talk Exercise* Langkawi dan yang terkini ialah Program Kesedaran Awam Menghadapi Bencana bertempat di Gua Musang, Kelantan. Dalam masa yang sama kita juga telah melancarkan Bulan Kesiapsiagaan Nasional pada 21 dan 23 Oktober yang lepas di Kemaman Waterfront, Terengganu yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat telah menyarankan supaya Kemaman *template* diguna pakai di seluruh negara dalam menghadapi bencana banjir. Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang jelas dan juga penerangan-penerangan yang sepadu antara semua agensi kerajaan di dalam menghadapi masa banjir. Kita dapat bahawa banjir ini sebagai satu rutin dalam masyarakat kita di Malaysia. Kalau akhir-akhir tahun ini makna kerajaan, masyarakat seluruhnya bersedia dalam menghadapi suasana tersebut. Apa yang telah disebutkan tadi ialah persediaan jangka pendek atau perisian semasa.

Saya ingin dapat penjelasan atau maklumat daripada pihak Yang Berhormat Menteri, jangka panjang untuk menghadapi masa banjir ini seperti tambatan banjir di tempat-tempat yang telah dikenal pasti yang selalu dilanda banjir seperti sebagaimana semalam telah disebut oleh Yang Berhormat Dato' Abdullah di Rantau Panjang. Di Rantau Panjang tadi, kerajaan telah mengenal pasti bahawa di situ selalu berlaku banjir apabila air Sungai Golok melimpah kerana dipihak kita- tebing kita rendah, di tebing Sungai Golok ia tinggi sudah tentulah air melimpah dari tempat yang rendah.

Jadi bagaimana kaedah-kaedah atau saya difahamkan bahawa ada keputusan yang telah diputuskan bahawa akan dibina dan begitu juga apa yang berlaku di persisiran pantai. Apabila ombak besar atau air pasang besar melimpah maka, ia juga memberi kesan yang tidak dapat dielak kepada penduduk sekitar. Saya ingin tahu bagaimana jangka panjang ini dapat dilakukan supaya risiko kepada penduduk yang biasanya terlibat dapat dikurangkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah, sebab saya masa *syiah* tadi saya duduk dekat luar, saya duduk dengar apabila saya masuk sudah habis. Sekarang banjir ini, yang saya terang tadi ialah jangka pendek sekali dengan berlaku banjir apa yang harus kita buat. Akan tetapi sekarang ini pendekatan kita sudah berubah lagi, sebab banyak pandangan yang telah dibagi bahawa kita kena ikut negara maju dan sebagainya. Ya, kita akan ikut negara maju, iaitu berpindah sebelum

banjir dan bila balik rumah banjir habis. Jadi dengan itu pengurangan kita boleh kurangkan penggunaan bot, trak dan lain-lain lagi.

Di negara maju kita lihat di Jepun terutamanya bila berlaku banjir besar tidak nampak bot, tidak nampak trak, memang trak tidak boleh lalulah tetapi bot tidak nampak, yang nampak mungkin satu atau pun dua untuk memantau. Akan tetapi semua orang sudah pindah sebelum banjir. Kalau kita pindah sebelum banjir, kita akan mengurangkan pelbagai risiko termasuk kemalangan jiwa dan sebagainya.

Jadi pendekatan kita sekarang ini bila kita telah menjangkakan bahawa hujan lebat akan berlaku, jadi kita akan gerakkan perpindahan awal di tempat-tempat yang kita jangka banjir boleh berlaku. Contohnya, ombak besar baru-baru ini yang berlaku dalam bulan September, yang paling tinggi September, Oktober, November dan Disember dijangka berlaku agak lemah sedikit. Akan tetapi kita telah pindahkan semua penduduk di kawasan yang terlibat di Selangor, di Perak dan juga di Kedah mereka sudah pindah. Dan bila berlaku ombak besar jadi mereka datang jadi penonton, pemerhati untuk melihat ombak besar, tetapi mereka sudah pindah di tempat pusat-pusat perpindahan

#### ■1140

Pendekatan ini akan digunakan terus di seluruh negara. Mungkin kosnya tinggi sedikit sebab kita terpaksa menyediakan tempat dan juga makanan tetapi yang itu nombor dua. Nombor satu mereka mesti selamat, harta mereka selamat dan ini merupakan usaha kerajaan untuk memastikan rakyatnya selamat.

Jangka panjang, Yang Berhormat. Jangka panjang ini- sebab mungkin kalau saya jawab ini orang kata ini ialah pandangan peribadi. Ini bukan pandangan peribadi tetapi kajian kita sedang buat sekarang. Sejauh mana kawasan yang kita telah hutankan semula itu banjir yang berlaku itu adakah kurang dibandingkan kawasan yang hutannya masih, dalam bahasa *Penang* dipanggil, “terpelahang.” Dalam bahasa baku, yang masih terdedah yang tidak ditanam dengan apa-apa pokok. Ditebang pokok, kemudian dibiarkan begitu sahaja, bila hujan turun, air telah berjalan dengan begitu laju dan yang laju ini turun ke bawah menyebabkan banjir dan juga kerosakan harta benda dan nyawa.

Jangka panjang, tidak ada pilihan, kita kena hutankan semula kawasan yang telah diterokai secara haram ataupun secara halal ataupun lain-lain perkara. Dahulu kita tebang balak walaupun kita tahu pembalak-pembalak ini ialah mereka yang atau banyak yang tidak-orang yang potong pokok ini yang tidak pergi sekolah. Mereka potong pokok- orang bagi tebang sepokok, dia tebang banyak pokoklah. Dibuka jalan yang begitu luas untuk pergi ke tempat

yang dia ambil balak, akhirnya dia sudah ambil balak sepanjang jalan, akhirnya hutan kita makin terbuka.

Selepas itu, ada pula mereka yang gatal tangan melihat bahawa orang tidak nampak, mereka mencuri dan buka kawasan hutan. Ini kita lihat banyak kawasan rizab juga telah dibuka dengan hebatnya di Pahang, Kelantan tetapi yang paling banyak ialah di Kelantan di sebelah Gua Musang di mana ada lesen rasmi dan ada juga yang lesen tidak rasmi. Kemudian yang keduanya, pendatang-pendatang beri izin dan tanpa izin ini juga ambil kesempatan untuk mencuri hutan kita dan membuka kawasan hutan.

Jangka panjang, tanam balik hutan. Banyak pihak cuba tanam balik hutan ini bagi syarat bahawa mereka hendak hutan itu balik. Orang yang hendak tanam hutan dan sukarelawan di peringkat tempatan dan juga dunia ini bersiap-siaga untuk memberi sumbangan.

Macam Ahli-ahli Sunnah Wal Jamaah, sudah pasti bahawa menanam pokok ini pahala besar. Jadi banyak di kalangan mereka yang nak menanam pokok. Malah, kalau rakyat Malaysia tanam satu orang sepokok, kita akan ada 30 juta batang pokok dalam masa satu hari. Kalau dua hari dia orang tanam, kita ada 60 juta batang pokok. Kita fikir daripada segi itu sahaja. Dan kita tahu bahawa semua program kesedaran ini telah ada. Sekarang ini usaha kerajaan untuk memastikan menggembung tenaga rakyat untuk menanam pokok.

Tebatan banjir dan lain-lain ini, kita boleh buat segala-galanya. Di bawah kita buat tebatan banjir, belanjanya ialah berjuta dan berbilion tetapi air yang laju datang tidak mungkin mereka boleh tampung, pemendakan akan berlaku dan sebagainya. Tebatan banjir bukan jalan terakhir tetapi menanam pokok jalan yang terakhir. Selepas itu kita buat tebatan banjir dan bila kita buat tebatan banjir, jadi mendakan tidak berlaku dan dengan itu banjir tidak berlakulah. Sekarang ini kalau air sungai dalam, susah banjir hendak berlaku tetapi kalau sungai cetek, banjir senang berlaku.

Jangka panjang yang paling utama memastikan supaya semua kawasan hutan yang telah diterokai dihutankan semula. Kita kena ingat bahawa getah dan kelapa sawit tidak boleh menampung banjir sebab dia buat lorong lagi cantik untuk membolehkan air datang dengan begitu laju. Kawasan hutan, hutankan semula. Terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ada soalan tambahan lain? Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kalau Dato' Seri Dr. Shahidan ini memang saya berminatlah. Dia Menteri yang berani. Bercakap mengenai banjir ini memang tidak asinglah kalau di Kelantan, Rantau Panjang, memang kawasan lain tidak banjir, dia ada banjir.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada bercakap mengenai pegawai NADMA. Jadi saya hendak tahu sejauh manakah pegawai-pegawai NADMA ini kompeten dan bersiap-siaga untuk menghadapi banjir yang diramal berlaku pada akhir tahun ini?

Kedua, saya tengok bila musim banjir, kalau kita hendak harapkan bekalan daripada JKM, saya tengok setiap tahun memakan masa untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir. Saya hendak minta dengan Yang Berhormat Menteri supaya mana-mana kawasan banjir, diadakan sebuah persatuan ataupun pertubuhan yang khas untuk mengendali ataupun membantu mangsa-mangsa banjir. Contohnya, di Rantau Panjang kita sudah tubuh SUKBA iaitu Sukarelawan Bencana Alam. Kalau tidak keberatan, saya meminta pihak kerajaan, Yang Berhormat Menteri menyediakan dana untuk dimasukkan dalam tabung SUKBA ini untuk membolehkan kita memberikan bantuan secara cepat dan segera kepada mangsa-mangsa banjir.

Ketiga, pusat-pusat pemindahan banjir ini, ini biasanya sudah digazet. Contohnya kalau di tempat saya, Rantau Panjang, kita ada 63 buah pusat pemindahan banjir yang digazet. Dan ada juga yang mangsa-mangsa banjir ini dia berpindah di tempat yang tidak digazet sebab kalau hendak tinggal rumah dalam masa seminggu atau dua minggu, ini merisaukan soal keselamatan rumah. Mungkin barang dicuri, dimasuki oleh pencuri. Biasanya dia orang ini ada kalanya dia orang tidak pindah ataupun kalau pindah pun berdekatan di sekitar rumah-rumah jiran dia yang boleh menempatkan mangsa banjir.

Jadi saya minta pihak Yang Berhormat Menteri supaya memberi juga perhatian kepada pusat-pusat pemindahan yang tidak digazet ini untuk memberi bantuan, sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Silakan Yang Berhormat Menteri. Seorang Ahli Yang Berhormat tanya tiga soalan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, terima kasih. Saya hendak beritahu, Dewan Negara ini hebat sebab Speaker dia bagus, dia benarkan enam soalan. Tadi pasal Syiah enam soalan, *had* yang ini tiga soalan. Abang Lah ini pula dahulu masa sebelum jadi Ahli Parlimen ini saya tengok lain sedikit rambut dia. Mari sini saya tengok dia permudakan rambut, dia nampak macam orang muda.

Okey, tiga soalan. Yang pertama adakah pegawai NADMA kompeten ataupun bersiap-siaga? Daripada segi sistem yang ada sekarang ini, semua pegawai bersiap-siaga. Akan tetapi kita kena ingat, NADMA ini baru ditubuhkan tahun ini, Tuan Yang di-Pertua. Ditubuhkan tahun ini dan yang keduanya, fungsi NADMA ini fungsi MKN, Majlis Keselamatan Negara. Majlis

Keselamatan Negara dia ada pegawai, dia ada Pengarah MKN tiap-tiap negeri. Jadi pengarah MKN ini dia akan koordinat, dia jadi sekretariat kepada pengurusan bencana.

Jadi bila NADMA ditubuhkan, NADMA dia ada pegawai di peringkat pusat, ditubuhkan satu buah agensi baru tetapi di negeri dia tidak ada seperti MKN. Yang dia ada cuma ialah pegawai-pegawai daripada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang mana grednya rendah. Contoh macam sebuah negeri, Gred 44 tetapi MKN ialah Gred 52. Perbezaan itu cukup penting dalam PTD sebab kalau gred dia tinggi, dia punya *command* itu lebih sedikit.

Kemudian bila kita wujudkan NADMA, kita wujudkan serta-merta setelah banjir yang berlaku dengan begitu dahsyat dan besar, kita wujudkan unit ini untuk mengambil alih tugas-tugas MKN, jadi kita kumpulkan mereka daripada pelbagai agensi. Sesetengahnya yang datang itu ada pengalaman dalam banjir ataupun lain-lain kesukarelawan dan sesetengahnya itu masih belum ada pengalaman.

Jadi kalau hendak tanya kompeten ataupun tidak, saya sebagai Menteri kena kata kompeten tetapi dalam masa yang sama, saya kena memberi pendedahan dan sebagainya sebab saya sendiri pernah menjadi pegawai PTD, saya pernah jadi Menteri Besar, saya jadi Menteri, yang kerja saya ialah yang itu sahaja, terlibat dengan menguruskan bantuan bencana. Jadi bagi mereka yang masih baru, kita bagi latihanlah. Tidak ada pilihan. Yang sudah ada pengalaman, kita gerakkan mereka untuk bersama. Jadi kepelbagaian yang ada ini merupakan cabaran kepada Menteri.

Keduanya, sama ada JKM memberi pengiktirafan ataupun tidak kepada sukarelawan yang ditubuhkan di peringkat kawasan. Macam di Rantau Panjang dia ada SUKBA, kemudian di Perlis dia ada satu *group* lagi, *had* yang ini dibuat di seluruh negara. Dia orang ini ada seluruh negara ada satu pasukan sukarelawan bencana. Jadi mereka ini sukarelawan.

#### ■1150

Saya suruh mereka ini masuk Angkatan Pertahanan Awam (APM) supaya mereka ada berstruktur dan bagi mereka yang bertugas dibagi elau. Walau bagaimanapun, mereka juga dibenarkan bergerak bersendirian secara sukarelawan dan kita akan bagi kemudahan, mempermudahkan mereka, yang ini tidak ada masalah. Malah kita menggalakkan semua kumpulan sukarelawan ini yang ada di negara ini supaya mereka memberi bantuan. APM akan mempermudahcarakan daripada mereka ini. Keistimewaan *group* ini ialah mereka ada segala-galanya. Dia ada tukang kayu, dia ada tukang bot, semua dia ada, doktor, bagus ini. Jadi demikian juga yang ada dalam APM jadi kita pemudah cara. Kita bekerja bersama-sama tidak ada masalah.

Kemudian yang ketiganya bagi mereka yang tidak berpindah pusat perpindahan, mereka boleh. Sebenarnya kalau kawasan itu kawasan banjir walau pindah atau tidak pindah pun kita bagi bantuan. Cuma wang ihsan itu kita akan bagi kepada mereka yang berpindah di pusat perpindahan. Jadi untuk membolehkan mereka layak, mereka kena daftar di pusat perpindahan. Keduanya apabila mereka berpindah di tempat lain kita lihat keadaan, kalau dia berpindah bersendiri-sendiri kita anggap dia berpindah di rumah saudara mara. Selalunya kita akan bagi separuh bantuan. Akan tetapi kalau dia berkumpulan berpindah di sebuah tempat yang, walaupun kita tidak jadikan ia pusat perpindahan tetapi pegawai daerah sahkan bahawa ini juga kawasan perpindahan, maka kita anggap ia kawasan perpindahan.

Contohnya ialah saya lupa nama tempat di kawasan Orang Asli di Maran, di seberang sungai, namanya lupa. Akan tetapi namanya macam halus-halus. Namanya lebih kurang ada perkataan halus di situ. Jadi mereka tidak berpindah dan mereka tidak ada dewan untuk berpindah. Kalau mereka berpindah mereka kena seberang Sungai Pahang. Jadi mereka berkumpul di puncak bukit itu. Di satu buah kampung lain semua banjir, mereka berkumpul di sebuah kampung dan kita sahkan itu ialah kawasan perpindahan. Walaupun tidak termasuk dalam senarai kawasan perpindahan. Banjir berlaku ini kita kena ingat ada yang tempat yang kita sediakan tempat perpindahan tetapi banjir tidak berlaku. Dia berlaku tempat yang kita tidak sediakan pusat perpindahan. Ini hak Allah SWT. Jadi tugas utama Pegawai Daerah untuk mengesahkan bahawa tempat ini ialah kawasan perpindahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: [Bangun]**

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Lepas ini Yang Berhormat Menteri, Ahli Yang Berhormat semua kena melibatkan diri bekerja bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri sebab mereka semua Kolonel Kehormat APM. Jadi bila ada banjir tidak payah tanya banyak, dia kena turun beramai-ramai untuk membantu Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua hendak bertanya sedikit, ada satu lagi. Fasal tadi Yang Berhormat Menteri kata sukarelawan bencana alam itu dipermudahkan. Saya hendak tanya apa dia makna dipermudahkan itu? Sama ada diberi sumbangan atau macam mana.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat contohnya kita, Yang Berhormat semua ini Kolonel Kehormat, Ahli Parlimen Kolonel Kehormat, Ahli Dewan Negara Kolonel Kehormat, Ahli Dewan Negeri Leftenan Kolonel Kehormat. Ini semua akan bekerja bersama-

sama. PAS, UMNO dan semua sekali bekerjasama. DAP dan semua, kita ialah sukarelawan bencana dan kita diberi pangkat kehormat untuk bersama-sama.

Apakah jenis bantuan? Yang Berhormat contohnya kita hendak hantar bantuan makanan, kita minta tolong pasukan inilah. Akan tetapi untuk beri sumber kewangan kita tidak ada yang itu. Akan tetapi kalau mereka perlukan kemudahan bot, *truck* kita bagi kemudahan. Itu yang dimaksudkan mempermudahcarakan. Sesetengah pasukan sukarelawan ini mereka ramai. Jadi kita hendak hantar bantuan makanan sesuatu tempat kita bagi dia orang hantar, itu permudahcarakan sebagai contoh. Ataupun mereka ingin memindahkan orang, tiba-tiba bot tidak cukup, kita permudahcarakan. Jadi mereka boleh untuk tujuan tersebut bersama-sama dengan kita untuk menolong mereka yang terlibat dengan banjir.

Kemudian yang keduanya Yang Berhormat, di samping pasukan bencana ini mereka juga boleh terlibat untuk menguruskan bersama-sama pusat perpindahan daripada segi masak dan sebagainya. Itu yang saya maksudkan daripada segi bertolong-tolongan, bekerjasama dengan pasukan APM. Macam di beberapa buah negeri mereka ini telah menyertai APM. Dalam masa yang sama mereka masih lagi berada dalam pasukan mereka.

Jadi yang keduanya Yang Berhormat Ketua-Ketua Bahagian. Terdapat sesetengah tempat itu ada sedikit pertindihan, kita ada Ahli Parlimen, kita ada ketua bahagian. Ketua bahagian juga akan diberi Kolonel Kehormat sama seperti Ahli Parlimen sebab mereka merupakan sebahagian daripada jentera pemerintahan negara ini.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Puan Bathmavathi Krishnan tadi mahu? Habis? Dapat jawapan? Sudah? Seterusnya saya masuk ke soalan yang kelapan tetapi soalan ini akan diwakilkan kepada Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan oleh sebab Yang Berhormat Datuk Seri Boon Som berada di luar negara. Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan pun mempunyai soalan yang lebih kurang sama. Silakan Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan.

**8. Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai** [*Dibawah Peraturan Mesyuarat 23(2)*] minta Menteri Luar Negeri menyatakan, implikasi terhadap hubungan dua hala Malaysia-Amerika berikutan pemilihan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat yang baharu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Reezal Merican]:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Boon Som A/L Inong atas soalan beliau dan izinkan saya untuk menjawab sekali soalan Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan bertarikh 20 Disember 2016. Seperti mana yang Dewan sedia maklum, Pilihanraya Presiden- Amerika Syarikat telah berlangsung pada 8

November 2016 dan telah dimenangi oleh Donald Trump dari parti *Republican*. Beliau telah berjaya memperoleh sejumlah 300 undi *electoral* dan telah menewaskan Hillary Clinton dari parti Demokratik. Pada waktu ini proses peralihan pentadbiran masih berlangsung dan beliau hanya akan dilantik secara rasmi sebagai Presiden Amerika Syarikat yang ke-45 pada 20 Januari 2017 dan selepas itu barulah memulakan kerajaan pentadbiran beliau.

Kementerian Luar Negeri berpandangan optimis bahawa hubungan dua hala antara Malaysia dengan Amerika Syarikat akan kekal kukuh pada masa hadapan. Hubungan kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara adalah terbina atas dasar saling hormat-menghormati di antara satu sama lain dan berdasarkan kerjasama erat di antara kedua-dua negara dalam bidang-bidang berkepentingan termasuk pertukaran lawatan, dialog, perdagangan, pelaburan, pertahanan, keselamatan, pendidikan, pertanian, sains dan teknologi serta peningkatan hubungan antara rakyat ataupun *people-to-people relationship*.

Peningkatan hubungan dua hala dengan Amerika Syarikat telah sampai ke tahap *comprehensive partnership*, dengan izin, pada tahun 2014 di dalam pelbagai bidang kerjasama yang telah memberi manfaat kepada hubungan dua hala di antara kedua-dua negara. Sehubungan itu, Malaysia akan meneruskan kerjasama dengan pentadbiran baru Amerika Syarikat bagi memastikan kesinambungan hubungan kerjasama terus kukuh. Pada masa yang sama memastikan kepentingan negara Malaysia kita terjamin pada masa hadapan. Terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Silakan soalan tambahan.

**Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri yang menjawab. Bagaimanakah Hillary Clinton- *Demokratic* mendapat *popularity vote* yang lebih tinggi daripada Donald Trump tetapi Trump masih pemilihan Presiden tersebut? Ini saya punya soalan tambahan. *Thank you.*

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Terima kasih kepada Yang Berhormat sahabat saya yang budiman, Tan Sri Nallakaruppan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat Menteri hendak minta SPR jawabkah?

**Datuk Seri Reezal Merican:** SPR dekat belakang ini. Sebenarnya dalam setiap pilihan raya dia ada sistem, *First-Past-The-Post System*. Ada juga dengan negara yang mengamalkan dipanggil *professional representation* (PR), ada juga yang mengamalkan *mix member professional presentation*.

**■1200**

Ketiga-tiga sistem ini berdasarkan kepada kaedah dan keadaan negara tersebut mengadakan pilihan raya dan sebagaimana yang termaktub dalam perlombagaan negara tersebut. *In case* dalam negara kita, kita mengamalkan *first-past-the-post*. Di Amerika Syarikat walaupun Hillary memperolehi undi popular yang lebih tinggi daripada Donald Trump, tetapi hakikatnya yang digunakan di sana ialah *first-past-the-post*. Kaedahnya mereka menggunakan *electoral college voters*. *Another word* kalau dalam *California* katakan ada 55 *college electoral vote's* tetapi kalau siapa yang menang walaupun sedikit, *the winners take all 55*, dia tidak *proportionatekan*.

Maknanya kalau 55, kalau 52 percent, kalau Donald Trump menang 48, *they will agih evenly, no. It is because that was the system*. Macam kita jugalah di Malaysia. So *first-past-the-post* adalah sistem yang juga dipakai di Amerika Syarikat. Kalau ada sistem yang menggunakan *proportionate representation*, ia mengamalkan kalau pilihan raya itu ia berdasarkan kepada *percentage*. *Percentage* yang dimenangi oleh calon tersebut menjadi representasi dalam Dewan, sama ada Senat ataupun *Lower House* ataupun *Upper House*.

Jadi bagi menjawab soalan sebentar tadi, *we must know the rule of game*. Benda ini saya pernah jawab dalam Dewan Rakyat Tuan Yang di-Pertua, bahawa *rule of game* ini ialah *first-past-the-post*. Di Malaysia pun kita tidak boleh kata bahawa undi popular itu adalah sebagai satu kemutlakan untuk menentu kemenangan. Walaupun ia diuar-uarkan dahulu bahawa undi popular dimenangi oleh Pakatan Rakyat, hari ini Pakatan Rakyat tidak boleh mendabik dada untuk mengatakan bahawa mereka mempunyai undi popular. Ini kerana kalau tolak PAS yang telah keluar, *they are a lot lesser popular* daripada Barisan Nasional yang masih *intact* sebagai peneraju utama negara ini. Jadi sebab itu kita tidak mendabik dada untuk mengambil perkiraan undi popular sebagai kayu ukur kemenangan pilihan raya sebab *we play by the rule of game* ataupun apa yang termaktub dalam Perlombagaan. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengambil kesempatan ini nak mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru-baru ini telah pergi ke China dan banyak sekali membawa pulangan daripada segi perdagangan termasuk pembelian daripada segi pertahanan. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau saya jadi Donald Trump sekalipun, saya akan rasa sangsi sekarang ini dengan Malaysia, dah nampak nak ke arah China. Jadi, apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian Yang Berhormat di dalam mengatasi persepsi ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat Menteri, nak jawab?

**Dato' Seri Reezal Merican:** Jawab.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Silakan.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Sebenarnya Malaysia mengamalkan dasar luar yang pragmatik Yang Berhormat. Kita tidak melihat sebuah negara itu sebagai sumber yang mutlak dalam kita melakukan hubungan dua hala, terutamanya yang ada kesan-kesan daripada segi hubungan dagangan. Sementara kita melihat Amerika Syarikat itu sebagai antara negara utama, maklumlah negara Amerika Syarikat negara ekonomi terbesar dunia, GDP Amerika Syarikat berada pada paras RM18 trilion iaitu hampir 24 peratus daripada *the entire global GDP*. Jadi tidak ada mungkin mana-mana negara yang dapat mengetepikan hubungan dagangan dengan Amerika Syarikat.

Pada waktu saya bercakap ini pun, Amerika Syarikat rakan dagangan ketiga terbesar selepas China, Singapura. Daripada segi pelaburan, Amerika berada pada tempat kedua selepas Jepun. Bererti Amerika Syarikat mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu. Dalam hubungan perdagangan dua hala, saya hendak ceritakan sedikit. Tahun lepas pada 2015 *if I may quote*, dagangan berada pada paras RM34 bilion tetapi *it is in favor of Malaysia, Malaysia export RM21 billion*. Bererti dalam hubungan dua hala dengan Amerika, kita berada pada keadaan yang lebih beruntung.

Dalam soal China, adalah dangkal kepada mana-mana negara untuk mengetepikan kepentingan China, waima Amerika Syarikat sendiri. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, semua Presiden Amerika Syarikat sebelum ini ketika dalam kempen, semua meletakkan China sebagai sasaran untuk diperlekehkan demi menang. Clinton dulu ketika bertanding mengatakan bahawa, “*China is a butcher of Beijing*” by referring to pembunuhan beramai-ramai di Tiananmen. Akan tetapi Clintonlah, *I'm referring to Bill Clinton*, dengan izin ya, Clintonlah yang mengajak kongres untuk menerima China sebagai anggota WTO atas alasan bahawa kalau China masuk dalam WTO, banyak barang daripada Amerika boleh dieksport.

Pada waktu ini, ekonomi Amerika dengan China amat saling bergantung. Satu per empat daripada soya bean yang ditanam di Amerika Syarikat dijual ke China. Satu daripada lima, *one of five Boeing aircraft manufactured*, dengan izin, dalam Amerika *are sold to China*. *The total number of Apple and iPhone are sold more in China than what it was sold in America itself*. Kalau itu diambil perkiraan betapa pentingnya China terhadap Amerika, tentulah kepada kita melihat kepada kebijakan pemimpin, pentingnya kita melihat bahawa hubungan dagangan, hubungan diplomatik dan hubungan yang memberi keuntungan dan kepentingan negara dilihat daripada dimensi yang lebih luas, bukan hanya tertumpu pada sebuah negara.

Jadi sebab itu saya maklumkan daripada peringkat awal, *the pragmatism in our forum policy has not just been practice* pada zaman Dato' Sri Najib tetapi daripada zaman Allahyarham Tun Abdul Razak sendiri. Dia membuka lembaran hubungan pada 1974. Terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekian sahajalah pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan untuk hari ini dan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri yang telah datang untuk menjawab soalan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017 Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2017 ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[5 Disember 2016]**

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya dengan sukacitanya menjemput Yang Berhormat Datuk Ng Chiang Chin yang menunggu dari semalam untuk berbahas. Silakan Yang Berhormat.

**12.07 tgh.**

**Datuk Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi. Hari ini 6 Disember 2016, hari Selasa, hari yang cantik, *it is a beautiful day* yang dinamakan negara ini yang cantik dan aman iaitu Malaysia yang dipimpin oleh Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017. Salam 1Malaysia, sehati sejiwa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kemenangan Presiden Amerika yang baru, Presiden Donald Trump, beliau sekarang tidak lagi berminat untuk meneruskan program TPPA yang diusahakan oleh bekas Presiden Obama. Jika pakatan TPPA ini gagal, ia akan menjadi satu

kegugatan dan ia akan menjelaskan ekonomi kepada negara-negara pakatan yang ditubuhkan semata-mata untuk ekonomi rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa satu pakatan yang dinamakan RCEP iaitu *Regional Comprehensive Economic Partnership*, yang diterajui oleh negara China telah wujud untuk berfungsi sebagai satu pakatan tujuan membangunkan ekonomi di rantau ASEAN ini. Pakatan ini juga termasuk Jepun, Korea, New Zealand, Australia dan India. Saya ingin nak tahu, apakah kedudukan ke atas pakatan ini setakat hari ini? Pada pandangan saya, pakatan ini satu langkah yang bijak dan positif pergerakan ke hadapan, *moving forward*, dengan izin, yang bijak diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan kereta api rel atau ECRL, sebanyak RM55 bilion akan sampai ke Kelantan, *negeri hamba deh*. Maka, agak ramai pelancong yang akan datang melawat ke negeri Kelantan dengan program-program pelancongan yang diusahakan oleh Kementerian Pelancongan dan juga Kerajaan Negeri Kelantan. Maka, tentulah ramai pelancong akan datang ke negeri dan melawat ke negeri Pantai Timur ini. Juga saya percaya ramai pelancong luar negara akan juga datang melawatnya. Di sini saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Barisan Nasional supaya satu kajian terperinci untuk mendapat sebuah lapangan terbang yang baru untuk masa hadapan. Maklum sahaja kalau kereta api RM55 bilion hendak sampai ke Kota Baharu, ramai orang hendak tengok apa dia Kota Baharu. Apabila ramai hendak mari, bukan sahaja orang dekat, yang jauh pun hendak mari. Makin mari, sekarang Lapangan Terbang Sultan Ismail pun sesak. Hari biasa lebih kurang 55 buah pesawat naik turun. Kalau hari raya puasa, hari *holiday*, masuk sampai 80 buah pesawat satu hari.

Maka, kalau dengan RM55 bilion kereta api masuk Kelantan, saya takut ramai hendak mari. Jadi, saya takut tidak muat lapangan kapal terbang itu. Maka, baiklah Kerajaan Pusat dapat buat satu kajian untuk dapatkan satu *airport* yang bertaraf antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Perdana Menteri Malaysia kerana berjaya menjana pinjaman pelaburan dan pembelian 3P berjumlah RM144 bilion, termasuk RM55 bilion untuk membiayai Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) dari negeri China. Sebagai anak jati negeri Kelantan, saya mewakili semua penduduk negeri ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana pelaksanaan ECRL itu bakal melonjakkan ekonomi Pantai Timur dengan membawa perubahan gaya hidup dan membentuk landskap baru dalam kehidupan rakyat sepanjang Koridor Pantai Timur.

Menambah peluang pekerjaan dan memakmurkan kehidupan, bagi saya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai daya keyakinan dan keberanian yang luar biasa serta komitmen yang menggunung dan melaksanakan apa juga yang gagal dilaksanakan oleh Perdana Menteri-Perdana Menteri yang lalu yang tidak berani *supo Perdana Menteri loni deh*. Maka saya percaya, Presiden China mempunyai tafsiran yang tinggi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Kelibat ikan di air, sudah tahu jantan betina. Bak kata pepatah Melayu, tuah ayam ada di kaki, tuah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada batang tubuhnya, pada tutur katanya sehingga pihak Tanah Besar China amat yakin dan mempercayai kepada beliau sehingga meluluskan jumlah yang begitu banyak.

Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat. Calang-calang orang Perdana Menteri kita. Ini bagi saya bukan senang Tanah Besar China dengan mudah bersetuju untuk melabur dengan jumlah yang begitu besar kalau bukan telah menilai kejujuran dan kebolehpercayaan Perdana Menteri. Presiden China mampu menilai yang mana kaca dan yang mana permata. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Khairudin Samad]:** Cukup, tidak panjang pun? Semalam minta berucap saya ingat panjang Yang Berhormat. Saya bagi *last*. Tidak mengapa, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor.

## 12.15 tgh.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Umum tahu bahawa Bajet 2017 telah mengambil kira pelbagai aspek kehidupan rakyat, setiap lapisan serta strata aktiviti masyarakat melalui semua sudut pandangan kepimpinan orang ramai, badan-badan bukan kerajaan, cendekiawan, ketua-ketua isi rumah, para mahasiswa dan pemimpin-pemimpin akar umbi dalam masyarakat Malaysia.

Penekanan utama kerajaan untuk Bajet 2017 tunjang kepada tanggungjawab kerajaan untuk menjadikan masyarakat Malaysia sebuah masyarakat yang sejahtera berlandaskan komitmen kepada prinsip rakyat didahulukan, pencapaian kerajaan diutamakan. Belanjawan Malaysia 2017 telah disifatkan oleh ramai rakyat sebagai bajet berkomitmen untuk kerajaan terus memacu pertumbuhan ekonomi.

Ini sekali gus menjana manfaat kepada pelbagai pihak sambil kerajaan juga terus komited untuk mengurus perbelanjaan secara berhemah dan kreatif demi menjamin kualiti perkhidmatan kepada rakyat dengan adil dan saksama. Bajet 2017 juga memperlihatkan Kerajaan Malaysia beriltizam untuk terus kotakan janjinya kepada rakyat secara berkesan dan

menyeluruh. Malah, analisis menunjukkan ekonomi negara akan terus berkembang pada kadar menjangkau 4.5 peratus pada 2017. Walaupun suasana pelayaran negara 2017 akan ada ombak dan arus yang mencabar.

Cabaran Bajet 2017. Setiap hutan ada durinya, setiap bukit ada lurahnya, setiap paya ada dalamnya, setiap hidup ada cabarannya. Bajet 2017 juga ada rintangan dan cabarannya. Antara cabaran yang mungkin dirasai secara terus atau sebaliknya ialah cabaran pertumbuhan ekonomi Malaysia yang dijangka perlahan pada tahun 2017. Cabaran hutang negara sekarang 53.2 peratus daripada GDP. Cabaran hutang GLC 13 peratus daripada GDP. Kesan kejatuhan dan keampuhan nilai Ringgit. Hari ini nilai ringgit USD1- RM4.44. Kemelesetan ekonomi serantau dan kelembapan ekonomi negara China. Cabaran sasaran defisit fiskal tahun 2017 hendak ditetapkan dalam tiga peratus. Sasaran harga minyak dunia 2017 purata setong dalam anggaran USD50 setong tetapi pada hari ini telah meningkat naik USD54.9 setong. Isu-isu ketirisan kepada projek pembangunan dan perbelanjaan negara juga yang meyakinkan iaitu harga sawit pada hari ini telah mula melebihi atau menjangkau RM3,000 setan iaitu RM3,135. Rizab negara setakat ini kita lihat rizab negara di bawah USD100 bilion.

## ■1220

Pernah satu ketika, rizab negara Malaysia sampai ke tahap USD141 bilion. Jadi nampaknya, rizab negara telah mengucup. Persoalannya, kerana kita ada sahabat Yang Berhormat menyatakan tentang penterjemahan mimpi Nabi Yusuf di mana tujuh tahun makmur, tujuh tahun kemarau. Jadi saya hendak cadangkan, hendak tanya kerajaan, apakah pelan tindakan kerajaan untuk tambah rizab negara? Jadi mesti ada strategi-strategi dalam tiap-tiap tahun untuk kita cari strategi yang boleh menambahkan rizab yang telah mengucup daripada USD141 bilion ini kepada kurang USD100 bilion.

Sebagai seorang veteran Angkatan Tentera Malaysia Tuan Yang di-Pertua, semestinya saya mewakili 288,000 orang veteran Angkatan Tentera Malaysia di Malaysia ini. Pertama, bagi pihak mereka, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana prihatin dan telah memperuntukkan sebanyak RM55 juta untuk menghargai atau memberi pengiktirafan kepada mereka yang telah terlibat di dalam *insurgency* ataupun darurat iaitu darurat pertama dan darurat kedua, *alhamdulillah*. Akan tetapi kita lihat lagi, veteran-veteran ATM masih tertanya-tanya tentang sepuluh *Blueprint* Veteran 1Malaysia yang telah diumumkan oleh Kementerian Pertahanan iaitu diumumkan oleh Menteri Pertahanan iaitu di mana beberapa penyelesaian atau beberapa inisiatif di dalam sepuluh *blueprint* itu akan dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan dan juga kerajaan.

Persoalan akar umbi, masih mengharapkan implementasinya terutama mereka yang dalam golongan yang tidak berpencen, yang setakat ini ada dalam anggaran 200,000 lebih orang. Isu paling hangat dibangkitkan pada tiap-tiap pertemuan dengan veteran apabila kita turun ke padang iaitu pencen. Mereka yang berpencen. Mereka sekarang telah mengalami-mereka yang bersara sebelum tahun 1994 menerima sedemikian pencen tetapi mereka yang bersara sekarang nampaknya ada jurang dan jurang ini telah melebar apabila kerajaan mengumumkan dua peratus *increment* tiap-tiap tahun. Jadi kalau saya hendak ambil contoh, saya bagi contoh. Seorang berpangkat leftenant jeneral berpencen sebelum 1994, pencen mereka sebulan RM3,475 akan tetapi kalau leftenant jeneral yang bersara sekarang, pencennya RM9,673. Ada perbezaan. Seorang berpangkat mejar.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Minta maaf saya mencelah. Samalah yang diperjuangkan oleh Majlis Senator Malaysia terhadap Ahli-ahli Yang Berhormat yang pencen sekarang dengan yang pencen dulu. Pencen dulu pun dua peratus juga. Yang beratur ambil BR1M itu. Jadi saya hendak sebut benda yang sama yang disampaikan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Hj. Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah, kerana ada perbezaan itu, kami telah mengusulkan. Hendak mengusulkan kepada kerajaan supaya mesti ada satu rasionalisasi kerana ia sudah menjadi satu perkara yang aneh.

Seorang mejar yang berpencen sebelum 1994, hanya dapat RM1,885. Seorang koperal apabila pencen sekarang, pencen dia lebih daripada seorang mejar itu. Jadi inilah sudah jadi satu kepincangan. Apabila dua peratus tiap-tiap tahun ini diberi, kalau diberi dua peratus daripada pencen kecil, maka kecillah kenaikan. Dua peratus daripada pencen besar, besarlah kenaikannya. Jadi ruang dan jarak makin melebar. Jadi sistem yang diumumkan oleh kerajaan itu, saya rasa dan veteran-veteran semua merasakan ia tidak adil dan harus dirasionalisasikan dengan secepat mungkin. Jadi itulah cadangan kami supaya kerajaan ambil perhatian dan laksanakanlah rasionalisasi pencen semua veteran ATM tetapi termasuk PDRM yang mungkin ada lebih 200,000 orang termasuk penjawat awam yang berpencen. Jadi nampaknya, kemungkinan, kalau kita *total*-kan semua, jumlahnya ada 1.4 juta orang yang terlibat, Tuan Yang di-Pertua.

Isu yang selalu dibangkitkan, telah pun dibangkitkan tadi oleh sahabat-sahabat Senator tentang isu rumah. Buat masa sekarang, kerajaan sangat prihatin memberi veteran yang tidak memiliki rumah, senarai menunggu ada dua ribu lebih. Rumah ini adalah di bawah NBOS 7 iaitu rumah itu dianggar dalam RM45,000 sebuah. Akan tetapi sekarang ini kerajaan meluluskan

hanya 100 buah sahaja tiap-tiap tahun dan 100 untuk pembaikan. Saya hendak cadangkan supaya kerajaan tambah peruntukan kepada 500 setahun kerana *backlog* itu terlalu banyak. Sudah 2,000 orang menunggu.

Jadi kita juga hendak mencadangkan kepada Kementerian Pertahanan, kepada mereka yang berkhidmat, harus memulakan skim beli rumah supaya apabila mereka bersara, mereka tidak bersara dengan tidak ada rumah. Kalau-lah kita bandingkan dengan negara-negara lain kalau di Myanmar, mereka dapat rumah, di Pakistan bila bersara dapat tanah, kalau di Indonesia pun bila bersara ada skim perumahannya. Tiap-tiap orang akan ada rumah tetapi di sini, di Malaysia, kita belum ada skim yang sedemikian. Maka saya cadangkanlah kami daripada pihak veteran hendak cadangkan supaya kita tidak ada fenomena yang sedang dialami oleh banyak veteran sampai mereka sudah bersara pun masih menyewa. inilah saya harap kerajaan yang prihatin supaya melihat kepada permohonan veteran-veteran dan juga mereka yang tidak berumah.

Saya hendak bangkitkan isu baru. Saya lihat pada bajet ini ada kerajaan mencadangkan untuk memberi susu kepada murid-murid sekolah. Akan tetapi saya juga hendak buat penambahbaikan, hendak cadangkan, bukan hanya susu kepada murid-murid sekolah tetapi eloklah juga kalau kita memberi peruntukan susu ini kepada bayi yang sudah berumur 2 tahun hingga ke-6 tahun. Ini dipraktikkan di Amerika. Kerana apa?

Saya lihat kalau kita memberi susu ini, dia akan memperkuatkan atau seorang bayi itu akan dapat susu yang boleh memperkuatkan otot dan tulang-tulangnya. Jadi saya lihat diet untuk budak-budak terutama mereka yang dalam golongan B40 yang tidak mampu untuk membeli susu yang berkualiti. Jadi saya cadangkan supaya kerajaan fikirlah untuk sama-sama kerana kita lihat negara Jepun selepas Perang Dunia Kedua, lihatlah orang-orang Jepun tidak tinggi dan tidak besar. Tidak sado tetapi apabila diet susu dan makanan yang berkualiti, maka generasi 'Y' mereka sekarang telah mula cemerlang dalam sukan.

### ■1230

Jadi kalaulah kita melaksanakan program ini iaitu memberi susu kepada bayi yang berumur enam bulan hingga ke umur dua tahun secara percuma seperti yang kita beri kepada budak-budak sekolah, maka saya yakin satu hari nanti Malaysia akan naik dalam pasukan bola sepak kita yang dalam tingkat 170 lebih ini turun kepada dalam golongan 50 ke atas. Jadi persoalan juga dalam bajet ini memang banyak diperuntukkan kita lihat kerajaan prihatin memperuntukkan kepada kementerian-kementerian terutamanya Kementerian Pendidikan dapat RM42 bilion, Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri semua diberi keutamaan. Kementerian Kesihatan.

Jadi inilah sektor-sektor yang harus kita sentiasa memberi penumpuan apabila memperuntukkan bajet tetapi yang juga mustahak ialah ada satu ketika saya terdengar bahawa seorang Ahli Parlimen telah menyatakan terdapat ketirisan apabila bajet ini diimplementasikan. Jadi ini adalah mustahak kerana mengapa ada ketirisan. Ada menyatakan daripada kajian mereka menyatakan 15 peratus ketirisan. Kalau 15 peratus bermakna RM30 bilion dalam RM200 bilion yang kita peruntukkan, ketirisan RM30 bilion.

Akan tetapi saya hendak cadangkan macam mana kita hendak mengatasi ketirisan ini. Pertama dalam pembelian alat-alat ganti, tender dan sebagainya. Bolehkah kita cadangkan untuk kita anuti atau adaptasikan sistem *cost plus*, dengan izin, iaitu tiap-tiap OEM menyatakan kos mereka dan apabila kita masuk tender, kerajaan akan menetapkan peratus keuntungan iaitu kos peratus keuntungan ditetapkan oleh kerajaan. Kalau kerajaan kata 20 peratus, itulah dia. Jadi tidak ada lagi berlebihan atau *mark up*, dengan izin, dalam harga-harga barang dalam kita melaksanakan tender-tender dalam kerajaan dan kementerian-kementerian. Ini satu cara untuk mengurangkan ketirisan dalam perbelanjaan.

Kedua, kemungkinan AG boleh membuat audit rambang atau *random audit* kepada kementerian-kementerian dalam enam bulan itu kita mesti tahu sama ada perbelanjaan itu mengikut prosedur, mengikut tatacara yang ditetapkan dan tidak ada ketirisan. Jadi ini adalah mustahak kerana kita tahu lah peruntukan ini, kerajaan masih lagi dalam perbelanjaan defisit dan kita hendak tetapkan kepada tiga peratus.

Isu yang ingin saya bawa sebagai seorang mantan Panglima Angkatan Tentera ialah isu ESSCOM dan penculikan. Setakat ini telah berjuta kita peruntukkan ataupun laburkan untuk memperkuuhkan ESSCOM di Lahad Datu tetapi masih lagi terjadi penculikan. Nampaknya kehadiran pasukan keselamatan macam tidak diendahkan oleh penculik-penculik Abu Sayyaf ini.

Persoalannya, setakat ini saya hendak tanya Kementerian Pertahanan dan juga Kementerian Dalam Negeri, peruntukan kerajaan yang telah dibelanjakan atau digunakan untuk ESSCOM. Apakah pendekatan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri untuk menangani dan mengatasi insiden penculikan tidak berlaku lagi? Mungkin kita harus lebih ofensif dengan cara. Mungkin kita tidak lagi menganuti cara defensif tetapi dengan dapat *permission*, dengan izin, daripada Presiden Filipina yang melawat negara kita itu, dia memberi kelonggaran untuk kita melaksanakan *hot pursuit*. Jadi inilah saya rasa patut kita cadangkan untuk kita lebih ofensif di dalam menangani penculikan di ESSCOM.

Satu cadangan ialah untuk melaksanakan KPI melalui NKRA negara. Setakat ini kita sudah ada tujuh NKRA diperkenalkan dan diumumkan oleh JPM. Bajet 2017 yang bermatlamat

menjamin perpaduan dan pertumbuhan ekonomi melalui perbelanjaan inklusif yang berhemah ke arah mensejahterakan kehidupan seluruh rakyat telah menjana NKRA Kelapan iaitu meningkatkan penyertaan sosial masyarakat dalam semua aktiviti dan program negara.

So kita hendak cadangkan supaya ada NKRA Kelapan. Aspek penyertaan sosial adalah salah satu daripada perkara utama bagi mengurangkan kos pertindihan sumber, ketirisan tadbir urus dana dan kurang guna logistik dan sebagainya. Melalui penyertaan kelompok masyarakat secara menyeluruh, tuntas, komited dan berkesan, sudah pasti ia akan meningkatkan produktiviti dan hasil tanpa memberi kesan kepada kos dan modal asas. Ini banyak terbukti di negara-negara maju dan membangun yang menggunakan pendekatan seperti kesukarelawanan, partisipasi komuniti, penyertaan masyarakat dan program bersama rakyat.

Majlis Profesor Negara melalui Kluster Pembangunan Sosial boleh mengerakkan usaha murni dan nilai tambah ini ke arah mewujudkan penyertaan sosial masyarakat Malaysia yang lebih berkesan dan bermakna. Makmal perbincangan sosial dan perpaduan telah banyak dijalankan oleh MPN dan pasti *blueprint* berkaitan aspek penyertaan sosial ini akan dapat direalisasikan selaras dengan hasrat Malaysia bergerak ke transformasi negara TN50.

Akhirnya, bajet dan kesan kepada kesejahteraan rakyat. Apakah ukurannya? Pelaksanaan bajet setiap tahun telah memberi kesan sama ada secara terus atau perlahan kepada kumpulan Sasaran ia sudah pasti sedikit sebanyak telah memberi impak kepada tahap kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat Malaysia. Ini kali terakhir kajian berkaitan kualiti hidup dan tahap sosial masyarakat Malaysia telah dijalankan oleh Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2010.

Kajian bertajuk, '*Laporan Sosial Malaysia*' telah meneroka 14 domain utama indikator sosial Malaysia iaitu domain-domain berikut:

- (i) penduduk dan keluarga;
- (ii) penyertaan pendidikan;
- (iii) sumber manusia;
- (iv) kesihatan;
- (v) pendapatan, perbelanjaan dan tabungan;
- (vi) perumahan;
- (vii) alam sekitar;
- (viii) pengangkutan;
- (ix) kebudayaan dan hiburan;
- (x) perpaduan nasional;
- (xi) komunikasi perubahan teknologi;

- (xii) penyertaan sosial;
- (xiii) keselamatan awam; dan
- (xiv) perlindungan sosial.

Hasil kajian '*Laporan Sosial Malaysia 2010*' memperlihatkan dua indeks iaitu Indeks Sosial dan Kesejahteraan Hidup 1 dan 2 mendapati keadaan sosial masyarakat Malaysia telah bertambah baik sepanjang tempoh pemerhatian dari tahun 1990 hingga 2010. Indeks yang dijana berdasarkan 748 statistik rasmi daripada 13 domain utama telah memperlihatkan peningkatan mendadak tahap kesejahteraan sosial masyarakat Malaysia daripada 21.1 mata, pada tahun 1990 sekarang dah naik kepada 73.8 mata, pada tahun 2007.

#### ■1240

Saya yakin, melalui pelbagai program rancangan projek inisiatif dan aktiviti mensejahterakan rakyat melalui bajet yang dibiayai kerajaan saban tahun termasuk Bajet 2017 ini, sudah pasti indeks sosial kesejahteraan rakyat akan terus meningkat.

Di sini ingin saya sarankan mana-mana institusi kajian termasuk Institusi Sosial Malaysia, Majlis Profesor Negara atau institut pendidikan tinggi negara untuk meneruskan kajian penting berkaitan kualiti hidup rakyat terutama indeks kesejahteraan rakyat ini dijalankan. Ia penting untuk mengukur dan melihat impak pelaksanaan bajet pelbagai projek dan inisiatif kerajaan kepada kualiti hidup rakyat dan negara memberi kesan yang positif kepada rakyat jelata.

*Kalau pohon ada teduhnya,  
Kalau payung ada lindungnya,  
Kalau bijak ada hikmahnya,  
Kalau baik ada natijahnya.*

Sekian perbahasan saya, dan saya turut menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar. Saya ingin mengambil kesempatan di sini hendak mengucapkan jutaan terima kasih. Saya tidak sangka bahawa Yang Berhormat selain daripada menjadi Laksamana ataupun salah *join* profesion, dengan izin, telah pun mewakili Majlis Senator dalam Majlis Perpisahan Yang di-Pertuan Agong yang dianjurkan oleh kedua-dua Speaker Dewan pada tempoh hari. Beliau telah pun menyanyi dengan begitu hebat mewakili Majlis Senator dan saya mengucapkan jutaan terima kasih. Kalau tidak jadi Laksamana, mungkin sedang bersaing dengan Jamal Abdillah. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Hamzah.

**12.43 tgh.**

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** *Bismillaahir Rahmaanir Raheem. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah pun mendapat peluang pada sesi ini duduk di kerusi Tuan Yang di-Pertua. Tahniah sekali lagi saya ucapkan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merafakkan setinggi syukur kepada Allah SWT kerana dengan kehendaknya maka saya dapat membahaskan Bajet 2017 di Dewan Negara yang mulia ini.

Bajet 2017 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 21 Oktober 2016 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, merangkumi hampir segenap aspek yang memberi keutamaan kepada kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam persekitaran ekonomi yang masih tidak menentu iaitu di peringkat global, kesannya terhadap ekonomi negara sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Daripada segi itu, kejatuhan harga minyak telah menyusutkan hasil negara. Turut terkesan daripada ekonomi yang tidak menentu itu ialah paras permintaan dan harga komoditi utama seperti sawit dan getah. Suasana yang sedemikian itu amat mencabar dan bukan mudah untuk ditangani.

Walau bagaimanapun, atas kebijaksanaan kerajaan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib, Bajet 2017 masih merupakan bajet yang menjanjikan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Ini adalah kerana ekonomi negara telah diletakkan atas landasan yang betul serta kukuh, berkat kesungguhan usaha kerajaan yang diterajui Barisan Nasional.

Oleh itu, pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia atas pembentangan Bajet 2017 yang mengambil kira persekitaran ekonomi yang begitu mencabar dan dalam masa yang sama merencanakan pertumbuhan sekali gus kesejahteraan rakyat. Biar apa pun yang diperkatakan oleh pihak pembangkang ataupun pihak yang belah sana itu, pembuktian yang jelas dan nyata ialah bahawa ekonomi negara terus mencatatkan pertumbuhan dan rakyat terus menjalani kehidupan yang amat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap mengenai keamanan dan kesejahteraan, kedua-dua perkara ini tidak boleh dipisahkan kerana kedua-duanya saling melengkapi dan saling bergantung antara satu sama lain. Saya rasa terpanggil untuk mengupas perkara ini

terlebih dahulu sebelum menyentuh perkara-perkara lain supaya takrifan kita mengenai kesejahteraan rakyat tidak hanya tertumpu kepada soal gaya hidup dan kemewahan ataupun semata-mata pada paras pendapatan dan daya beli.

Saya sungguh bimbang sekiranya rakyat pada umumnya mengambil sikap mudah ataupun *take for granted* soal keamanan. Walhal, tanpa keamanan, tidak akan wujud kesejahteraan.

Mengambil contoh apa yang berlaku di negara-negara Arab yang bergelora sekarang ini di mana rakyatnya sedang mengalami penderitaan akibat perperangan ataupun percakaran sesama sendiri manakala sebelumnya mereka hidup senang dan tenteram. Kesejahteraan punah sama sekali malah sebahagian daripada mereka menjadi pelarian iaitu lari dari negara sendiri untuk mencari tapak baru bagi meneruskan kehidupan yang diharapkan dapat memberikan keamanan dan kesejahteraan.

Dalam konteks ini, saya juga ingin mengajak rakyat menilai harga sebuah keamanan yang kita nikmati selama ini dan bahawasanya keamanan bukan datang bergolek. Amat mahal harganya, amat tinggi nilainya. Lantas, amat wajar kita hargai dan pertahankan.

Saya juga berasa bimbang sekiranya pihak-pihak tertentu telah, sedang dan akan terus mengasuh dan menghasut fikiran rakyat supaya meletakkan kayu ukur hanya pada soal tahap kemewahan dan kesenangan hidup kerana pada ukuran itu, pengharapan rakyat lebih mudah dilambungkan dan kekecewaan lebih mudah dibentuk bagi tujuan memperlekehkan segala usaha pihak kerajaan.

Lambungan harapan daripada fenomena *Arab Spring* di negara-negara Arab yang akhir-akhir ini telah berjaya menyalakan api pemberontakan yang sekali gus menukar rejim pemerintahan, tetapi terbukti *Arab Spring* hanya mampung menggamtih kehancuran dan penderitaan rakyat di negara-negara yang dilanda malapetaka *Arab Spring*. Kekhuatiran saya ini bersebab. Maka itu, saya kaitkan soal keamanan dalam membahaskan Bajet 2017.

Juga, apa yang berlaku masa kini di Malaysia mestilah direnungkan bersama iaitu kejadian usaha-usaha yang cuba menjatuhkan kepimpinan secara salah telah pun berlaku. Perkara ini juga melibatkan soal bajet, soal perbelanjaan di mana kita melihat bahawa sudah mula berlaku di Malaysia demonstrasi jalanan yang agak serius di mana kita lihat baru-baru ini berlaku demonstrasi jalanan kuning yang dianggarkan serta diarah untuk turun berdemonstrasi yang dirancang seramai 150,000 orang peserta dari kuning tapi yang sebenarnya yang hadir hanya 15,000.

**■1250**

Perkara ini merupakan satu perkara yang terpaksa kerajaan tangani dan mengambil, menggunakan peruntukan-peruntukan ada yang kita lihat iaitu polis. Pihak polis mesti menggunakan peruntukan untuk mengawal keamanan. Begitu juga di FRU juga menggunakan peruntukan untuk mengawal keamanan, juga tidak juga terkecuali iaitu bandar raya. Pihak bandar raya juga terpaksa mengutip sampah selepas perhimpunan ini dan akhirnya melibatkan...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada yang minta laluan.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Ya, sila.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil bila Yang Berhormat sebut soal perbelanjaan tambahan yang terpaksa dikeluarkan oleh kerajaan, dengan izin, *unnecessary budget*. Bila kita hendak mengumpulkan pasukan keselamatan yang begitu besar sehingga ada pegawai-pegawai keselamatan yang dinafikan cuti dan sebagainya dan akhirnya mereka terpaksa bertugas. Ini secara tidak langsung telah memberi satu implikasi kewangan yang cukup besar kepada kerajaan bagi menangani masalah itu.

Saya tak hendak sentuh bab itu, nanti saya akan bawa juga dalam perbahasan saya. Cuma yang saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahwasanya tindakan yang dibuat itu ada kaitan dengan mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bila yang berlaku di *Arab Spring* dan sebagainya. Adakah ini satu *grand design* yang dibuat, yang dibawa ke Malaysia supaya apa yang berlaku di sana juga boleh berlaku di sini. Akan tetapi saya hendak panjatkan rasa syukur dan terima kasih juga kepada pihak keselamatan kerana sudah lima *attempt* mereka gagal. Akhirnya Allah melindungi negara ini, selamatkan kita seperti mana berlaku kepada negara-negara yang lain.

Jadi cuma soalan saya, adakah Yang Berhormat bersetuju ada satu seperti satu macam satu *grand design* yang dibuat untuk melumpuhkan kerajaan dan akhirnya untuk membenarkan pihak ketiga masuk dan mengambil alih kuasa dalam negara ini. Mohon pandangan.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih yb Datuk Haji Megat Zulkarnain. Sememang saya melihat perkara itu adalah berhubung rapat atau hampir bersamaan dengan yang berlaku seperti mana yang saya sebutkan yang berlaku di *Arab Spring* tadi. Ya, *grand design* ini kita melihat ia diusahakan untuk melumpuhkan kerajaan.

Kita boleh lihat peringkat pertamanya mereka ini, saya sebutlah nama terus ya. Mereka ini yang diketuai ataupun *grand design* ini yang dilakukan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kita amat terkilan dalam kaedah yang sedemikian di mana pertamanya, Tun Dr. Mahathir Mohamad cuba melumpuhkan kerajaan ini melalui untuk berusaha menurunkan Perdana Menteri yang ada ini melalui dalaman politik UMNO sendiri.

Akan tetapi oleh sebab institusi kita orang kata walah ini yang kita taat setia di peringkat dalaman, kita taat setia kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita pilih secara demokrasi yang akhirnya, perkara yang cuba diusahakan ini gagal dan dia cuba pula peringkat kedua. Gagal yang pertama, dia masuk peringkat kedua. Dia cuba menghasut, memfitnah dan mengadu domba kepada wakil-wakil rakyat hingga berbagai-bagai usaha dibuatnya tetapi masih juga gagal. Akhirnya beliau cuba pergi kepada kementerian-kementerian, juga melalui menteri-menteri, melalui kerajaan juga akhirnya gagal.

Apa yang dibuat selanjutnya adalah pergi kepada rakyat. Kita tak marah kalau sekiranya untuk pergi kepada rakyat secara yang dibenarkan. Kalau hendak buat perhimpunan, buat minta permit. Minta permit, duduk di stadium secara aman. Tidak bermasalah dan tidak mengganggu-gugat daripada segi kestabilan dan keamanan negara. Begitu juga kita tidak perlu mengeluarkan belanja lebih. Polis tak perlu hendak hantar duit lebih, peruntukan lebih dan sebagainya. Ini berjuta-juta kita terpaksa membelanjakan kepada yang tidak sewajarnya dibelanjakan, kita faham. Begitu juga satu perkara lagi, setelah dia gagal. Gagal juga melalui Menteri-menteri ini, dengan rakyat pun gagal, akhirnya dilaksanakan demonstrasi jalanan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** *[Bangun]*

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Sila, sila.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, ada minta laluan.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Boleh bagi.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Boleh saya mencelah?

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Boleh, boleh.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih atas ucapan yang begitu menarik, Yang Berhormat. Akan tetapi jika mantan Perdana Menteri anggap suatu ancaman yang lebih teruk, menggugat kerajaan yang dipilih secara demokratik, maka apa sebabnya kerajaan tak ambil tindakan terhadap beliau dan tahan dia di bawah SOSMA? Ini yang saya hendak tahu lah.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Boleh tambah sikit?

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Boleh, boleh, boleh, sila.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Saya hendak masuk melalui sini, boleh? Boleh Tuan Yang di-Pertua? Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau tahan SOSMA, itu yang mereka nak. Memang dianjurkan supaya SOSMA dibuat supaya hendak membangkitkan lagi kemarahan rakyat. Apakah komen Yang Berhormat?

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Sememangnya cadangan dan sebutan daripada sahabat kita Yang Berhormat tadi sememangnya betul. Saya sendiri pun, sangat mengalaukan supaya undang-undang kita mesti dipatuhi oleh semua rakyat, semua rakyat. Kalau kita lihat perhimpunan demonstrasi jalanan yang sudah, 15 kuning kena dan 15 merah kena tangkap. Adil, kita adil, kita patuhi undang-undang yang ada. Waima mantan Perdana Menteri sekali pun sekiranya ia menggugat kepada kestabilan dan keamanan negara, melibatkan kepada pertumbuhan ekonomi negara, maka sudah sewajarnya tindakan undang-undang dibuat walaupun apa yang dikatakan oleh sahabat saya Datuk Megat tadi, rancangan untuk mendapatkan simpati rakyat. Akan tetapi ini juga kita kena laksanakan.

So, akhirnya, rakyat mengetahui bahawa kerajaan yang ada sekarang sememangnya mementingkan kesejahteraan rakyat. Di mana juga ada sumber ataupun laluan untuk menjatuhkan kesejahteraan ini, maka tindakan dan undang-undang mesti dikenakan. Saya sememangnya bersetuju walau siapa sekali pun, walaupun mantan dan saya menyarankan supaya tindakan ini dibuat. Kita tak mahu ada *double standard*, rakyat biasa kena cepat, yang ada nama, lambat. Kita tak mahu. Biar secara adil dikenakan. Siapa buat salah kena tanggung. So, itu maksud saya. Kaedah ini tak boleh dibiarkan berpanjangan. Kuning mesti berhenti. Kalau tidak ada kuning, maka tidak akan ada merah. Benar ya? Tidak akan ada merah. bila tidak ada kuning, tidak ada merah, sudah pasti pihak kerajaan tidak membelanjakan..

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Akan tetapi Yang Berhormat, kalau berlengah dengan kuning Yang Berhormat, dia berhenti berjaga-jaga, berhenti berjaga-jaga, dia tak jalan sebab tak ada hijau.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Tak ada hijau ya.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ha, yang ini, jadi apa pun...

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Itu betul juga dia kata, saya setuju. Apa yang disebut..

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Dia berhenti, berhati-hati. Berhenti berhati-hati.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Saya setuju apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang menasihati atau memberikan pandangan kepada saya iaitu kuning ini dia berjaga-jaga, merah bagi berhenti [Ketawa] Akan tetapi tak ada

hijau tidak boleh lalu. Akan tetapi kaedah sebenarnyalah, kaedah sebenarnya sudah sewajarlah, sudah mestilah perkara ini diberhentikan. Di berhenti.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta laluan sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ya, silakan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Saya sebenarnya dalam keadaan demam, suara tak berapa sedap. Akan tetapi apabila isu keluar isu merah, kuning, hijau ini, menarik perhatian saya. Pertamanya saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kuning buat demonstrasi jalanan ada hubung kait dengan orang luar. *Funder* daripada luar, contohnya macam George Soros orang kata diuar-uarkan dan Maria Chin juga telah memberi pengakuan bahawa ini adalah campur tangan asing dalam negara kita untuk menjatuhkan kerajaan kita hari ini Yang Berhormat. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Abbas Sememangnya perkara itu telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Ya.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Jam telah pun menunjukkan pukul satu. Jadi saya minta Yang Berhormat nanti semasa sesi petang bagi ulasan kepada Yang Berhormat Datuk Yahaya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang mana yang bagi nama pada hari ini dan semalam untuk membahas, kita telah pun senaraikan. Jadi selepas ini bersiap-sedia untuk perbahasan sebelah sesi petang. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang ini. Terima kasih.

*[Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 tengah hari]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]*

*[Dato' Sri Khairudin Samad mempengerusikan Mesyuarat]*

■1430

**Dato' Sri Khairudin Samad:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, dan salam sehati sejiwa.

Yang Berhormat Datuk Hamzah, sebelum menyambung, saya ada sedikit peringatan hendak disampaikan. Saya mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak meninggalkan Dewan, tolong bagi surat minta izin. Saya difahamkan ada ramai yang pergi

melihat MAHA. Tidak akan lari MAHA dikejar, kita ada sampai hari Jumaat boleh kita pergi waktu Dewan berehat.

Jadi saya difahamkan daripada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah, Menteri ada menjemput Ahli-ahli Dewan Negara untuk turut hadir di dalam MAHA dan kita akan senaraikan nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak pergi melihat MAHA, apa kemajuan-kemajuan Kementerian Pertanian di situ bolehlah kita berpakaat beramai-ramai untuk kita pergi supaya mereka memberi sambutan kepada kita di sana dan membuat penyediaan pada hari Jumaat ini apabila kita berehat.

Jadi hari-hari yang kita bersidang ini, janganlah tinggalkan Dewan kerana kita masih memerlukan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 ini. Jadi dengan itu saya mohonlah kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengikuti sesi Dewan.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Hamzah untuk menyambung perbahasan. Terima kasih.

### **2.34 ptg.**

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk meneruskan, dan menjawab soalan daripada Datuk Abbas sebentar tadi yang berbunyi...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Bukan menjawab soalan- memberi...

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** ...Penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Penjelasan. Menjawab soalan, kita tunggu kementerian.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Ya, memberi penjelasan kepada pertanyaan kepada Datuk Abbas sebentar tadi yang mengatakan, apakah ada penglibatan luar negara di dalam perkara yang saya sebutkan tadi?

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Datuk Abbas kerana mengemukakan soalan ini, dan saya juga ingin bersama dengan Datuk Abbas untuk bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri dalam kaedah yang dikatakan penglibatan luar negara di dalam memberi tajaan kepada demonstrasi jalanan ini. Apa yang hendak saya tanya ini ialah apakah *MalaysiaKini, Sarawak Report* juga *National Endowment Open Society Association* ditaja oleh yang dikatakan dari luar negara iaitu sumber daripada Soros?

Saya mohon sangat-sangat kepada Yang Amat Berhormat Menteri supaya menyemak perkara ini, menyiasat perkara ini dan sekiranya didapati ada, maka saya menyarankan supaya tindakan segera mesti dibuat. Apa bentuk tindakan yang akan dibuat juga ia mesti ada *target*.

Kita tak mahu nanti nasi sudah menjadi bubur baru hendak dilaksanakan tindakan. Kalau hendak ikut daripada segi undang-undang dulu yang saya faham, kalau tak betul saya mohon Yang Berhormat Menteri betulkan saya, iaitu hukuman kepada yang kita anggap bahawa mereka merupakan penderhaka kepada negara- hukumannya ialah hukuman bunuh ataupun ditembak. Ini yang sewajarnya dilihat supaya kaedah kita hendak mahukan keamanan di negara ini mesti dipelihara sebaik-baiknya.

Ini saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk melihatkan kepada perkara ini. Seperkara lagi saya melihat bahawa mereka mencuba untuk mengganggu gugat daripada segi ekonomi negara, dengan cara sebegini maka sudah pasti pelabur-pelabur dari luar negara akan memikirkan banyak kali sama ada ia baik untuk melabur di negara Malaysia. Akan tetapi, *alhamdulillah* syukur kepada Allah SWT yang memberikan seorang pemimpin yang benar-benar berwibawa iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri yang telah dibuktikan iaitu semasa membuat lawatan ke negara China baru-baru ini dan beliau berjaya untuk mendapatkan pelaburan dari negeri-negeri China yang saya faham iaitu sebanyak RM144 bilion.

Ada juga yang cuba menghasut iaitu kenapa kita bekerjasama dengan China. Ini kerana kita melihat bahawa yang saya faham iaitu China ini dalam tahun 2020 akan menjadi merupakan sumber ekonomi yang teratas di peringkat dunia. Jadi tidak salah dan benarlah tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak membuat hubungan yang rapat meneruskan hubungan rapat dengan negara China untuk menentukan bahawa ekonomi negara Malaysia ini dapat dipertingkatkan. Sekiranya berlaku sedemikian, maka bajet semasa yang akan datang sudah pasti akan lebih baik daripada bajet yang dapat dikemukakan pada kali ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperkara lagi yang saya ingin sebut iaitu berkenaan dengan insentif kepada rakyat. Kita melihat dalam bajet ini terlalu banyak insentif yang diberikan kepada rakyat. Cuma dalam terkilan, saya kira, rakyat tidak difahamkan secara betul-betul dari semasa ke semasa. Cuma dalam kaedah membentangkan bajet dan dalam seketika waktu ia diperjelaskan dan selepas itu ia telah pun didiamkan. Apa cadangan saya, saya mencadangkan supaya kementerian-kementerian menjelaskan apa insentif yang kerajaan bagi sama ada daripada segi surat tawaran yang diberikan kepada rakyat ataupun bil-bil yang kita berikan kepada rakyat.

#### ■1440

Sebagai contoh, daripada sumber kesihatan. Sumber kesihatan, jelaskan di situ. Okey, sekiranya pesakit pergi ke hospital dan menerima rawatan, bilnya mesti dijelaskan jumlah

sebenar cajnya adalah sebanyak ini. Jumlah insentif ataupun subsidi kerajaan adalah sebanyak ini dan jumlah perlu dibayar sebanyak ini. Mesti diperjelaskan supaya rakyat faham bahawa kerajaan sentiasa membantu rakyat. Sebagai contoh, saya sebutkan Rumah Bina Negara semasa soalan saya yang sudah, yang semalam ya. Dikatakan Rumah Bina Negara ini harganya RM65,000 kos untuk membina Rumah Bina Negara dan jualannya RM45,000. Jadinya, insentif yang kerajaan bantu ini sebanyak RM20,000 dan bulanan hanya perlu dibayar RM250.

Rumah yang disediakan agak selesa. Keluasannya seluas 700 kaki persegi dan mempunyai tiga buah bilik dan dua buah bilik air. Perkara ini mesti diperjelaskan, difahamkan kepada rakyat berterusan supaya rakyat tahu. Ini kita fikirkan kita selalu merungut, di bawah-bawah merungut ataupun di kepimpinan atasan pun merungut, Menteri-Menteri pun merungut mengatakan bahawa, *“Ah, anak pelajar-pelajar kita di luar negara sudah tidak mengenang budi…”*. Akan tetapi kita harus mengkaji perkara ini, di manakah kelemahan-kelemahan kita? Apa yang saya lihat sebagai contoh, yang saya sebutkan tadi iaitu pelajar yang kita hantar ke universiti kena sebut. Berapa perlu dibayar, berapa sebenarnya kerajaan bagi bantuan dan berapa yang menjadi bantuan kerajaan dan yang lain-lain di bil-bil yang kita bagi ataupun surat tawaran tersebut. Maka, ia sudah pasti rakyat akan faham dan sentiasa peka, sentiasa ingat bahawa mereka ini dijaga ataupun diberi khidmat sebaik mungkin oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, rasanya tidak lengkap sekiranya saya ini datang ataupun mewakili, Ahli Dewan Negara yang mewakili negeri Perak. Rasanya tidak lengkap sekiranya tidak saya membawa apa keperluan-keperluan negeri Perak untuk disampaikan. Iaitu berhubung Bajet 2017 menyediakan pelbagai peruntukan bagi melaksanakan Program Pembangunan Wilayah, di mana negeri Perak turut mendapat agihan. Sebagai anak jati negeri Perak, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan supaya Kerajaan Persekutuan menimbaangkan untuk bersikap pintu terbuka terhadap permintaan peruntukan tambahan dari negeri Perak bagi membiayai projek-projek tertentu. Seperti yang kita sedia maklum, negeri Perak bersempadan dengan negeri Pulau Pinang di utara dan negeri Selangor di selatan. Kedua-dua negeri tersebut atas faktor lokasi dan sejarah terkehadapan daripada segi pembangunan berbanding Perak. Justeru, Perak perlu dilonjakkan supaya berseganding dalam aspek-aspek tertentu. Bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi negeri Perak, kerajaan negeri sedar betapa pentingnya pembangunan bandar dan wilayah. Untuk itu, Kerajaan Negeri Perak akan melaksanakan Program Pembangunan Wilayah Perak Selatan. Antara projek-projek utama termasuklah pembangunan bandar baru di Daerah Bagan Datoh yang dikenali sebagai *Bagan Datoh Water City*.

Selain itu, pembangunan kawasan perindustrian berintegrasi yang dinamakan *Perak Heavy Industrial Park* ataupun PHIP turut akan dibangunkan ialah Kompleks Pentadbiran Daerah Bagan Datoh dan pelbagai kemudahan serta khidmat sokongan. Semua yang direncanakan itu memerlukan dana yang mencukupi yang pastinya memerlukan peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bagi menampung apa yang termampu oleh kerajaan negeri. Sehubungan dengan soal pembangunan wilayah, saya ingin melontarkan pendapat.

Pertama, ternampak trend ke pembangunan yang tertumpu pada sesuatu tempat mungkin kerana niat hendak menyemarakkan potensi pertumbuhan sedia ada di satu-satu lokasi terpilih. Kedua, kelihatan ada kawasan-kawasan tertentu yang bagaikan tersisih atas sebab-sebab tertentu. Oleh itu, saya ingin menyuarakan supaya taburan peruntukan dan projek-projek pembangunan perlu dibuat secara berimbang supaya jangan terlalu ketara tahap ketersisihan pembangunan antara yang maju dengan yang masih ketinggalan. Maksud inklusif seperti yang diuar-uarkan perlu direalisasikan dengan penuh bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, dengan waktu yang saya rasa berkaki tidak berapa banyak, saya ingin menyentuh dua perkara lagi secara ringkas. Pertama, mengenai model pertumbuhan ekonomi antara yang berpaksikan modal atau *capital economy* dengan model ekonomi berpaksikan rakyat atau *people economy*. Menyedari kedua-dua model ini boleh berjalan dengan selari, namun pada hemat saya, pertumbuhan berpaksikan rakyat haruslah diberi keutamaan.

Pengalaman di negara-negara sedang membangun yang terlalu bersandar kepada *capital economy* telah membentuk jurang yang kian ketara antara golongan berada dengan golongan keterbawahan. Bagaimana keseimbangan antara dua bentuk model ini hendak diserasikan, saya serahkan kepada kebijaksanaan pucuk kepimpinan kita. Kedua, dalam kita menuju kian hampir kepada taraf negara maju berpendapatan tinggi, soal inovasi kreatif dan tahap keterbabitian dalam ekonomi digital satu kemestian. Kalau kita tidak mahu keterciciran, sehubungan dengan perkara ini, Bajet 2017 yang menyediakan pelbagai peruntukan untuk membiayai pelbagai bidang latihan kemahiran perlulah menitikberatkan aspek ekonomi digital dan perniagaan di hujung jari. Terutama dalam usaha melatih lebih ramai anak-anak muda Melayu dan bumiputera dalam bidang ekonomi digital yang akan mencorakkan aktiviti dan hala tuju ekonomi pada masa-masa yang akan datang.

Golongan bestari sering berpesan, waktu yang paling sesuai menanam pokok ialah 10 tahun yang lalu supaya pada hari ini kita boleh memungut hasilnya. Jika ini tidak berlaku, masa yang kedua paling sesuai pada hari ini iaitu keterlewatan adalah lebih baik daripada ketiadaan. Satu lagi peringatan yang ingin saya kongsikan melalui perbahasan ini ialah bersabit dengan

agihan peruntukan. Sebanyak mana sekalipun peruntukan yang disediakan, jika agihannya membelakangkan keadilan dan masih ramai khalayak golongan sasar yang tersisih atau tercincir...

Sekejap Tuan Yang di-Pertua. Oh! Mengalu-alukan. Terima kasih. Saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua iaitu mohon mengalu-alukan kehadiran pelawat di atas iaitu dari negeri Johor [Tepuk] Terima kasih. Saya mohon izin untuk meneruskan.

Maka, matlamat yang ingin dicapai bukan sahaja tidak kesampaian, malah menimbulkan kekecewaan di kalangan yang hampa. Maksud saya, jangan sampai seperti lukisan dalam bidalan Melayu yang berbunyi, “*Hujan yang nampak lebat tetapi ada bumi yang tidak basah...*”. Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri perbahasan ini dengan serangkap pantun.

*Rintik-rintik hujan gerimis,  
Singgah berteduh di pohon jati,  
Bawalah balik mana yang manis,  
Mana yang keruh ditinggalkan di sini.*

Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

#### ■1450

**Dato' Sri Khairudin Samad:** *Waalaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Datuk atas perbahasan tadi. Seterusnya saya dengan segala sukacitanya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat untuk mengambil bahagian. Dipersilakan.

#### 2.50 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi keizinan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. *Alhamdulillahi robbil'alamin. Wassollatuwasalamuala Rasulillaahil'amin. Sayyidina wa Habibina wa Rasulina Muhammad. Waala'alihi waas'habihu ajmain.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan saya berhubung dengan belanjawan ini, ingin saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan junjungan kasih ke Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah yang telah memerintah dengan aman dan damai dan membawa keamanan, kemakmuran, kebahagiaan kepada rakyat jelata. Kita memohon kepada Allah supaya Allah memberi keberkatan kepada Baginda, kesihatan yang berkekalan sepanjang hayatnya.

Waktu yang sama, saya ingin menyampaikan ucapan menjunjung tahniah pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V, Tengku Muhammad Faris Ibni Sultan Ismail Petra sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-15. Kita memohon kepada Allah dan memanjat doa kepada-Nya supaya Baginda diberi bimbingan, taufik, hidayah dalam menerajui dan memimpin negara yang bertuah ini dan kita mohon perlindungan daripada Allah daripada perkara-perkara yang tidak baik di dunia dan akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan tahniah juga saya ingin rakamkan kepada Menteri Belia dan Sukan dan kementeriannya yang telah berjaya membawa kontinjen negara dan mendapat kejayaan pingat emas dan pingat perak baru-baru ini. Ini memberi rangsangan kepada semua pihak termasuk rakyat di seluruh negara berbangga dengan wira-wira kita. *Alhamdulillah*, kita yakin dan percaya kalau usaha yang dilaksanakan dengan cukup prihatin, *insya-Allah*, kejayaan itu akan ada.

Seterusnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Senator-Senator yang baru dilantik sebagai kawan baharu di Dewan yang mulia ini. Semoga mereka dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa senang hati tengok Tuan Yang di-Pertua. Dia memang segak... *[Dewan ketawa]*

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Nampak kewibawaannya.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbincangan saya ini dengan membaca ayat Al-Quran yang kita semua membaca. Ayat yang pertama ialah ayat daripada surah Al-A'raf ayat 31. Allah SWT berfirman... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “*Makanlah kamu, minumlah kamu tetapi jangan melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak suka orang yang melampaui batas*”. Nampak ayat ini seperti makan minum. Sebenarnya ia termasuk juga perbelanjaan, pengurusan. Kalau kita dapat urus diri kita- makan dengan baik, jangan melampau, minum jangan melampau, badan sihat. Begitu juga mengurus kewangan. Kalau tidak berboros dan tidak kedekut, dia akan stabil.

Hal yang sama, saya ingin membaca lagi ayat daripada surah Al-Isra' ayat 26. Allah berfirman... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “*Jangan kamu belenggukan tangan kamu sampai ke tengkuk dan jangan kamu hulur tangan kamu sehulur-hulurnya kerana perbuatan begitu tidak bagus*”... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “*Allah akan memberi rezeki kepada siapa yang Dia kehendaki*”. Namun, Allah memberi rezeki tadi dengan berusaha dalam kehidupan kita.

Saya mengambil kesempatan ini juga, saya melihat dalam bajet ini, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri telah mengimbau sejarah Nabi Yusuf AS di dalam membuat perancangan terhadap negara. Nabi Yusuf AS adalah seorang yang dirujuk untuk memberi pandangan bagaimana untuk mengurus negara berdasarkan kepada mimpi seorang raja. Mimpi itu mimpi benar dan takwilan itu takwilan yang benar.

Nabi Yusuf memberitahu bahawa kita akan menghadapi musim elok dan pada musim ini, musim subur ini, kita perlu menanam tujuh tahun berturut-turut dan apa yang kita ada, kita simpan untuk menghadapi hari susah dan kita makan sekadarnya. Apabila datang hari susah, tahun susah, kita akan boleh guna simpanan tadi. Dalam konteks ini, maka kita melihat yang rizab negara perlu diberi kekuahan, perlu diberi keutamaan supaya negara kita dapat menggunakan rizab itu dengan sebaik mungkin. Itu roh daripada perbincangan ayat yang telah disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bajet diumumkan pada tahun hadapan 2017 berjumlah RM260.8 bilion meningkat 3.4 peratus berbanding dengan tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, RM214.8 bilion atau 8.2 peratus untuk perbelanjaan mengurus manakala RM46 bilion atau 18 peratus pembangunan. Ini bermakna nisbah 8:2:18. Ada yang menghitung 80:18 tetapi dekat-dekat itulah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menjangka pungutan hasil yang akan dipungut pada tahun hadapan ialah RM219.7 bilion, naik 3 persen berbanding dengan tahun 2016. Natijahnya, negara kita akan mengalami defisit RM40.3 bilion atau 3 peratus berbanding dengan 2016 KDNK dan negara kita mengalami defisit berturut-turut sejak tahun 1986 sehingga kira berada pada hari ini iaitu hutang negara RM655.7 bilion atau 52.2 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melihat perbelanjaan kita pada tahun ini, kita tengok daripada segi pembangunan, kita melihat sektor ekonomi mendapat RM25.9 bilion, sosial RM12.3 bilion, keselamatan RM5.3 bilion dan pentadbiran RM2.5 bilion. Sebenarnya perkara ini merupakan asas dalam pembangunan negara. Pembangunan sektor ekonomi inilah sebenarnya juga merancakkan pembangunan ekonomi negara kerana negara kita ialah negara yang bergantung pada sistem ekonomi, pertanian juga yang lain-lainnya, begitulah juga bergantung kepada sistem sosialnya, keselamatan dan pentadbiran.

Keempat-empat bahagian ini termasuk dalam tiga kategori iaitu yang pertama *dharuriyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyat*. Kalau kita melihat dalam bajet yang telah dibentangkan setiap kali, maka inilah pola-pola yang berkisar dalam bajet kita iaitu untuk memberi keutamaan asas kepada masyarakat dan rakyat. Keutamaan asas seperti makan minum, begitulah juga kehidupan rumah tangga dan juga jalan raya. Ini asas, makan, minum, pakaian merupakan

asas. Mungkin orang kata, "Saya tidak ada rumah tidak apa, asal boleh makan". Bagi kita, makan minum adalah asas kerana itulah kita melihat makan minum merupakan asas yang perlu diberi perhatian dan memang ini telah mendapat bahagian yang banyak.

#### ■1500

Begitulah juga sosial kita. Begitulah juga keperluan kita meningkat daripada satu tahap kepada tahap yang lain. Ia berkembang dari semasa ke semasa. Kalau dahulu kita kata kita berjalan kaki maka sekarang kita menganjak kepada berbasikal, motosikal, berkereta dan kereta pun ada yang mewah. Ini kita panggil *tahsiniyyah* untuk meningkatkan kehidupan yang lebih baik daripada satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini kita melihat juga pengurangan ataupun pemotongan bajet daripada banyak kementerian termasuk Kementerian Pendidikan. Begitulah juga Kementerian Kesihatan dan juga kementerian-kementerian lain. Ini adalah kerana kekangan ekonomi yang sentiasa menghambat dalam kehidupan. Namun begitu, saya melihat dalam beberapa hal ada perkara-perkara yang perlu kita lihat kerana seperti Kementerian Kesihatan. Orang sakit ini Tuan Yang di-Pertua, dia tidak tentu masa. Tengah malam pun sakit. Kadang-kadang pesakit itu ramai. Maka, saya melihat Kementerian Kesihatan dan juga kementerian lain merupakan tonggak dalam kehidupan masyarakat.

Saya melihat ada beberapa kementerian yang penting dan bukan lain tidak penting yang mendepani dalam kehidupan masyarakat seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan termasuk Usahawan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan memang dia sudah ada wang. Jadi, kementerian ini merupakan tonggak di dalam kehidupan- hidupan masyarakat kita. Ini kerana kalau kita boleh imbas kembali, kita dalam hidup ini kita perlu kepada ilmu. Kalau ilmu maka Kementerian Pelajaran yang akan mengepalainya.

Dalam kehidupan ini kita perlu kepada keamanan. Maka, Kementerian Dalam Negeri dan Luar Negara lah yang akan menanganinya. Kita perlu kepada makanan maka Kementerian Pertanian lah yang akan menanganinya. Kita perlu kepada kesihatan maka Kementerian Kesihatan lah yang akan menanganinya. Ini merupakan pokok dan asas dalam pembinaan negara. Mana-mana negara pun tanpa kecuali. Kerana itu kita melihat perkara-perkara seperti ini perlu diberi perhatian khusus supaya kita dapat membangun negara kita walaupun dalam kemelut kemelesetan atau kesempitan kekangan ekonomi dalam setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada Kementerian Kerja Raya. Saya semalam mendengar Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman kita. Hari ini tidak nampak dia. Dia mencadangkan supaya dia menyebut cadangannya diterima iaitu Lebuh Raya

Terengganu 3 dan diminta supaya Lebuhraya Terengganu 3 itu sampai ke Besut. Saya kata cantik. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, Besut dengan Kelantan itu sempadan sahaja. Kelantan ini bukan panjang pun seperti negeri Terengganu tetapi dia luas sahaja.

Jadi, apalah salahnya kita saya hendak sambung yang Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman panjangkan sedikit sampai ke Tumpat. Tidak panjang sangat pun. Kalau sekiranya buat setakat 'seganu' maka kita akan lihat begini. Seperti orang pakai segak seperti Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad- pakai songkok, pakai *tie* tetapi pakai selipar. Pakai selipar. Dahulu orang panggil selipar jepun. Akan tetapi sekarang pakai selipar. Bergaya kah kita?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, kalau kaki di bawah meja ini. Jangan kata pakai selipar tidak pakai celana pun okey [Ketawa]

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Itu bila duduk [Ketawa] Kalau kita berjalan hendak pergi pameran kita ini- MAHA ini. Kalau buat macam itu, macam mana itu? Jadi, kalau kita buat sampai setakat Besut, orang hendak pergi ke Thailand, orang Thailand masuk tidak nampak Malaysia. Tidak nampak Malaysia cantik. Tidak nampak *highway* Malaysia. Apalah salahnya kita panjangkan sedikit. Sempurnakan. Ini kerana kita sebuah negara yang kita mahukan kalau orang datang dari Thailand masuk ke Malaysia dia mula dari pintu Golok ataupun dia akan mulakan daripada Tak Bai. Ditengok "Wah Malaysia mempunyai lebuh raya yang tidak kurang hebat dari Thailand malah lebih hebat lagi".

Jadi kalau kita melihat perancangan ini merupakan satu yang terbaik. Kita buat yang terbaik untuk negara kita, *insya-Allah*. Begitu juga pada sesi yang lepas saya mendengar salah seorang daripada Yang Berhormat Senator kita mencadangkan supaya Lebuh Raya Timur dari Johor ke Tak Bai- difikirkan. Kalau boleh dibuat. Saya mendengar dalam jawapan kementerian dia kata kajian dibuat bahawa tidak ada ramai pengguna. Hari itu saya hendak bertanya tetapi soalan itu tidak soalan saya. Hari ini saya hendak sebut.

Kita jangan buat seperti ayam dahulu ke telur dahulu. Hendak tengok orang ramai biar ada jalan, hendak tengok orang ramai biar ada jalan- jalan itu besar baru boleh kita tengok sebagaimana Lebuhraya Timur-Barat. Ramai orang pengguna sebab dia sudah ada. Sebelum itu mungkin dia tidak ada juga. Logik itu boleh dipakai di sesetengah tempat tetapi di sesetengah tempat lain mungkin tidak sesuai. Kalau kita tengok Lebuhraya Pan Borneo ada ramai orang lalu? Tidak ramai lagi. Ini logik itu kadang-kadang tidak boleh pakai. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita rasional. Saya mengharapkan Kementerian Kerja Raya dapat memberi jawapan yang betul, yang ikhlas, yang kita mahu pembangunan negara ini berjalan dengan serentak.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik apa yang telah disebut kereta api laju. Kereta api laju ini *insya-Allah*. Kita doalah untuk sempat naik. Tidak tahu lagi bila akan mulanya. Akan tetapi kita yakin dan percaya kalau sekiranya buat sikit-sikit, lama-lama dia akan siap. Cuma kalau kita boleh tengok daripada segi kos-kos tadi. Kos-kos tadi boleh kita nilai. Kita cuma semak balik dan sebagainya dan merupakan satu pembangunan yang kita rasa boleh memberi kebaikan pada semua pihak.

Selain daripada itu saya hendak tahu juga pada Bajet 2016 bahawa Lapangan Terbang Pengkalan Chepa telah diluluskan dan akan dinaiktarafkan. Saya hendak tahu lah setakat mana kerja-kerja itu telah dilaksana dan saya dengan Yang Berhormat Senator tadi Datuk Ng Chiang Chin mengatakan bahawa sibuknya Pengkalan Chepa itu sehingga sekarang ini ada 50 penerbangan sehari. Sebenarnya saya dengar dari dalam Dewan Undangan Negeri baru-baru ini Pengarah Bahagian Lapangan Terbang mengatakan bukan 50 tetapi 80, pada hari-hari biasa. 80 penerbangan naik turun pada setiap hari. Hari-hari biasa.

Jadi tuan-tuan mungkin ia juga di antara lapangan terbang domestik yang tersibuk di dalam negara kita. Oleh sebab itu saya rasa tidak perlu kita melengah-lengahkan supaya kerana peruntukan pun telah ada dan begitulah juga tanah pun telah ada semua telah lengkap. Cuma tinggal lagi bila hendak mulakan gerak kerja ke arah itu. Maka apabila semakin cepat *insya-Allah* semakin berkembang putaran ekonomi kita dan rakyat kita pun boleh berinteraksi antara satu sama lain dengan lebih cepat lagi.

Saya menganjak kepada Kementerian Pendidikan. Saya semalam mendengar Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib dalam ucapannya bertanya Kementerian Pelajaran berhubung dengan keputusan UPSR yang berbeza sangat dari tahun yang sebelum-sebelumnya. Banyak pihak yang bertanya mungkin penjelasan telah dibuat oleh pihak kementerian, namun kepuasan itu perlu diungkapkan lagi sehingga ia boleh memberi satu penjelasan yang tuntas.

Pada tahun lepas kita melihat hanya 1.1 peratus sahaja pelajar yang lulus kesemua subjek cemerlang ‘A’ berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Adakah ini kerana sistem? Adakan kerana cara pemeriksaan ataupun kerana penambahan mata pelajaran kepada 6 mata pelajaran, ataupun pelajar-pelajar kita memang itu sahajalah yang pandai. Kita pun tidak tahu.

## ■1510

Kalau sekiranya itulah sahaja pelajar kita yang pandai pada setiap tahun, tak apa, *alhamdulillah*, tetapi takkanlah dapat 1.1 peratus berbanding dengan 70, 80 sebelum-sebelumnya? Saya lihat di sini perlu disemak balik. Ini sistem kita dan saya rasa tidak mahu dikatakan kepada Menteri Pelajaran apabila seorang Menteri baru datang, sistemnya lain.

Datang pula seorang Menteri yang baru, sistemnya berbeza. Kita tahu mahu. Sistem tetap sistem. Kita kalau boleh kita konsisten dengan sistem yang kita telah lakukan sejak sekian lama.

Kerana itu ingin saya dapat penjelasan daripada pihak kementerian sebab saya melihat anak-anak yang skor, mereka kecewa. Skor 'A' enam. Sekolah, guru-guru yang skor 'A' enam terbabas. Harapan mereka terbabas. Malah, ada yang cemerlang dulu...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, ada yang hendak minta laluan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator, saya hendak minta penjelasan, adakah ia merupakan suatu signifikan yang besar di dalam menentukan masa depan murid-murid yang mendapat kelulusan, setakat tahun ini, bagi UPSR? Adakah ia merupakan suatu signifikan besar untuk masa depan mereka? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Saya melihat dari sudut ini. Sudutnya pelajar-pelajar berasa dia tidak pandai. Pelajar sekarang dia terasa begitu. Dan guru-guru pun dia merasa dia mengajar tidak pandai. Sedangkan guru itu juga yang mengajar dulu. Saya rasa pelajar-pelajar lebih kurang saja di antara satu sama lain tapi dia jarak itu sangat ketara. Ini memberi kesan secara langsung atau tidak langsung.

Mungkin juga pelajar ini daripada segi pengambilan masuk ke sekolah, orang dapat empat 'A' pun boleh masuk ke asrama penuh, tiga 'A' pun boleh masuk asrama penuh, dua 'A' pun masuk asrama penuh. Akan tetapi apabila tengok sijil, masa itu orang tidak tengok sudah, awak lulus tahun berapa. Masa itu, masa 10 tahun, 20 tahun lagi, orang hendak tengok sijil UPSR awak. Walaupun pada ketika itu orang tengok PMR dan SPM tetapi dia sebagai rekod peribadi, ia juga mempunyai *sentimental value*. Itu pandangan saya tapi yang boleh jawab Menterilah. Saya lontar ini, apa yang saya sebut ialah saya ingin tahu dan saya pun boleh tolong kementerian untuk berikan jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya hendak pergi kepada Kementerian Pendidikan Tinggi. Tahun ini kerajaan telah memotong sebahagian daripada kos yang telah diberikan selama ini kepada banyak universiti. Saya membaca dalam akhbar bahawa Menteri telah memberitahu bahawa ada mekanisme lain yang telah diwujudkan di universiti seperti wakaf tunai dan sebagainya. Ini satu yang baik.

Namun, saya melihat- kita banyak universiti. Universiti yang lama yang *establish*, universiti yang baru dan baru lagi. Bagi universiti yang telah *establish* yang terkenal sudah lama, mereka mempunyai rangkaian yang banyak yang luas untuk mendapatkan kewangan dan

dana. Akan tetapi bagi universiti yang baru, ia juga bukan satu perkara yang mudah untuk mendapat kewangan untuk memenuhi keperluan sebenar apabila bajetnya telah dikurangkan.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian yang berkenaan. Selain daripada dana yang telah disebut dalam akhbar baru ini, apakah lagi cara-cara yang akan diperkenalkan kepada pihak universiti agar mereka dapat menampung kekurangan dana yang diperlukan? Apa yang disebutkan oleh sebahagian- semalam saya dengar ada kenaikan yuran kepada sesetengah universiti dinaikkan yuran. Adakah ini benar berlaku? Kalau benar berlaku, adakah universiti terpaksa berbuat demikian kerana kekurangan dana yang diperuntukkan? Ini satu pertanyaan sayalah.

Kemudian saya hendak pergi kepada Kementerian Pertanian. Kita tahu pertanian merupakan sumber yang utama di dalam negara kita. Tanah kita pun luas dan hasil kita pun *alhamdulillah*. Namun, ada sedikit yang saya ingin tahu berhubung dengan perkara ini. Seperti baru ini, kerajaan memberitahu bahawa penoreh-penoreh getah yang hasil getahnya tak seberapa kerana penurunan harga, kerajaan memberi subsidi kepada mereka.

Apa yang saya tahu, pekebun kecil ini ialah yang kurang daripada lima ekar ini, kadang-kadang dia tidak menoreh sendiri. Dia sudah tua, orang lain tolong toreh. Apabila orang lain tolong toreh, maka- baru ini saya dapat maklumat bahawa yang diberi bantuan itu kepada penoreh, bukan kepada tuan tanah. Tuan tanah ini sudahlah tidak menoreh, kebun itu kebun dia, sudahlah dia tidak menoreh, kemudian duit pula katanya diberi kepada penoreh. Jadi dia tidak ada apa-apalah, pekebun kecil tadi. Kalau dia menoreh sendiri, saya rasa *alhamdulillah*, dia dapat. Akan tetapi dia dah orang tua, tak larat, dia ada kebun tiga ekar saja. Tiga ekar ini nak menoreh sendiri pun tak boleh tapi orang yang menoreh itu yang diberi bantuan. Tuan tanah tak ada apa-apa.

Jadi, saya melihat perkara ini juga perlu dilihat kembali kepada siapa sepatutnya diberi. Tanpa menafikan kepada penoreh tadi tetapi tuan tanah yang hanya ada tiga ekar yang dia pun bergantung di situ. Jadi saya harap pihak kementerian melihat kembali mekanisme kepada siapa sebenarnya sasaran yang kita nak bantu tadi.

Selain daripada itu, saya ingin mendapat penerangan daripada kementerian, baru ini kita ada dengar ada program e-Beras dalam negara. Saya ingin tahu, sejauh mana perkara ini sedang berkembang dan berjalan dipantau oleh pihak kementerian? Adakah masyarakat kita sebenarnya perlu kepada e-Beras ini atau sebagainya?

Seterusnya, rancangan jangka panjang. Kita ini kalau kita boleh tengok tanah luas tapi tidak ada atau sebahagiannya tidak diusahakan, dan ada masyarakat kita yang muda-muda tidak mahu menceburkan diri dalam pertanian dan sebagainya. Saya ingin tahu, bagaimanakah

perancangan kementerian khasnya dalam meningkatkan produktiviti kita dan mendorong warga kita supaya mereka berada dalam rancangan pertanian yang moden?

Tuan Yang di-Pertua, saya pada hari ini saya baca akhbar, Kerajaan Saudi telah tidak mengenakan caj visa yang diberitahu sebelum ini sangat tinggi kepada orang yang ingin melakukan atau mengerjakan umrah buat kali kedua dan juga haji kali kedua. Saya nak ucap terima kasihlah kepada Kerajaan Arab Saudi yang telah tidak melaksanakan hasratnya itu dan memberi keringanan kepada semua orang yang nak pergi mengerjakan haji dan umrah untuk kali yang ke seterusnya.

Memang nak pergi umrah boleh. Besok pun boleh pergi, tetapi kalau haji, susah, kena daftar dulu. Kalau mengikut Yang Berhormat Dato' Asyraf Wajdi, dia kata kalau daftar hari ini, 70 tahun lagi. Kalau kita, tak tahu boleh pergi kah tak boleh pergila ya.

Kemudian yang kedua, saya nak tahu, dua tahun lepas ada rakyat Malaysia yang pergi mengerjakan haji dan ditimpa musibah. Ada yang meninggal, ada yang sakit. Kerajaan Saudi menjanjikan akan diberi pampasan kepada mereka yang berkenaan. Kita ingin tahu, sejauh mana perkara itu berkembang berlaku? Ataupun tak ada apa-apa? Yang baru berlaku. Janji takut tinggal janji sahaja.

Kalau orang berjanji dengan kita, Tuan Yang di-Pertua, kita kena tanya. Seperti kerajaan berjanji dengan rakyat, rakyat tanya. YB, wakil rakyat berjanji, dia pergi tanya YB, "*Bilakah YB nak beri ini?*" Kita pun boleh juga rasanya. Secara diplomatik, dengan cara yang mengikut peringkat masing-masinglah, tetapi saya merasakan apabila sudah beri satu janji, komitmen dan orang Arab ini dia berpegang. Cuma, boleh jadi ada masalah-masalah dia sendiri. Allah SWT telah berfirman... [Membaca sepotong ayat al-Quran] "*Hendaklah kamu menepati janji yang telah kamu berikan.*"

#### ■1520

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui di pihak JAKIM telah- Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga dan pihak JAKIM yang bertanggungjawab untuk mengetahui Indeks Syariah yang telah dilancarkan baru-baru ini. Kita ingin mengetahui sejauh mana ia telah berhasil dan natijahnya macam mana kerana kita menunggu untuk melihat perkembangan-perkembangan dan kita mahu melihat Malaysia negara kita ini berada di tahap yang mana.

Seperkara lagi ialah berhubung dengan baru-baru ini saya ikuti dalam Dewan Rakyat tentang makanan. Nama-nama makanan pun menjadi perbincangan yang hangat. Nama tidak elok, makanan yang kurang menyenangkan dan sebagainya seperti nama tahi itik. Ada kuih nama tahi itik. Jadi apakah wajar kuih-kuih seperti ini dikekalkan namanya atau sebagainya?

Saya tidak hendak ke situ Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak melihat bahawa Islam ini ada perkara yang d sebut dalam kehidupan manusia ini ada yang halal, ada yang haram. Apa yang halal itu adalah cantik, yang haram itu tidak bagus. Rasullah SAW menyebut... [Membaca sepotong hadis] “Allah itu cantik dan suka yang cantik”.

Antara yang cantik ialah perkara-perkara yang telah dihalalkan oleh Allah. Manusia perlu dilihat lagi, JAKIM perlu melihat lagi bukan setakat produk halal, dengan penyediaan yang seluruhnya tetapi saya yakin dan percaya halal itu ada menyangkut berhubung dengan keyakinan manusia, keyakinan akidah, berhubung dengan ibadah, berhubung dengan urusan kehidupan manusia, berhubung dengan hubungan sosial, perkahwinan dan sebagainya. Oleh sebab itulah halal itu perkara yang cantik dan murni yang perlu dilaksanakan dalam hidup kita sehingga masyarakat Malaysia khasnya orang Islam lahir sebagai seorang mukmin, Muslim, soleh dan mosleh. Insan Muslim, ada juga yang mukmin dan ada juga soleh dan juga mosleh.

Tuan Yang di-Pertua, rasanya tidak sempurna dalam perbahasan ini kalau saya tidak bertanya kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Rumah ini diberi kedudukan yang istimewa dalam bajet tahun ini dan juga sebelum-sebelumnya. Saya tidak hendak tanya secara *detail*, cuma saya hendak tanya bajet yang tahun lepas. Bajet yang tahun lepas diluluskan dan saya yakin telah dilaksanakan. Cuma sejauh mana pelaksanaan itu telah dapat dihasilkan dengan semua agensi di bawah kerajaan kita. Saya yakin dan percaya pada tahun ini ditambah lagi peruntukan perumahan dengan berbagai-bagi lagi dan saya yakin dan percaya ia menjadi tugas dan tanggungjawab yang tidak kurang beratnya berbanding dengan tahun lepas. Cuma hendak tahu yang lepas itu setakat mana telah dapat dilaksanakan. Kalau sudah berhasil, rumahnya siap, berapa ramai yang telah mendapat nikmat daripada Bajet 2016.

Kemudian saya hendak pergi kepada Menteri Dalam Negeri. Menteri Dalam Negeri ini menjaga keamanan, ketenteraman sehingga kita hidup boleh selesa. Apa-apa perkara pun dia menanganinya. Indeks, baru-baru ini saya membaca akhbar bahawa dikatakan indeks jenayah kita telah menurun dengan baik. *Alhamdulillah*, satu yang baik. Bagi saya negara aman ialah negara yang tidak ada jenayah. Tidak guna kita mempunyai pendapatan yang banyak tetapi takut hendak keluar rumah. Tidak guna kita mempunyai wang yang banyak tetapi kita bimbang kepada anak-anak apabila keluar diculik oleh orang. Ini merupakan keselamatan yang perlu diberi perhatian yang serius dalam kehidupan kita.

Begitulah juga saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak SPRM yang telah menjalankan tugas dan telah menyiasat dan membuat kajian tanpa mengira sesiapa. Kepada mereka, saya ucapkan syabas dan kepada semua penguat kuasa yang telah menjalankan

tugas masing-masing saya hendak menyebut bahawa penguat kuasa adalah orang yang ditugaskan untuk menjaga keselamatan. Tidak kira dia sebagai Imigresen, Kastam, SPRM, polis, askar dan semua sekali adalah orang yang telah diberikan amanah untuk menjaga keselamatan.

Orang yang telah diberi amanah untuk menjaga keselamatan ini maka mereka sebenarnya adalah berada di posisi yang sangat baik dunia dan akhirat. Kalau di akhirat, Rasullah SAW menyebut ada dua bentuk golongan yang matanya tidak disambar oleh api neraka, maknanya tidak akan masuk neraka iaitu orang yang berjuang di jalan Allah dan begitu juga orang yang menjaga keselamatan dirinya, keluarganya dan negaranya. Dia berjaga malam kerana menjaga keselamatan dirinya, negaranya, bangsanya, masyarakatnya. Begitulah juga orang yang menangis kerana takut akan Allah. Begitu juga semua sekali, kerana itulah saya ingin merakamkan perkara ini kepada kita supaya kita juga orang yang berada di sini termasuk semua terutama Tuan Yang di-Pertua sebab kita ini tidak boleh bermesyuarat kalau dia tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, semua masyarakat kita, semua kita dalam semua kehidupan kita ini kalau dapat kita lakukan kita ia sebagai hubungan kepada Allah SWT. Oleh sebab itu, saya mengharapkan kerajaan memberi perhatian supaya semua masyarakat belajar dari awal sampai ke akhir hayat... *[Berucap dalam bahasa Arab] “Belajarlah ilmu daripada buaian sampai ke liang lahad”*. Saya melihat kita mengajar anak-anak kita di sekolah, pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, universiti. Selepas itu kalau dia tamat di universiti atau di mana-mana tamat, jarang yang belajar.

Bagi saya sebenarnya kita terus belajar khasnya kepada pegawai-pegawai kerajaan yang diberi tanggungjawab maka mereka sebenarnya memerlukan banyak ilmu yang mereka perlu belajar bukan setakat mereka bersara tetapi sampai ke akhir hayat. Kita hidup tidak akan dapat lalu dengan baik tanpa ilmu. Oleh sebab itulah kita perlu belajar terutamanya bagi orang Islam sebagai seorang Muslim dia kena mempelajari ilmu yang mendekatkannya diri sebagai seorang Muslim dan akan mendekati Allah SWT. Oleh sebab itu kita kena jadikan semua kegiatan hidup kita sebagai ubudiah.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai Ahli Dewan kita jadikan ini sebagai ibadah kepada Allah. Daripada Perdana Menteri, daripada Yang di-Pertuan Agong sampai- daripada setinggi-tingginya, Perdana Menteri sampai kepada rakyat jelata semuanya, masyarakat kita dan semuanya melakukan ubudiah kepada Allah. Memerintah negara ubudiah kepada Allah, menjadi pegawai ubudiah kepada Allah, menjadi apa pun ubudiah kepada Allah. Oleh sebab itu hadis Nabi menyebut, *“Antara golongan yang mendapat bayang Arasy di akhirat nanti Imamun*

*adil.*" Imamun adil itu kalau kita nisbah kepada kita ialah yang tertinggi yang melaksanakan pemerintahannya, dasarnya menurut syariat Allah dan membawa keadilan kepada seluruh masyarakat. Apabila dia di akhirat nanti termasuk orang yang diletakkan sebagai VVIP.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya *let say be akhir*. Saya hendak sebut sedikit berhubung dengan Rohingya. Kita tengok dua hari lepas....

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Solidariti...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Solidariti hendak bertukar dengan yang satu lagi, selebriti. Hendak bertukar saya. Solidariti ini yang telah ditunjukkan oleh rakyat Malaysia merupakan satu manifestasi untuk memberitahu kepada rakan negara jiran kita sesama ASEAN supaya kita memberi layanan yang sama kepada masyarakat dan juga rakyat. Kalau orang lahir di situ ke mana lagi dia akan pergi? Ini kerana itu bagi saya, bagi kita melihat manusia tanpa mengira bangsa dan agama satu rumpun...

#### ■1530

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Lihatlah Malaysia sebagai contoh.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih, membantu saya. Kita sebenarnya asal daripada satu keturunan. Kalau menurut Islam, *al-Quran* menyebut semua manusia adalah daripada Adam dan Adam daripada tanah, dan daripada mana pun kita akan kembali kepada yang asal. Namun Allah SWT menyebut... [Membaca sepotong ayat *al-Quran*] "Aku jadikan manusia ini lelaki dan perempuan dan Aku jadikan manusia itu berkabilah dan bangsa-bangsa untuk kenal-mengenal, berbaik sangka antara satu sama lain. Yang paling baik adalah yang paling bertakwa".

Jadi semua manusia asalnya daripada ayah yang satu, bapa yang satu, nenek yang satu dan kita adik-beradik. Kita dalam ini, sepupu sahaja. kalau adik-beradik itu, panggil ibu yang sama, sepupu sahaja. Saya dengan Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan, sepupu. Saya ambil contoh sahajalah, Yang Berhormat Datuk Ng, sepupu. Yang Berhormat Datuk pun tidak ada. Sepupu semua.

Kalau kita sepupu, apakah masalah? Tidak ada masalah. Berbeza pandangan, berbeza agama, itu biarlah masing-masing. Kita tidak boleh hendak paksa orang terima pendapat kita. Kita tidak boleh paksa orang terima apa yang kita mahu tetapi kita duduk dengan cara harmoni. Kerana itulah saya harapkan dan pimpinan negara Malaysia memberi mesej bahawa kita di Malaysia boleh hidup sebegini aman antara satu sama lain. Kita harap, kita bukan hendak suruh mereka mencontohi kita tetapi kita telah ada sesuatu yang boleh dicontohi.

Jangan jadikan perbezaan bangsa, warna kulit, bahasa sebagai asas untuk kita bergaduh tetapi kita jadikan itu sebagai kekayaan yang diberikan oleh Allah SWT untuk kita

rimbunkan negara dan juga dalam negara kita, juga antarabangsa. Kerana itu, saya tengok banyak ayat al-Quran, dia melarang orang berkelahi tetapi mengajak orang supaya berbaik dan bersangka baik antara satu sama lain supaya kita hidup harmoni, dunia kita dan akhirat kita. Saya rasa setakat itu sahaja. Setakat itu sahaja? Nampak angguk itu. Oleh itu, terima kasih banyak atas peluang yang diberikan. Yang baik dari Allah, kalau salah silap daripada saya. *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu rekod, saya bagi peluang sampai 45 minit lebih. Ini rekod hari ini dan semalam. Sebelum ada sekatan waktu, ini belum ada *extension* waktu dengan izin, jadi kita beri peluang kepada ini- saya dapat melihat tadi, bahawa kerana kita mempunyai soalan lisan kepada kementerian, satu hari lebih kurang 80 hingga 100 soalan tetapi yang boleh dijawab oleh kementerian hanya lapan hingga 10 soalan setiap hari.

Jadi kita sebagai Ahli Dewan, kita boleh mengambil kesempatan dalam perbahasan kita ini, untuk mengutarakan soalan-soalan kita yang tidak timbul, yang tidak naik, yang tidak keluar untuk di bahas seperti apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat tadi. Ini kerana mengambil peluang, kesempatan dalam perbahasan beliau untuk menyuarakan dalam perbahasan. Itu satu contoh yang baik. Seterusnya, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Datin Rahimah, ada?

### 3.34 ptg.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas keizinan memberi saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2017.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya ingin menzahirkan ucapan tahniah dan rasa bangga terhadpa kecekapan Kementerian Kewangan memantapkan perincian dasar dan pelaksanaan pakej ekonomi dalam Rang Undang-undang Bajet 2017. Walaupun prestasi ekonomi dunia masih suram, harga komoditi petroleum masih belum meningkat stabil, saya mendoakan semoga pertumbuhan ekonomi Malaysia yang diunjurkan dalam prospek ekonomi 2017 bakal dicapai.

Prestasi harga komoditi petroleum, spekulasi buruk tentang ekonomi Malaysia telah menjelas kadar tukaran wang asing utama berbanding ringgit untuk tempoh hampir setahun. Didapati nilai tukaran ringgit berbanding USD masih berada melebihi RM4.20. Justeru, saya ingin mengemukakan beberapa persoalan kepada Kementerian Kewangan mengenai, pertama, langkah intervensi yang perlu diambil oleh Bank Negara Malaysia agar menekan penurunan

nilai ringgit berbanding mata wang USD atau mata wang utama lain yang akan memberikan kesan kepada penurunan rizab Bank Negara.

Kenaikan kos pembuatan dan pengeluaran serta menyebabkan pendapatan per kapita menguncup serta menyebabkan pasaran ekonomi Malaysia tidak *competitive*.

Kedua, satu mekanisme yang lebih berkesan dan *affirmative*, bagaimanakah pertumbuhan ekonomi pada kadar KDNK empat hingga lima peratus ini dapat dicapai sekiranya prestasi pelaburan pasaran modal dan pelaburan asing ke Malaysia dipengaruhi sentimen negatif penurunan nilai ringgit di peringkat global?

Ketiga, bagaimana kerajaan menangani spekulasi dan persepsi negatif penganalisis ekonomi dan agensi penarafan ekonomi jika *indicator* prestasi Ringgit, nilai Ringgit menjadi faktor utama minat dan kebolehpercayaan pelabur asing melabur di Malaysia?

Keempat, apa impak kepada sektor tenaga dan pengangkutan, pembuatan, perkilangan, kadar inflasi dan kenaikan kos sara hidup rakyat sekiranya isu penurunan nilai Ringgit belum boleh diatasi menjelang suku pertama 2017?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2017, kerajaan mengunjurkan kadar defisit fiskal sebanyak tiga peratus berbanding 3.1 peratus pada tahun 2016 bagi mengurus dan menambah baik keupayaan jentera kerajaan, bagaimana Kementerian Kewangan merancang dan membuat formulasi yang lebih berkesan dalam mengurus tadbir pendapatan hasil kerajaan dengan memperkemaskan beberapa perkara berikut.

Pertama, melakukan secara total penjimatan dan perbelanjaan yang utamakan nilai secara ketara dalam perbelanjaan operasi kementerian dan jabatan atau agensi kerajaan.

Kedua, mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga manusia dengan JPA atau badan berkanun, melengkapkan program *right-sizing* sumber tenaga manusia dan *redevelopment and multi-tasking*, dengan izin, semua tenaga kerja.

Ketiga, mendapatkan pendapatan alternatif seperti perolehan kadar sewa kemudahan bangunan dan perkhidmatan kejuruteraan.

Keempat, memperkasakan platform MOOC atau *massive open online courses* dengan izin, agar institusi pengajian tinggi atau institusi kemahiran latihan mendapat fi yang lebih besar dalam sektor pendidikan atau latihan.

Terakhir, meningkatkan integriti dan sikap *accountability* penjawat awam agar semua aset dan kemudahan dijaga dan dipelihara dengan baik dan tidak membazir. Bajet pembangunan tidak tiris dan mengekang semua aktiviti yang tidak berkeutamaan yang dianjurkan oleh jabatan kerajaan agar peruntukan kewangan yang diberi dibelanja dengan berhemah dan optimum.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perlakuan rasuah di sektor awam dan swasta, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada SPRM kerana komitmen tinggi dan berjaya menyelesaikan kes-kes rasuah terkelas seperti kes penyelewengan projek bekalan air luar bandar di Jabatan Air Sabah, penyelewengan projek di DBKL, penyelewengan yang berlaku dalam kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur awam sama ada dilaksanakan oleh JKR, TNB atau institusi awam lain serta menangkap mereka yang terlibat dengan perlakuan rasuah atau pecah amanah.

■1540

Ini akan menjadikan pelaburan dan perbelanjaan kerajaan lebih bermakna dan memanfaatkan rakyat. Justeru, saya ingin mendapatkan beberapa perkara berikut bagi memastikan isu integriti tidak dikompromi, iaitu:

- (a) bilangan jabatan kerajaan, semua badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan, syarikat pelaburan kerajaan dan institusi amanah milik kerajaan yang mempunyai unit pengurusan integriti dan program yang dibuat sepanjang tahun 2016;
- (b) bilangan kes rasuah membabitkan kakitangan kerajaan, swasta dan orang perseorangan yang terlibat dalam kes rasuah projek-projek pembangunan kerajaan;
- (c) langkah intervensi menyekat ketirisan dan penyelewengan projek atau pengurusan nilai terbaik skim perolehan kerajaan; dan
- (d) jumlah kes-kes rasuah yang didakwa serta jumlah aset atau wang yang disiasat dan dibekukan di bawah peruntukan Akta Penggubahan Wang Haram 2001.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jemaah Kabinet merentasi semua kementerian yang berjaya membawa masuk pelabur dari negara China dan Jepun pada November 2016. Oleh yang demikian, saya memohon agar EPU dan MITI dapat memperincikan senarai projek dan inisiatif pelaburan ini agar ia dapat disampaikan kepada rakyat akar umbi dan mereka boleh bersiap sedia bagi menyertai peluang-peluang pekerjaan dalam usaha sama pelaburan swasta ini.

Perlu diingatkan, pelaburan *East Coast Rail Link* (ECRL) yang berjumlah RM55 bilion akan mengubah landskap baru negeri-negeri di Pantai Timur. Janganlah kita lupa kepada koridor dan pembangunan laluan tradisi kereta api dari Gemas, Mentakab, Jerantut, Kuala Lipis, Merapoh, Gua Musang, Bertam, Dabong, Manek Urai, Kuala Krai, Temangan, Tanah Merah,

Tok Uban, Pasir Mas, Wakaf Baru hingga ke Tumpat. Ini terletak dalam negeri saya, negeri Kelantan.

Suka saya ingatkan bahawa kerajaan perlu mempunyai perancangan alternatif bagi memastikan lokasi jajaran perhubungan tradisional ini tidak terkesan apabila ECRL mula dibina dan beroperasi. Kita tidak mahu kesan sama seperti penguncutan ekonomi koridor laluan dari Johor Bahru ke Bukit Kayu Hitam apabila Projek Lebuhraya Utara-Selatan mula dibuka pada tahun 1995. Justeru, kerajaan mempunyai ECRL perlu mengambil kira kajian *market sensing* dan impak ekonomi apabila pembangunan berskala besar ini dimulakan. Harapan saya agar lokasi laluan tradisi ini diperkuuhkan infrastrukturnya dan bidang agropolitan dan pelancongan diberi perhatian dengan lebih serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta penjelasan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tentang hala tuju serta perancangan strategik KTMB bagi memastikan perkhidmatan kereta api di sektor Wilayah Timur terus di perkasa dan KTMB menjadi entiti korporat kerajaan yang boleh menjana keuntungan. Justeru, saya mohon KTMB memberikan perincian dasar, perancangan dan unjuran prospek pertumbuhan dalam tempoh jangka pendek dan sederhana bagi memastikan KTMB kekal utuh walaupun terdapat banyak skim perkhidmatan rel baru seperti MRT, LRT, monorel, ECRL dan *high-speed rail* di dalam landskap Pengangkutan Awam Darat Malaysia.

Pertumbuhan industri pengangkutan rel memerlukan SPAD dan MOT membuat reformasi terhadap peruntukan perundangan dan akta berkaitan tatacara dan tata kelola pengangkutan rel. Justeru, saya mohon Kementerian Pengangkutan dan SPAD menyatakan apakah kerajaan tidak berhasrat untuk melengkapkan satu peraturan *statutory* bagi memastikan semua perundangan *statutory* yang meliputi peraturan-peraturan operasi, pengakreditasian, kompetensi personal, ujian dan tentu ukuran operasi bagi keselamatan audit operasi, fi tambang dan penyelesaian pertikaian serta tata amalan dan tata kelola industri bagi memastikan SPAD lebih bersedia apabila projek HSR, MRT2, LRT3 dan ECRL berjalan sepenuhnya pada masa akan datang.

Sudah tiba masanya kerajaan membuat sebuah dasar baru bagi melihat semula Akta SPAD dan Akta Kereta Api 1991 dilakukan pindaan melalui sebuah kerangka kerja perundangan yang lebih komprehensif dan selamat untuk pengguna. Kejadian kemalangan di tempat kerja yang melibatkan kematian dan kecederaan parah semasa kerja-kerja pembinaan dan selenggaraan *railway scheme* perlu diatasi segera dan diberi perhatian.

Menyentuh mengenai Kementerian Pengangkutan juga, saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian tentang status pembangunan Projek Pembesaran Lapangan Terbang

Sultan Ismail Petra Kota Bharu. Saya dimaklumkan sehingga November 2016, *airport* Kota Bharu mengendalikan lebih 1.54 juta orang penumpang. Saya juga ingin memohon Malaysian Airport Holdings Berhad (MAHB) di *airport* Kota Bharu agar meningkatkan keupayaan bagi kemudahan *check-in* menggunakan telefon bimbit serta membuat kawalan yang lebih ketat ke atas akses kawasan kaunter daftar-masuk. Ini kerana apabila waktu puncak dan jumlah pelawat yang bukan penumpang kapal terbang, berlaku kelewatan dan kesulitan bagi penumpang kapal terbang untuk mendapat laluan akses masuk ke kaunter *check-in*.

Halangan dan gangguan pelawat menyebabkan berlaku kes-kes penumpang tidak sempat mendaftar-masuk dan ini menyebabkan rungutan awam terhadap prestasi perkhidmatan MAHB dalam mengurus *airport* Kota Bharu. Ini berlaku pada diri saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, kerana orang hendak pergi buat umrah ramai, ramai yang buka makanan, bekal di situ, menyebabkan kita sukar untuk lalu pergi ke tempat *check-in* menyebabkan saya kelewatan kapal terbang.

Tuan Yang di-Pertua, kemenangan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat telah menyebabkan akan berlaku beberapa perubahan dasar dalam kerjasama dagangan antarabangsa dan industri automotif negara. Saya dimaklumkan TPPA akan dikaji semula oleh Amerika Syarikat. Satu bebanan utama kita sebagai pemimpin Barisan Nasional adalah bagaimana kita ingin sampaikan bahawa janji dalam manifesto dalam Kerajaan Barisan Nasional bahawa menjelang tahun 2018 harga kereta akan mengalami penurunan 30 peratus. Justeru, saya memohon kerajaan memberi penjelasan berikut:

- (i) apakah struktur cukai eksais akan dikaji dan di struktur semula bagi memastikan laluan penurunan harga kenderaan menjelang tahun 2018?
- (ii) apakah status dan insentif yang diperoleh oleh syarikat pembuat atau pemasangan kenderaan antarabangsa tempatan yang menikmati layanan istimewa penurunan tarif cukai dan penstrukturkan cukai bagi kenderaan yang diluluskan mendapat pengiktirafan kenderaan *Energy Efficient Vehicle (EEV)*?; dan
- (iii) apakah impak ke atas industri kereta nasional seperti PROTON dan Perodua dalam implikasi janji kerajaan merealisasikan penurunan harga kereta sebanyak 30 peratus selepas GST mula dilaksanakan pada tahun 2015?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana berjaya memuktamadkan penstrukturkan semula Skim Bekalan Air Kelantan pada 14 September 2016 yang lalu. Pada saya, penstrukturkan ini akan memberi dimensi baru

kepada Air Kelantan Sendirian Berhad dalam meningkatkan keupayaan dan peningkatan kualiti bekalan air di seluruh negeri Kelantan dan mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW) di Kelantan. Oleh itu, saya ingin mendapatkan beberapa penjelasan dalam Bajet 2017 dan Rancangan Malaysia Kesebelas.

■1550

Pertama, jumlah peruntukan sebenar yang diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan melalui KeTTHA, Pengurusan Aset Air Berhad dan AKSB bagi negeri Kelantan bagi meningkatkan bekalan air Kelantan, juga peningkatan keupayaan loji pengeluaran air terawat bersih, projek penggantian paip dan projek *non-revenue water*?

Kedua, bagaimakah pula projek bekalan air luar bandar dan apakah strategi kerajaan dalam memastikan skim bekalan air terawat bersih mencapai sasaran liputan seratus peratus isi rumah di seluruh negeri Kelantan?

Ketiga, peningkatan kualiti air terawat ataupun teragih agar tidak lagi rungutan dan kompelin oleh pengguna awam yang menerima air yang berkarat kerana masalah kualiti air di negeri Kelantan.

Keempat, kuantiti *reserve* sumbangan air mentah di Kelantan dan adakah mencukupi sekiranya berlaku bencana seperti El Nino dan cuaca panas melampau yang menyebabkan berlakunya pengeringan air, permukaan yang menyebabkan bekalan air mentah tidak dapat disalurkan kepada loji-loji rawatan air di seluruh negeri Kelantan?

Tuan Yang di-Pertua, penjanaan tenaga elektrik merupakan aspek penting pembangunan ekonomi negara. Oleh itu, saya ingin mendapatkan maklumat situasi dan prestasi terkini industri bekalan elektrik negara di mana meminta kerajaan menyatakan status *reserve* tenaga elektrik negara dan tenaga boleh diperbaharui.

Saya juga ingin mendapatkan kepastian mengenai inisiatif pelaksanaan insentif bagi projek kecekapan tenaga dan strategi yang dirangka Suruhanjaya Tenaga apabila kerajaan mengumumkan penambahan projek meningkatkan pendapatan rakyat dengan menjadikan 1,600 buah rumah rakyat dalam projek MySuria. Kita ingin mengetahui bagaimana cara dan kelayakan yang boleh dipohon oleh rakyat agar pendapatan isi rumah mereka boleh ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit berkaitan jantung atau kardiologi merupakan trend penyakit yang menyerang masyarakat kita kini. Oleh itu saya ingin meminta Kementerian Kesihatan menyatakan jumlah pakar kardiologi, bilangan kes kardiologi di seluruh negara dan jumlah kemudahan rawatan jantung di seluruh hospital kerajaan, jenis rawatan dan jangka

masa piawai yang diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi menjalankan rawatan intensif kardiologi kepada pesakit.

Ini juga Tuan Yang di-Pertua, berlaku kepada diri saya. Ini sudah lama, lebih sepuluh tahun yang lalu, tahun 2000, saya disahkan ada penyakit, bukan jantung tetapi *unstable angina*. Doktor boleh *explain*-kan apa dia makna *unstable angina* ini tidak stabil lah. Jadi saya menunggu untuk buat *angiogram* selama lima tahun. Dari tahun 2000, saya dapat buat *angiogram* tahun 2005. Kalau hendak mati, mati dulu lah Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Selepas ini Yang Berhormat boleh berjumpa dengan Yang Berhormat Dato' Sri Professor.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Saya juga ingin memohon Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menyatakan jumlah pewujudan jawatan kosong pegawai perubatan pelatih ataupun *housemanship* bagi tahun kewangan 2017. Adakah dengan unjuran yang dibuat ini, Kementerian Kesihatan berupaya melatih sehingga kompeten pegawai perubatan (*housemanship*) dan dapat menangani masalah pengangguran dalam kalangan graduan perubatan dan pergigian dan membekalkan tahap kompetensi graduan?

Mohon SPA memberi statistik rekod daftar graduan perubatan yang belum dilantik bagi mengisi jawatan pegawai perubatan pelatih. Apa tindakan SPA dan Kementerian Kesihatan berhubung isu ini kerana terdapat pelbagai rungutan dan keluhan graduan-graduan perubatan kerana terpaksa menunggu lama bagi penempatan *housemanship* dan ini menjelaskan imej kerajaan dalam memastikan nisbah satu orang doktor kepada 400 orang pesakit menjelang 2020 gagal dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini, saya menerima pelbagai rungutan dan komelin awam tentang campur tangan dan tidak ada sebuah sempadan *demarcation* atau pengasingan kursus NGO atau kelab kebajikan dan sukan jabatan atau agensi kerajaan dalam menjalankan aktiviti mereka. Sering kali didapati berlaku ketidakpatuhan terhadap Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3, Tahun 1998 dalam pengendalian penerima hadiah dan wang sumbangan sebagaimana Peraturan 21, 22 dan 23 yang tidak membenarkan pegawai atau ahli kelab sukan dan kebajikan menghubungi secara terus syarikat atau badan swasta dalam memohon sumbangan atau menjalankan aktiviti.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, saya menerima rungutan orang awam berkaitan Persatuan Pegawai Kanan Kastam yang mempromosi seminar mengenai perundangan GST yang dianjur oleh NGO kastam kepada pihak awam dan industri. Penghantaran dokumen promosi seminar menggunakan domain e-mel rasmi kastam atau jabatan kerajaan merupakan satu kesalahan integriti sebagaimana seksyen 21, Pekeliling Bil. 3, Tahun 1998 kerana bimbang

wujud pemaksaan dalam aktiviti pencarian sumber kewangan NGO, jabatan atau agensi kerajaan.

Justeru, saya memohon meminta Kementerian Dalam Negeri melalui ROS dan Ketua Setiausaha Negara melalui mesyuarat di antara ketua-ketua setiausaha kerajaan dan persekutuan dan ketua jabatan persekutuan untuk mencegah sepenuhnya trend persatuan atau kelab kebajikan dan sukan mengadakan seminar tentang akta, peraturan dan polisi baru kerajaan kerana ia menimbulkan kesangsian awam dan integriti jabatan. Kes ini masih lagi berlaku walaupun ia ditegur dalam Dewan ini di mana persatuan dan kelab dilarang sama sekali menghubungi terus pihak swasta atau awam untuk mendapat apa-apa dana atau sumbangan bagi membiayai aktiviti mereka.

Ini amat dikesali, kastam sebagai badan penguat kuasa GST menggunakan e-mel domain rasmi kastam untuk menjemput dan mempromosi seminar yang dibuat oleh Persatuan Pegawai Kanan Kastam ataupun ringkasnya PERKASA untuk mengadakan seminar dan yuran seminar dikutip bayarannya masuk ke akaun kelab atau persatuan. Sepatutnya, semua seminar yang berkaitan dengan perkara akta peraturan dan tugas rasmi kerajaan dimasukkan dalam pendapatan hasil lain-lain kerajaan. Justeru, saya mohon KSN atau KSU semua kementerian, terutama yang mempunyai jabatan penguat kuasa tidak lagi menghalalkan cara menjalankan perniagaan berdasarkan seminar akta atau peraturan rasmi jabatan mereka. Minta hentikan segera demi integriti dan mengurangkan rungutan atau *public uproar*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi merancakkan pertubuhan sektor pelancongan dan pertumbuhan pendapatan rakyat di seluruh pelosok negara, pembangunan kampung tradisi dan pengekalan budaya amat penting. Ia bakal menjadi tarikan kepada pelancong asing dan pelancong dalam negara untuk datang dan berbelanja semasa cuti persekolahan dan promosi kalender pelancongan negara untuk mengekalkan ekonomi konvensional masyarakat kampung. Adalah dicadangkan agar kampung-kampung tradisi seperti Kampung Laut di Kelantan, Kampung Losong di Terengganu, di Kuantan seperti Tanjung Lumpur yang terkenal dengan serunding dan daging, dodol dan sebagainya, industri keropok lekor, makanan tradisi, dibangunkan semula dan dilengkapi dengan infrastruktur yang baik dan tersusun. Oleh itu, tumpuan awam akan menjadi pemangkin dalam pertumbuhan ekonomi desa.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi keuntungan dan dividen oleh GLC atau GLIC amat penting dalam memastikan defisit fiskal yang dialami kerajaan dikurangkan sepenuhnya. Justeru, saya ingin mendapat perincian semua jumlah GLC atau GLIC serta prestasi dan nilai dividen yang disumbangkan semula kepada kerajaan agar signifikan dan kepentingan kerajaan dalam sektor ekonomi ini berkesan. Saya juga ingin mendapatkan maklum balas kerajaan

bagaimana kerajaan menstrukturkan semula *Felda Global Ventures* dan apakah perancangan kerajaan bagi memulihkan FELDA?

■1600

Dalam sektor pembangunan pendidikan, saya ingin mengutarakan agar keperluan kerajaan menangani isu kuota pengambilan pelajar luar bandar, pelajar miskin bandar dan pelajar cemerlang dalam mekanisme baru pengambilan pelajar ke SBP, MRSM dan KV. Kita sedia maklum prestasi UPSR dan PT3 dalam reformasi sistem pendidikan negara telah mengubah secara total keputusan peperiksaan awam ini.

Justeru, saya ingin mendapat penjelasan dari MARA dan Kementerian Pendidikan agar semua pelajar cemerlang daripada kalangan berpendapatan B40 dilayan secara adil untuk mendapatkan tempat di institusi pendidikan berprestij ini agar mobiliti sosial dalam kumpulan B40 dipercepatkan.

Bagi menjamin kepentingan negara mempunyai modal insan yang bersepadu dan berkebolehan, saya mencadangkan agar mewajibkan semua institusi latihan kemahiran, politeknik dan universiti awam mengadakan secepat mungkin MOOC ataupun *Massive Open Online Courses*, dengan izin, dan aplikasi APEL, ataupun *Accreditation Prior Experiential Learning*, ke atas pengalaman dan kemahiran terdahulu akan memberi peluang setara kepada semua golongan lepasan SPM atau pekerja menyambung pelajaran bagi meningkatkan pendapatan mereka. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan melakukan kelas latihan digital agar modal insan kita boleh memanfaatkan zon perdagangan bebas digital.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2017, kerajaan menekankan reformasi terhadap ekonomi digital dan pembangunan bersepadu zon ekonomi bebas digital. Justeru, keselamatan siber dan internet serta isu tapisan internet perlu disepakukan bagi menyekat sebarang *scam* dan penipuan internet. Kita juga memohon Bank Negara Malaysia agar melihat kembali keselamatan sistem pembayaran menggunakan kad debit atau kad kredit agar sistem *payment card reform framework*, dengan izin, yang telah dimulakan pada tahun 2015, benar-benar menyokong dan membantu pengguna.

Justeru, saya mohon Bank Negara Malaysia memberi penjelasan tentang berapakah bilangan kes-kes *fraud* dalam sistem pembayaran yang diselenggarakan oleh Bank Negara Malaysia, dan bagaimana sasaran dan fokus Bank Negara Malaysia dalam memastikan ekonomi digital tidak dieksplotasi dengan skim cepat kaya, skim ponzi, penipuan dan merealisasikan satu perundangan komprehensif bagi peruntukan akta yang boleh mengawal sistem pembayaran tanpa tunai meliputi kerangka perundangan yang lebih cekap kepada penggunaan *Touch'nGo* dan kad *top up value*.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya doakan pertumbuhan ekonomi menjelang tahun 2017 bakal mengubah landskap ekonomi negara menuju negara maju. Saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 2017. Sekian, *assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili untuk mengambil bahagian.

#### 4.03 ptg.

**Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017 ini. Ini merupakan kali pertama saya berbahas di Dewan yang mulia ini.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ucapan sulung, ucapan sulung.

**Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili:** Ya.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ucapan sulung.

**Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili:** Ucapan sulung di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu juga, saya merakamkan ucapan sembah takzim saya pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana memperkenankan lantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Seterusnya saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Hajji Satem; dan Dewan Undangan Negeri Sarawak atas pemilihan saya untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Sarawak di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga Menteri Kewangan pada 21 Oktober yang lalu dengan satu peruntukan berjumlah RM260.8 bilion. Daripada jumlah itu, RM214.8 bilion perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan pula ialah RM46 bilion. Apa yang kita harapkan dengan jumlah ini dapat menjanakan kegiatan ekonomi negara kita dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ini asas yang penting pada bajet iaitu sejauh manakah ia nya boleh menjanakan ekonomi negara.

Bagaimanapun saya amat tertarik kepada beberapa perkara yang terkandung dalam bajet ini dan saya akan cuba untuk mengupas kandungan ini dengan seberapa yang boleh dan

juga saya akan mengaitkannya dengan beberapa isu yang ada kaitannya dengan negeri Sarawak.

Pertama sekali, kalau kita lihat bajet yang dibuat untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang mana kita lihat dalam program pencahayaan kampungnya dikatakan sebanyak 7,500 buah kampung di seluruh negara akan terlibat. Dengan bilangan lampu jalan yang akan dipasang ialah sebanyak 97,000 dan juga lampu LED sebanyak 3,000. Saya sekali lagi memohon supaya kampung-kampung dan kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak, diberi perhatian dalam pengagihan lampu-lampu jalan dan lampu LED ini. Saya juga tertarik hati dengan usaha untuk membina dan menaik taraf jalan kampung dan jambatan bagi meningkatkan jaringan perhubungan kampung, pekan dan bandar dengan peruntukan yang disediakan ialah RM1.2 bilion.

Saya mencadangkan supaya satu perancangan yang teliti dibuat iaitu bila kita membuat jalan kampung, hendaklah dirancang sekali dengan perparitannya kerana kalau tidak dirancang sekali dengan sistem perparitannya nanti pada masa akan datang akan menimbulkan banyak masalah daripada segi kebersihan, daripada segi aliran airnya dan sebagainya. Jadi itulah saya mencadangkan supaya bila kita bina parit di kampung-kampung, masukkan sekali dengan sistem perparitannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat juga tentang pembinaan rumah untuk masyarakat yang miskin, sama ada di kampung-kampung terpencil atau di penempatan Orang Asli. Saya juga mencadangkan supaya kita tidak begitu terikat dengan cara konvensional bila kita membuat atau membina rumah baru ini. Kita harusnya mencari kaedah yang terbaik yang mana kos pembinaannya boleh kita jimatkan, masa untuk kita membina rumah itu boleh kita percepatkan dan kualiti binaannya adalah terjamin. Dengan demikian, kita boleh membina lebih banyak lagi rumah mungkin lebih dari 17,000 unit seperti yang diumumkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan rancangan tebatan banjir yang mana ini mungkin ada kaitannya dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang mana sejumlah RM495 juta diperuntukkan.

#### ■1610

Saya bila menyentuh tentang perkara ini berharap beberapa buah kawasan yang strategik di Bandaraya Kuching, Sarawak boleh diberi perhatian dalam rancangan ini kerana tempat-tempat ini sering dilanda banjir kilat apabila hujan lebat berlaku di dalam waktu yang singkat di mana Bandar Raya Kuching antara tempat-tempat yang perlu dipertimbangkan.

Pertama ialah perkarangan *Sarawak General Hospital* di Kuching yang selalu kena banjir. Dan bukan itu sahaja, bahkan banjir boleh masuk hingga ke bangunan hospital sekali.

Keduanya ialah Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia di Jalan Badruddin, Kuching dan juga di Padang Merdeka, Kuching termasuklah juga Ibu Pejabat Telekom dan kawasan di hadapan Balai Bomba di Jalan Batu Lintang. Ini merupakan tempat-tempat yang strategik tetapi bila hujan lebat berlaku di Bandaraya Kuching, maka tempat ini seringnya dilanda oleh banjir kilat. Tidak terlupa juga ialah kawasan perumahan seperti di Taman Malihah, Kampung Pinang Jawa dan juga Taman Sejoli Murni.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang soal pendidikan. Pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan pada 21 Oktober yang lalu mengenai mengoptimumkan aset-aset kerajaan untuk mengubahsuai sembilan buah kampus IPG menjadi politeknik dan kolej vokasional mendatangkan pelbagai reaksi kepada pihak-pihak tertentu di Sarawak. Dikhabarkan ada juga IPG di Sarawak terlibat dalam projek ini walaupun belum diumumkan secara spesifik.

Ini menimbulkan keresahan kepada banyak pihak. Ini kerana negeri Sarawak masih memerlukan IPG-IPG ini untuk memastikan latihan guru mencukupi lebih-lebih lagi bagi negeri Sarawak, kita ada program iaitu program 90:10 yang hendak dilaksanakan di Sarawak dalam tempoh beberapa tahun lagi. Program 90:10 program untuk mengisi jawatan perguruan di Sarawak dengan tiap-tiap 100 orang guru mestilah 90 orang guru terdiri daripada anak tempatan manakala 10 orang guru lagi adalah dari tempat-tempat yang lain.

Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan dapat mempertimbangkan semula sekiranya ada cadangan untuk menukar IPG di Sarawak ini kepada kolej teknikal dan juga vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang soal kesihatan. Kesihatan rakyat dan kualiti penjagaan kesihatan adalah satu lagi item yang perlu mendapat sokongan dalam bajet ini dengan peruntukan yang dicadangkan RM25 bilion. Kita mendengar di sini bahawa kita memang mahu kerajaan supaya tidak memotong bajet Kementerian Kesihatan. Jadi sekali lagi saya memohon supaya kerja-kerja menaik taraf hospital dan klinik-klinik di Sarawak tidak diabaikan.

Hospital Umum Sarawak terlalu sesak dan kemudahan-kemudahan awam seperti lif dan tempat letak kereta perlu diberi perhatian secara khusus dan segera. Saya berharap juga supaya Hospital Petrajaya yang masa ini sedang dalam pembinaan boleh dipercepatkan kerana ia telah lewat daripada jadual.

Di samping itu, saya juga mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan memikir, melihat kepada pembangunan yang begitu pesat di kawasan Matang supaya boleh membina sebuah lagi klinik baru di kawasan Matang, Petrajaya, Kuching.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentuh tentang pertanian terutama pengeluaran bahan makanan di mana dalam bajet ini, pengeluaran bahan makanan telah diperuntukkan sebanyak RM1.3 bilion. Ini adalah untuk pendekatan yang strategik yang perlu diambil bagi meningkatkan pengeluaran dan keperluan makanan negara. Kita harus ingat bahawa *Malaysian food import bill* sekarang sudah mencecah kepada RM45.2 bilion dan saya yakin kalau usaha yang tidak dibuat dengan begitu drastik dan strategik, maka angka ini akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

Dalam hal ini, saya mencadangkan satu *lead agency* mesti dilantik untuk menyelaras pengeluaran makanan dalam negara. Saya mencadangkan supaya FAMA dilantik sebagai *lead agency* yang akan menyelaras dan menjadi urus setia kepada agensi-agensi lain yang harus terlibat sama seperti FELDA, FELCRA dan juga Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Pertubuhan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), LKIM dan juga MARDI dan juga kerajaan negeri-negeri kerana tanah urusan kerajaan negeri. Tidak lupa juga, yang penting sekali, ialah penglibatan sektor swasta secara besar-besaran di dalam meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya perkara ini diberi perhatian yang serius oleh kementerian ini kerana kita tahu sekarang ini seperti yang kita mengadakan MAHA, dia kata temanya, “*Our Food, Our Future*”. Jadi harusnya perkara ini diambil perhatian dengan serius.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya mempunyai pasaran berjumlah RM45.2 bilion. Pasaran makanan dalam negara yang kita import. Jadi, mengapa sektor-sektor swasta ataupun mana-mana pihak yang terlibat di dalam bidang pertanian, perikanan, ternakan dan sebagainya tidak mahu merebut peluang yang pasaran dalaman kita berjumlah berbilion-bilion ringgit? Kalau pun kita tidak dapat mengambil semua pasaran ini RM45.2 bilion, kalau kita dapat mengambil RM20 bilion, sudah cukup untuk menggerakkan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pembentangan Bajet 2017 di Dewan Rakyat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat misi lawatan untuk menarik pelaburan ke negara China dan seterusnya ke negara Jepun. Saya yakin ada lagi negara-negara lain yang akan dilawati untuk menarik pelaburan ke negara kita.

Bagaimanapun, saya ingin mencadangkan supaya pelaburan-pelaburan ini dilebarkan dan diluaskan ke seluruh negara dan tidak tertumpu kepada sesuatu wilayah sahaja. Mungkin kali ini adalah Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Harapan saya adalah agar pada suatu hari nanti akan dilebarkan ke seluruh koridor ekonomi di negara kita termasuk di Sabah, Sarawak, di Labuan bagi mengimbangkan pembangunan wilayah di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang telah disentuh dalam bajet ini *digital connectivity*. Penubuhan *Digital Free Zone* yang pertama di dunia adalah sangat disokong dengan penubuhan hab digital Malaysia.

■1620

Saya juga ingin membawa usaha di negeri Sarawak yang mana kerajaan negeri berusaha untuk membina perkhidmatan internet ataupun *cyber superhighway* menjelang tahun 2030 yang mana projek ini seharusnya diberi sokongan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya merayu kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia supaya terus memberi sokongan kewangan kepada negeri Sarawak untuk menjayakan usaha untuk menubuhkan *Sarawak Internet Cyber Superhighway*.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada soal pendidikan iaitu yang mana telah diumumkan bahawa inisiatif kerajaan untuk membangunkan 120 buah sekolah yang daif iaitu 60 buah sekolah di Semenanjung, 30 buah di Sabah dan 30 buah lagi di Sarawak dengan menggunakan *Industrialized Building System* (IBS) dan menaik taraf 1,800 buah makmal sains dengan peruntukan sebanyak RM570 juta. Bahkan saya tahu bahawa kalau di negeri Sarawak tidak cukup hanya kita hendak membangun hanya 30 buah sekolah kerana lebih banyak sekolah di negeri Sarawak berada dalam keadaan yang daif.

Sekiranya Tuan Yang di-Pertua, kementerian mempunyai kekangan tentang daripada segi kewangan, maka ini menjadi penghalang kepada kementerian untuk memberi peruntukan ke Jabatan Pendidikan Negeri bagi menjalankan kerja-kerja baik pulih sekolah. Oleh yang demikian saya berharap dan mencadangkan supaya Pengarah Pendidikan di Sarawak diberi kuasa untuk menentukan mana satu yang menjadi keutamaan di dalam membelanjakan peruntukan yang terhad.

Misalnya bagi sekolah di luar bandar perlu ada mekanisme untuk mengetahui mana satu yang lebih *priority*. Sama ada untuk menggunakan wang peruntukan untuk baik pulih sekolah atau untuk dibuat kontrak kawalan keselamatan sekolah. Mungkin sekolah perlu peruntukan untuk baik pulih sekolah yang lebih diberi *priority* daripada perkhidmatan keselamatan secara kontrak. Tidak ada erti jika sekolah diberi kawalan keselamatan tetapi sebenarnya sekolah itu sendiri tidak selamat untuk murid belajar di dalam bangunan sekolah itu. Jadi berilah *priority* dan kuasa kepada Pengarah Pendidikan Negeri untuk menentukan yang mana *priority* kerana kita faham peruntukan kewangan adalah terhad.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Rancangan Makanan Tambahan. Saya dapat ada sekolah-sekolah diberi program Rancangan Makanan Tambahan. Akan tetapi sekolah-sekolah *complain* kerana katanya murid ada diberi makanan tetapi tempat untuk mereka makan

tidak ada. Oleh yang demikian, perkara ini harus dilihat. Kalau kita hendak melihat kebijakan anak-anak kita lihatlah secara menyeluruh. Dari tempat dia makan hingga ke makanan-makanan yang kita berikan kepada anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet ini juga sebanyak RM600 juta diperuntukkan ke Tabung Khas Pembangunan, Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah yang diberi ke Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Mualigh, Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan sebagainya. Jadi saya memohon kepada kementerian supaya tidak melupakan dua buah Sekolah Rendah Bantuan Rakyat di Bandar Raya Kuching iaitu Sekolah Rendah Bantuan Rakyat Tupong dan juga Sekolah Rendah Bantuan Rakyat Jalan Haji Bolhassan untuk disenaraikan dalam tabung khas ini dan menerima bantuan secara berterusan seperti mana mereka terima pada tahun ini dan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang projek Pan Borneo. Projek Pan Borneo di Sarawak dan Sabah terus diberi perhatian dan memang giat dilaksanakan. Bila ia siap nanti kita mencadangkan supaya lebuh raya ini ditadbir oleh sebuah lebuh raya serupa seperti Lembaga Lebuhraya Malaysia tetapi lembaga ini lembaga yang berpangkalan di Sarawak mestilah Sarawak *based company* yang akan mewujudkan Lembaga Lebuhraya Pan Borneo. Kalau di Sarawak, Sarawak *based*, kalau di Sabah mungkin Sabah *based company* yang akan mentadbirkan lebuh raya ini.

Walau bagaimanapun saya turut menyokong permintaan wakil-wakil rakyat dari kawasan pesisir Sarawak supaya Kerajaan Persekutuan memberi juga peruntukan untuk membina satu lagi rangkaian jalan raya Lebuh Raya Pesisir Sarawak atau Sarawak *Coastal Highway* yang panjangnya lebih kurang 900 kilometer yang meliputi 36 peratus penduduk Sarawak yang tinggal di kawasan ini. Jadi akan ada dua jaringan jalan raya lebuh raya iaitu satu Pan Borneo dan satu lagi ialah Sarawak *Coastal Highway*.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya fikir penting bagi menjanaakan pendapatan negara sektor pelancongan. Kita menyasarkan 32 juta orang pelancong untuk tahun hadapan setelah kita meluaskan e-visa ke negara rantau Balkan dan juga Asia Selatan. Saya mencadangkan supaya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bekerjasama dengan kerajaan negeri supaya bersama-sama mempromosikan Malaysia ini. Seterusnya kementerian harus memberi sokongan kepada negeri-negeri daripada segi peruntukan kewangan bagi menjayakan *events* yang telah ditetapkan di dalam kalender pelancongan negeri ataupun ditetapkan di dalam kalender pelancongan negara.

Untuk itu saya ingin mencadangkan supaya events seperti Pesta Telaga Air terutama *Telaga Air Nature's Challenge*, *BHR Padawan Nature's Challenge* dan juga *Padawan Raft Safari* yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Padawan. Haruslah diberi sokongan daripada segi kewangan dan juga daripada segi logistik bagi membantu meningkatkan pembangunan pelancongan di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah tentang soal keselamatan. Keadaan keselamatan di ESSZONE Sabah menjadi perhatian banyak pihak. Menteri Pertahanan sendiri menyatakan bahawa beliau tidak mahu kawasan ini sebagai *new Somalia*. Saya juga melihat bahawa keadaan ini perlu diberi perhatian kerana walaupun dikatakan rondaan demi rondaan telah dibuat tetapi kes-kes rompakan di laut masih lagi berleluasa.

Satu perkara yang pernah diumumkan oleh Menteri Pertahanan ialah untuk menubuhkan Pangkalan Tentera Laut di Bintulu Sarawak atas sebab sebagai perlindungan ke Laut China Selatan. Jadi apakah perkembangan terakhir mengenai Pelabuhan Tentera Laut di Bintulu Sarawak? Ia patut diberi perhatian khusus dan secepat mungkin kerana isu keselamatan di Laut China Selatan satu isu yang menjadi perbualan ramai.

Kita melihat tuntutan bertindih di Laut China Selatan ke atas kawasan-kawasan yang mempunyai potensi ekonomi seperti perikanan, minyak dan gas dan pelancongan menjadi pertindihan wilayah di antara China, Vietnam, Filipina, Brunei dan juga Malaysia.

#### ■1630

Dalam hal ini, negara-negara ASEAN harus diingatkan bahawa dasar ZOPFAN iaitu *Zone of Peace, Freedom and Neutrality, the balancing factor* yang mengukuhkan keamanan di rantau ini. Malaysia harus menjadikan atau memainkan peranan yang penting untuk menjadikan Laut China Selatan selamat untuk pelayaran laut, penerbangan udara dan juga selamat untuk aktiviti-aktiviti ekonomi dan pelancongan.

#### ***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin hendak sentuh juga di sini ialah tentang Program Bandar Selamat yang sepatutnya di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana semalam kita mendengar rakan kita, Yang Berhormat Senator Engku Naimah menyatakan tentang pemasangan CCTV di bandar-bandar di Terengganu.

Saya juga ingin merayu di sini supaya lebih banyak CCTV dipasang di bandar-bandar di Sarawak khususnya di Kuching, Sibu, Miri dan juga di bandar-bandar lain kerana kita mahu

menjadikan bandar-bandar kita bandar yang selamat dan juga bandar yang rakyatnya merasa selamat untuk diam di bandar. Walau bagaimanapun, kita telah diberitahu bahawa sering kali CCTV ini kalau tidak berfungsi, maka PBT itu tidak ada peruntukan untuk *maintenancenya*. Maka kita cadangkan kepada kementerian ini supaya bila CCTV dipasang, mestilah ada peruntukan untuk memasangnya.

Termasuk juga saya hendak merayu kepada pihak KPKT bahawa di negeri Sarawak, kita belum lagi menubuhkan pembinaan Akademi Bomba dan Penyelamat. Negeri Sarawak adalah salah satu dari negeri yang tidak mendapat kemudahan seperti ini. Maka saya mencadangkan supaya kerja-kerja awal harus bermula dengan cepat kerana ini merupakan satu buah pusat latihan wilayah. Maka, perhatian yang serius harus diberi oleh kementerian ini bagi menjayakan, merealisasikan pembinaan akademi ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa pengumuman bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, satu perkara yang sangat menggembirakan kita ialah apa yang disebut sebagai Transformasi Nasional 50 ataupun TN50. Pengumuman ini adalah sebagai satu tindakan yang bijak dalam memacu negara kita yang majmuk, harmoni dan berwawasan jauh.

Sesungguhnya TN50 lembayung gagasan nasional untuk mencakna generasi muda kita pada masa kini bagi menentukan hala tuju dan corak masa depan negara kita. Ini kerana generasi mudalah yang akan membentuk Malaysia yang dinamik untuk 30 tahun yang akan datang. Walau bagaimanapun, perjalanan ini bukanlah satu perjalanan yang mudah dan sudah tentu penuh rintangan dan cabaran, onak duri dan ranjau liku yang memerlukan pengorbanan besar jiwa-jiwa pemuda pemudi yang kental dan sanggup mengharunginya.

Untuk *national discourse* ataupun dialog nasional perlulah digarapkan dengan mencakupi seluruh aspek. Tidak hanya tertumpu pada satu aspek sahaja, tetapi saya mencadangkan ia dibuat secara menyeluruh termasuklah ia menjadi satu agenda yang wajib di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dan juga di seluruh pertubuhan belia di negara ini demi kelangsungan agenda nasional TN50. Tidak memadai hanya dengan berdialog dengan pemimpin atasan sahaja, tetapi wacana nasional ini mestilah juga meliputi pemimpin belia di akar umbi untuk memastikan penglibatan mereka di dalam menjayakan membina kerangka TN50 yang hampir.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita mendoakan supaya bajet ini akan mencapai objektifnya, sasarannya kerana bajet yang efektif satu bajet yang berjaya untuk menjana ekonomi negara dan akhirnya, rakyat kitalah yang akan menerima segala nikmat dan faedah daripada apa yang kita rancangkan ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadang untuk menyokong bajet ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah, ada dalam Dewan?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Saya mohon bahas esok boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, duduk. Yang Berhormat Dato' Adam, silakan.

#### 4.36 ptg.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingat tadi saya selepas daripada Yang Berhormat Khairiah. Dia ambil peluang esok, saya ambil peluang petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi sangat tertarik dengan perbahasan yang disampaikan oleh Dato' Dr. Johari bin Mat. Saya juga suka mendengar perbahasannya sebab kalau kita dengar dia berbahas, kita jadi sejuk hati, kita rasa dunia aman, kita dapat banyak pelajaran dan ilmu baru dalam kehidupan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun setuju dengan Yang Berhormat.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih. Kalau macam itu, maknanya saya boleh bahas panjang sedikit. Meneliti pula daripada perhimpunan *solidarity* yang diadakan, sesuai dengan hati saya, mendekati hati Dato' Dr. Johari bin Mat, saya rasa dah bagus sangat Dato' Sri Najib berkawan baik dengan Dato' Seri Hadi [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, dalam meneliti Anggaran Perbekalan 2017 ini, saya nak menyentuh beberapa perkara. Pertama, saya hendak mencadangkan, nak meminta, nak menggesa, nak menyuruh supaya kerajaan meminda KTN iaitu Kanun Tanah Negara, bagi memasukkan satu fasal supaya boleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri mengenakan dan mengutip caj tahunan kepada warga asing yang memiliki harta tanah di Malaysia dalam bentuk:

- (i) tanah berkeluasan besar seperti ladang;
- (ii) pemilikan rumah; dan
- (iii) pemilikan ruang ataupun premis perniagaan.

Sekarang ini, peruntukan ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada. Misalnya katalah sebuah negeri ada ladang, hak milik kekal, kemudian dibeli oleh orang asing. Kalau ia katalah sektor pertanian, cukainya cukai pertanian sahajalah. ‘Titik’ di situ.

#### ■1640

Maknanya, tidak ada pendapatan baru boleh kita dapati daripada pemilikan asing itu. Rumah juga begitu. Ruang perniagaan ataupun premis perniagaan pun juga begitu. Saya hendak merasionalkan kenapa saya membuat gesaan ini. Di Johor misalnya, sekarang ini ada

16 ribu unit rumah milik warga asing. Mereka bekerja di Singapura tetapi tinggal di Johor Bahru. Mereka dapat segala kemudahan. Penggunaan jalan, makanan yang lebih murah, tidak payah bayar cukai. Pergi sekolah antarabangsa untuk anak juga lebih murah, pergi hospital swasta pun juga lebih murah.

Cuba kita bayangkan, kalaularah Kanun Tanah Negara kita pinda sedikit, membolehkan kerajaan negeri mengutip caj, maka katalah Johor caj RM2,000 setahun, itu wang Malaysia. Kalau mengikut mata wang Singapura, baru RM700. Maka, kita dapat kutip setahun RM32 juta. Saya tadi sebut bukan sahaja kerajaan negeri tetapi juga Kerajaan Pusat patut mengutip. Kenapakah saya kata begitu? Kalau misal kata mereka memiliki harta tanah di Kuala Lumpur ini, ia di bawah Kerajaan Pusat, maka Kerajaan Pusat juga boleh membuat tambahan hasil untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita bayangkan apabila pelaksanaan HSR esok iaitu kereta api berkelajuan tinggi dari Singapura sampai ke Kuala Lumpur. Ia akan berhenti di Batu Pahat, di Muar, di Melaka, di Seremban dan di Kuala Lumpur. Masa yang diambil 90 minit, sampai. Tidakkah warga asing esok akan mengambil kesempatan membeli hartanah sama ada di Seremban, di Kuala Lumpur, di Melaka ataupun di Batu Pahat ataupun di Muar. Semasa itu, tentunya kalau kita laksanakan sistem ini yang saya cadangkan ini, akan menambahkan satu pendapatan yang besar untuk negara kita.

Saya yakin pada waktu itu akan ramai warganegara asing yang bekerja di Singapura tetapi hendak duduk di Kuala Lumpur. Pagi-pagi dia naik kereta api laju 90 minit kemudian akan sampai ke Singapura. Di samping itu, faedah yang kita akan dapat isudah tentu ia mengurangkan kebergantungan kerajaan-kerajaan negeri untuk terus meminta bantuan daripada Kerajaan Pusat. Akan tetapi yang saya hendak beri pandangan ini Tuan Yang di-Pertua ialah esok apabila kita mengenakan caj itu, ambillah satu kadar yang berpatutan dan adil tetapi menguntungkan negara kita. Kenapakah saya kata begitu? Melalui pengalaman sebelum daripada ini, kita tidak bijaksana membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, Johor meminta, mencadangkan kepada Kerajaan Pusat dua tahun supaya dikenakan caj kepada kereta dan kenderaan dari Singapura masuk ke Malaysia. *Alhamdulillah* baru-baru ini kita telah laksanakan. Akan tetapi saya tidak faham, saya tidak puas hati, saya kecil hati kerana kita hanya kenakan caj RM20 sebuah kereta. Kerajaan Pusat ambil RM15, dia bagi kepada kerajaan negeri RM5.

Saya di Dewan yang mulia ini hendak memberikan gambaran mengenai perbezaan antara caj yang kita kenakan dengan caj yang Singapura kenakan ke atas kenderaan kita masuk ke Singapura. Kalau kita pergi ke Singapura, kita kena bayar caj jalan SGD35. Kalau kita

masuk pula ke bandar, kita kena bayar ERP iaitu satu buah alat elektronik masuk ke bandar SGD5. Tol SGD7. Semua sekali SGD47. Kalau duit Malaysia RM141. Singapura setahun kutip SGD2.1 bilion. Kita, macam saya kata tadi, kena RM20 dia masuk sebuah kereta kemudian bayar tol RM9.70 dan kalau dia balik ke Singapura kena RM6.80. Semua sekali RM75.50.

Ini namanya meniaga tidak untung. Jadi oleh yang demikian, saya hendak mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan ambillah tindakan segera supaya mulai tahun depan patut-patut naikkan kadar yang kita rasakan adil, setara dengan apa yang telah dilakukan oleh Singapura. Tuan Yang di-Pertua, ini pendapatan untuk negara kita. Saya rasa tidak salah kerana apabila kita melakukannya, daripada hasil yang kita kutip ia akan balik semula, dapat kita agihkan kepada rakyat jelata dalam pelbagai bentuk peruntukan.

#### ■1650

Saya mengucapkan tahniah. Saya sebut tadi pasal Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Saya mengucapkan tahniah kepada satu perhimpunan yang dilakukan oleh kerajaan baru-baru ini dalam kes Rohingya. Saya hendak tekankan perkara ini, saya hendak bawa perhatian kita semua di dalam Dewan yang mulia ini kepada sejarah yang telah dilalui oleh Malaysia dalam hal kita menolong orang-orang pelarian. Kalau kita ingat, masa zaman Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, kita berhadapan dengan orang Vietnam lari ke Malaysia kerana dihambat, ditekan oleh Vietcong di Pulau Bidong di Terengganu. Itu sejarah. Sekarang, mereka sudah tidak ada pergi negara ketiga, ada yang balik ke negara mereka sendiri.

Pada zaman Tun Hussein Onn, kita juga bantu pelarian daripada Kampuchea. Dia terima tekanan daripada Komunis. Juga perkara itu sekarang telah selesai. Zaman Dr. Mahathir, kita juga pernah membantu sekumpulan pelarian daripada Bosnia. Kumpulan Islam datang ke mari, kemudian sebahagian daripadanya tinggal sementara, sebahagian daripadanya yang muda, kita masukkan kepada UIA dan juga Universiti Malaya. Sekarang ini kalau kita pergi ke Sarajevo, kita lihat sudah ada yang kahwin dengan orang Malaysia, orang Malaysia pun tinggal di sana. Begitu juga yang sudah duduk, dapat tempat di dalam sama ada *business* ataupun pentadbiran kerajaan dan mereka itu lulusan sama ada UIA ataupun Universiti Malaya. Malah, mereka yang kata, "*Malaysia sangat bagus. Dulu menolong kami dan kami secara sukarela suka menjadi duta ke Malaysia*".

Jadi sekarang kita membantu pula Rohingya. Saya hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya kes Rohingya ini bukan Malaysia memberi bantuan atas aspek keagamaan sahaja tetapi yang lebih penting ialah hak asasi manusia. Mereka sepatutnya dapat pembelaan, dapat perlindungan seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat tadi. Jadi saya hendak mencadangkan supaya kita pasang niat, kita buat dengan ikhlas

hati dan kita punya harapan ialah apabila esok Myanmar boleh menerima mereka semula dalam keadaan yang aman, maka mereka boleh balik ke negara mereka. Jadi cadangan Perdana Menteri kita supaya hendak menyarankan Indonesia juga buat satu perhimpunan solidariti, itu saya sangat setuju.

Kita ramai pekerja dari Myanmar di negara kita. Kita berlaku adil kepada mereka. Jadi kita mengharapkan supaya daripada segi Kerajaan Myanmar juga mestilah patut berlaku adil kepada rakyatnya sendiri dan bantuan kita hanyalah berupa sementara. Dalam pada itu, saya hendak mencadangkan supaya piagam UNHCR mestilah dipinda di mana pada masa ini, ia tidak membenarkan pelarian mencari pekerjaan ataupun dibolehkan untuk bermiaga. Atas sebab itu, kita nampak Rohingya kita tolong masuk ke negara kita, dalam masa yang sekejap, dia sudah pergi ke masjid, dia sudah pergi ke pasar raya, dia pergi dekat stesen minyak, dia kutip derma dan minta sedekah. Sepatutnya ini tidak patut berlaku. Kita boleh memberi kebenaran sementara untuk mereka bermiaga ataupun mencari pekerjaan yang halal dan selepas itu mereka balik.

Tuan Yang di-Pertua, ECRL. Dalam pada keadaan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak membentangkan Bajet 2017, saya memerhatikan beliau bekerja keras untuk memastikan ekonomi kita terus berkembang dan tumbuh. Saya ucap tahniah. Dia pergi ke China, kemudian dia berikan satu kemudahan pinjaman jangka panjang 20 tahun yang melibatkan projek RM55 bilion. Bukannya sedikit. Kita boleh bayangkan apabila telah terlaksana, sepuluh tahun daripada sekarang, macam mana pula perkembangan yang akan berlaku di negeri-negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Apa yang saya hendak beri pandangan di sini ialah kita juga mesti merancang dengan bijak soal kesan daripada projek ini. Di Pahang, di Terengganu, di Kelantan, kita ada banyak tanah. Produk pertanian diperlukan di seluruh dunia. Bagaimana melalui projek ini kemudian, kita dapat menambahkan pendapatan hasil negara, eksport negara, ekonomi orang kampung dengan terlaksananya projek ini.

Pada saya, apabila dia berhenti di Tumpat, sepatutnya Tumpat itu menjadi sebuah depot yang besar bagi kita boleh membawa import yang berasaskan pertanian dari timur Thailand turun sampai ke Pelabuhan Klang dan untuk pasaran dunia. Mesti kita rancang daripada sekarang.

#### ■1700

Lagi satu yang harus diingatkan ialah ini saya punya pemerhatian Tuan Yang di-Pertua, syarikat China kalau dia pergi buat pelaburan di mana pun kalau tidak ada pemantauan awal, kalau tidak ada perjanjian awal, dia akan bawa dengan izin, *stock and barrel* semuanya daripada China. Kren dia bawa daripada China, lori dia bawa daripada China, buruh dia pun

daripada China, penempatan tempat tinggal sementara pun daripada China. Jangan. Maksud saya, penyertaan kontraktor tempatan serta juga peluang untuk usahawan-usahawan tempatan dianaktirikan. Kalau tidak, dia akan menjadi bahan yang akhirnya kerajaan mendapat cercaan. Ini harus kita membuat perancangan daripada awal. Dalam ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan, beliau secara khusus memberi penekanan terhadap B40. B40 ini memang Tuan Yang di-Pertua, saya ingat satu isu yang harus kita tangani secara baik kerana memang kos sara hidup dirasai sangat oleh orang ramai.

Saya cerita kepada Tuan Yang di-Pertua pengalaman saya naik Uber. Saya naik Uber, sengaja saya hendak tinjau pada waktu malam dan saya terperanjat pemandunya seorang perempuan bertudung dan bekerja sebagai kakitangan awam. Saya kata satu, soal keselamatan. Awak tak ambil kira kah? Kedua, awak ada keluarga dan anak-anak yang baru hendak besar. Awak tak ambil kira kah? Dia kata "*Ini kehidupan yang kita terpaksa lalui kerana kalau harap gaji sahaja tak cukup*". Saya sedar, saya akui tetapi saya minta supaya kerajaan memberi perhatian berat terhadap perkara ini.

Jadi satu perkara saya hendak cadang dan yang lain kerajaan juga boleh fikirkan. Satu, saya hendak minta supaya kalau boleh ditubuhkan sebuah badan seperti UDA yang baru. Ini kerana saya lihat masalah B40 yang sangat tertekan kehidupannya ialah di kawasan bandar. Seperti yang kita sedia maklum, penubuhan UDA ini ditubuhkan dulu mula-mula pada 12 November 1971. Saya ingat lagi, pengurusnya yang pertama ialah Tan Sri Yakub bin Hitam. Fungsi penubuhannya ialah untuk mengendalikan pembangunan di kawasan bandar khusus untuk kesejahteraan kehidupan orang Melayu dan bumiputera di kawasan tersebut melalui pelbagai projek dan juga program.

Tahun 1996, UDA telah diswastakan dengan nama UDA Holdings Sdn. Bhd. Pada tahun 1999, dia pula menjadi syarikat berhad melalui proses penyenaraian di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Jadi, berikutan dengan tindakan tersebut, tak ada lah lagi tempat berpayung untuk orang B40 untuk mendapatkan tempat perniagaan dan peluang perniagaan. Ini harus diatasi secara segera kerana hendak dapat tempat berniaga di bandar bagi kaum bumiputera dengan keadaan yang ada sekarang sangatlah menyulitkan. Kemampuan hendak beli ruang niaga mungkin dalam RM200,000 ke bawah. Itu tak masuk modal lagi tetapi mana ada ruang niaga RM200,000 ke bawah lagi di kawasan-kawasan bandar. Kuala Lumpur kah, Seremban kah, Melaka kah, Johor Bahru kah, dan UDA, haruslah ditubuhkan semula mungkin namanya lain tetapi peranannya mesti sama dan ia mesti dilakukan dalam jangka masa yang singkat ini.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta kerajaan supaya Laporan Audit Negara, ini semua sekali laporan yang dibentangkan kepada kita tiap-tiap kali sidang ini tolong

bagi perhatian betul-betul dan sistem kena diperbaiki. Kenapakah saya kata begitu? Ini kerana cuba kita baca Laporan Audit Negara terakhir untuk tahun 2016. Misalnya FELDA boleh rugi RM148 juta fasal kita buat tapak semaihan anak kelapa sawit kemudian kita letak lampu LED dari tahun 2013 sampai tahun 2015, tak ada siapa nampak kesilapan. Saya tanya, betul kah? Tak betul. Ini GLC kerajaan.

Kita tengok juga, saya minta maaf bercakap tetapi saya cakap secara terbuka di dalam Dewan yang mulia ini, tak ada siapa pun yang dipertanggungjawabkan dan misalnya kata awak jadi ketua operasi, ini kesilapan awak, awak sila keluar daripada FELDA. Tak berlaku. Yang saya takut ialah kalau kita tak ambil tindakan tegas Tuan Yang di-Pertua, dia tak menjadi iktibar yang baik bagi orang lain dan orang lain akan melakukannya lagi. Sama juga hari ini kita diberikan laporan mengenai Tabung Haji untuk tahun 2015.

#### ■1710

Baru-baru ini kita tengok dalam surat khabar, keluar dalam televisyen, ada sebuah anak syarikat Tabung Haji di Negeri Sembilan rugi. Kemudian kata CEO direman, belum ada apa-apa tindakan lagi. Dalam Tabung Haji kalau kita tengok balik semula, ada panel pelaburan. Cantik. Padahal saya hendak maklumkan pada Dewan yang mulia ini bahawa anak syarikat itu namanya Ramunia. Dia buat fabrikasi di Johor dulu. Sebab saya orang Johor, jadi saya tahu. Bertahun-tahun rugi. Macam mana Tabung Haji boleh beli anak syarikat seperti ini?

Jadi, ini yang saya hendak supaya kerajaan betul-betul berhati-hati kerana ini amanah rakyat jelata. Saya menimbulkan perkara ini pasal, pertama, saya ada kepentingan, saya pelabur Tabung Haji, dan yang kedua, saya bercakap sebagai Ahli Parlimen bagi pihak rakyat jelata yang juga ada rasa kegusaran mereka.

Jadi dengan dua contoh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon berhenti berucap. Dia berucap ini teknik dia sampai atas betul berhenti, tetapi saya akhiri dengan pantun.

*Alangkah tingginya harga ikan,  
Akibat tengkujuh musim hujan,  
Teguran saya jangan disalah tafsiran,  
Ikhlas semata-mata untuk kebaikan.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Adam. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan.

#### 5.12 ptg.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang dan ruang yang

diberikan kepada saya untuk turut sama-sama bangun dan membahaskan Bajet 2017 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia pada 21 Oktober oleh Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Tuan Yang di-Pertua, diungkap kembali secara ringkasnya kandungan inti pati penting Bajet 2017 ini memperuntukkan RM260.8 bilion, peningkatan 3.4 peratus daripada pengubahsuaian Bajet 2016. RM214.8 bilion bagi perbelanjaan mengurus, RM46 bilion untuk perbelanjaan pembangunan, RM77.4 bilion untuk emolumen dan RM32 bilion untuk perkhidmatan dan bekalan.

Tuan Yang di-Pertua, demi kekangan masa yang diberikan di samping untuk memberi laluan kepada rakan-rakan lain untuk sama bangun berbahas, saya ingin menyentuh beberapa isu semasa yang saya kira perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk menyentuh isu etnik Rohingya di bumi Myanmar. Pelbagai bentuk jenayah dan kekejaman dipaparkan di media sosial. Ini bukan penipuan, sebaliknya apa yang sebenarnya terjadi di bumi Rakhine. Terima kasih kepada kecanggihan satelit di ruang angkasa serta kecanggihan teknologi yang mampu merakam dan menceritakan kepada dunia apa sebenarnya yang berlaku.

Aung San Suu Kyi mendakwa pelarian Rohingya ini pemberontak dan mahu ditukar nama kepada Benggali. Namun, pemenang Anugerah Nobel Keamanan Dunia ini sebenarnya cakap tidak serupa bikin. Beliau menjunjung tinggi keamanan dunia, memberi komen dan menghentam jika negara luar dilihat tidak adil, tetapi apa yang berlaku di bumi sendiri, beliau menafikannya malah setiap desakan yang ditimpakan ke atas Myanmar dituduh pula negara luar cuba campur tangan hal ehwal dalaman Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mendesak keanggotaan Myanmar di dalam ASEAN dikaji semula berikutan penindasan dan kekejaman terhadap etnik itu. Dalam isu ini, prinsip tidak campur tangan tidak boleh diguna pakai apabila berlakunya pemusnahan etnik besar-besaran dalam sebuah negara ASEAN. Saya juga ingin mendesak Kerajaan Myanmar untuk mengambil tindakan segera bagi menghentikan segala bentuk kekejaman terhadap etnik itu dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku atas bangsa Rohingya di Myanmar yang amat tidak berperikemanusiaan dan sama sekali tidak boleh diterima oleh mana-mana manusia yang punya akal, hati dan jiwa.

Namun, hikmahnya di sini, kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan turut berkongsi pentas dengan Presiden PAS pada Perhimpunan Soladiriti Ummah untuk Rohingya

pada Ahad lalu membuktikan parti UMNO sebuah parti yang mewakili 31 juta orang rakyat di negara ini sebuah parti yang berjiwa besar dan penggerak transformasi nasional. Jelas ini membuktikan yang kita sedia bekerjasama dengan mana-mana parti yang sealiran mempertahankan nilai-nilai kemanusiaan ataupun *human right*. Syabas saya ucapan kepada kepimpinan tertinggi kedua-dua parti ummah Melayu ini.

Isu sempadan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk menyentuh isu sempadan negara walaupun sebelum ini ada beberapa kali saya menyentuh isu berkaitan terutamanya sempadan utara tanah air iaitu Perlis, Kedah dan Kelantan yang berjiran dengan negara Thai. Bila saya turun padang dan berbual dengan rakyat, mereka menyuarakan rasa kurang keyakinan terhadap kawalan keselamatan di sempadan negara ekoran pelbagai kegiatan penyeludupan dan kes-kes jenayah yang sering berlaku. Ini kerana apabila isu persempadan timbul, ia berkait rapat dengan penyeludupan senjata api, dadah dan kemasukan pendatang asing.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon pihak berkuasa dan kerajaan menyatakan langkah-langkah yang dibuat bagi mengembalikan semula keyakinan rakyat ke atas kawalan keselamatan di sempadan negara. Ini termasuk langkah mempertingkatkan kerjasama dengan agensi penguat kuasa kerajaan antara Malaysia dan Thailand.

Saya juga ingin bertanya dalam usaha mengetatkan kawalan sempadan utara tanah air, adakah sudah ada cadangan atau perancangan pembinaan pagar sepanjang sempadan antara Malaysia dan Thailand?

Tuan Yang di-Pertua, tadi masa saya bercakap-cakap dengan seorang hamba Allah di lobi, ada orang mengatakan yang mana di Perlis ini tidak ada ibu tunggal, tiada persatuan ibu tunggal satu Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini dia orang hendak bubar. Saya tanya *pasai* apa hendak bubar. Kononnya geng-geng Bangladesh ini dia *pakat* menikah semua dengan ibu tunggal. Jadi sudah tidak ada ibu tunggal. Dia tidak kisah. Banyak sangat ibu tunggal ini, sekarang ini pendatang asing ini mengambil kesempatan ini *pakat dok* bernikah dengan ibu tunggal.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri yang *dok* jaga ibu tunggal ini tolong jawab benda ini betul kah tidak betul.

Okey yang kedua, saya hendak minta berkenaan dengan Wang Kelian. Isu Wang Kelian ini, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu baik kah buruk?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Yang manakah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang nikah itu.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Yang nikah? Nikah itu baguslah tapi lingkup habislah. Kita tidak tahu *depa* ini ada kad kah tidak ada kad. Yang masalah dia sekarang ini, saya difahamkan ada pula satu *group* yang *dok* bagi kad UNHCR dan polis kita tidak boleh tangkap.

■1720

Ini benda-benda yang berlaku di luar ini, di negara kita ini bermacam-macam. *It's beyond us* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini benda yang tengah berlaku. Kita keluar, kita dengar benda ini. Sekejap lagi satu isu saya hendak bercakap berkenaan dengan Wang Kelian. Wang Kelian ini telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim kepada kerajaan, kepada KDN minta buka baliklah Wang Kelian. Ini untuk rakyat cari makan. Untuk hari Sabtu dan hari Ahad Tuan Yang di-Pertua, tidak kurang daripada 5,000 orang. *Every Saturday and Sunday*.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, jangan hendak cari lima orang, orang pergi melancang, tak ada. *It's very bad*. Jadi saya mintalah kepada pihak KDN, tolong fikirlah sedalam-dalam hendak buat sesuatu benda, fikir. Saya tanya pihak polis, polis kata tak ada penyeludupan melalui Wang Kelian, *clear*. Jadi saya mintalah pihak KDN tolong semak semula.

Saya juga hendak ucapkan tahniah kepada Olimpik yang baru-baru ini kita dapat pingat emas, dua dari Perlis. Oleh sebab itu saya kena bercakap, kena *emphasize* sikit. Akan tetapi yang sedihnya Tuan Yang di-Pertua, sekolah sukan buat di Perlis terbengkalai sudah empat tahun. *Four years, five years* terbengkalai. So, saya ingat Kementerian Belia dan Sukan tolong tengok benda ini. Kita orang Perlis kita rasa bangga. *We feel proud* kata orang OKU, OKU boleh dapat pingat. Di manakah ini? Di Olimpik, *you know*. Ini benda yang orang kata yang besar. Jadi saya minta Kementerian Belia dan Sukan tolong perhati benda ini.

Satu yang saya hendak maklum kepada Dewan yang mulia ini berkenaan dengan MAB. Ini kena pada diri saya sendiri dan benda ini ada dalam *handphone* saya. Saya *travel* dari Jakarta ke Kuala Lumpur, KLIA. Bila saya sampai, beg saya yang saya kunci ternganga. Kunci dengan *padlock*, ternganga. Itu insiden yang pertama. Saya kata, "*Ish, malu saya*". Saya tangkap gambar. Oleh sebab *late at night*, saya tangkap gambar. Satu insiden pula kami bertolak dari Pulau Pinang balik ke KLIA, benda yang sama berlaku. Jadi saya mintalah pihak MAB ini tolong perhatilah benda-benda macam ini. Ini imej negara Tuan Yang di-Pertua. Malu, malu kita. Saya beritahu betul-betul, saya malu.

Saya nak kena cerita benda ini apa yang berlaku di KLIA. Saya keluar daripada imigresen, kita pergi selepas itu saya jumpa satu- orang ramai. Kita sudah tak sempat. Ramai, saya pun bawa keluarga yang ramai, berhenti tanya satu orang pegawai, sekuritilah, "*Ini nak*

*pergi dekat mana?*" Saya cerita betul-betullah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi saya very rude. Dia kata dekat saya, "*Pergi situ, pergi baca itu.*" Kita kena kata kurang ajarlah. Kalau bahasa utara ini, kita kata kurang ajar.

Tak apalah kena dekat saya. Saya diam sahaja tetapi saya kata, inikah maruah Malaysia? Ini bukan cara Malaysia. Malaysia ini yang kita tahu ini very courteous. Cukup menghargai, jumpa orang tanya. Saya asal ini pun tanya, saya hendak tolong sebab kita hendak gambarkan kata kita Malaysia ini very friendly. Akan tetapi apa yang berlaku di KLIA saya ingat pihak yang duduk di atas itu tolong perhati. Saya minta jawapanlah daripada pihak yang berkenaan. Benda ini serius dan saya ada bukti. Bab beg ini saya ada bukti, yang ternganga. Apa yang hilang, saya pun tak tahulah. Jadi saya kata, "*Allahu Akbar*". So, kena dekat saya, maybe kena kepada orang lain sama... [*Melihat jam di dinding*] Masa pun sudah dekat. Suntuk dah, saya kena sebut berkenaan lagi satu bab anak yatim.

Anak yatim ini Tuan Yang di-Pertua, saya jadi Ahli Yang Berhormat ini tahun 2012. Setahun kita ada tiga kali Dewan bersidang. Empat tahun, 12 kali. Sebanyak 12 kali saya bawa isu anak yatim. Bayar RM8 *lump sum* sedangkan yang lain-lain ini semua dah bagi RM16 dah. Saya tak tahu pasal apa. Saya buat rombongan dengan Persatuan PEYATIM Malaysia jumpa dengan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat. Dia kata dia tak boleh buat apa. Kerajaan tak bagi duit. So, saya hendak tegur MoF. Saya minta jawapanlah daripada MoF, pasal apa yang tak lulus ini? Sekarang ini untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, duit yang diberi oleh pihak kebajikan masyarakat kepada pertubuhan anak-anak yatim, *they come and check again. They sent the auditor, they come and check*. Duit kita belanja tak habis, dia ambil balik. Ini ada peraturan baru ini and then kalau you punya persatuan Tuan Yang di-Pertua, ada lebih kurang RM10 juta mereka tak bagi. Ini peraturan baru ini.

Jadi perkara-perkara ini berlaku saya mintalah, saya minta, saya pun hendak salah kebajikan masyarakat tak adil sebab mereka tak dapat peruntukan, macam mana mereka hendak bagi pada kita? So, saya jumpa Ketua Pengarah, dia kata Yang Berhormat, kalau benda ini kalau MoF bagi, saya akan bagi, tak ada masalah.

Satu lagi saya hendak sebut bila dia orang bagi duit dekat kita ini, *lately* ini dia bagi bulan 10. Ini kita dari bulan satu ini hutang merata. Saya hendak cerita benda yang serius ini Tuan Yang di-Pertua. Akaun bank kita kena tutup sebab *dried, no money*. Tak, ini serius Tuan Yang di-Pertua, saya cerita ini sebab saya salah seorang daripada pentadbir rumah anak yatim. So, bila kita tak ada duit, *bank- simple. The moment you don't have certain amount in the bank, they closed*. Dia tak cakap dah. Jadi saya dah jumpa dah pihak kebajikan masyarakat, janganlah bagi kita bulan Oktober duit. *Make a standard, every year, January you*

bagi. So, kita boleh agihkan untuk belanja. Ini tutuplah, bank itu dah tutup, tak boleh buka lagi, kena buka dekat CIMB. Ini cerita benar Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mintalah.

Terakhir, saya hendak tanya ini kedudukan MH370. Daripada Mac 2014 sampai sekarang kita pun tak tahu apa dia. Sekejap lagi dengar terima sayap, sekejap lagi jumpa tayar, sekejap lagi jumpa yang itu sahaja. *So, the actual thing* apa dia? Saya mintalah Menteri yang bertanggungjawab datang ke Dewan ini tolong cerita kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua ini. *So, we want to know what actually happened.* Tahu-tahu dengar kata jumpa serpihan, hantar ke Australia. Kemudian lagi jumpa yang ni hantar ke sana. *So that's it. One day* kita mintalah, apa yang saya hendak tahu pihak Menteri yang bertanggungjawab datang ke Dewan ini cerita dekat kita semua ini apa sebenarnya yang berlaku berkenaan dengan MH370.

Jadi saya ingat setakat itulah Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]* Dua minit lagi. Nak bagi habis Tuan Yang di-Pertua? Ya, nak bagi habis?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung, sambung.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Sambunglah. So, saya sudah bercakap bab anak yatim, bab Olimpik pun sudah bercakap, bab MAS. Ya, MAS ini hari itu saya ingat, Yang Berhormat kita berucap. Saya masih ingat masa nak pecat dekat 5,000, 6,000 dah kita hendak minta peruntukan RM6 bilion. Yang Berhormat berucap, ambillah hak *local food supply*. Kita pergi dia bagi *orange cordial* daripada *Singapore*. Tak tahulah mungkin *time* Tuan Yang di-Pertua naik *business class*, saya naik kelas yang biasa. Dibawa datang bagi kordial, *Singapore. Produce in Singapore. Masya-Allah*. Takkan kita tak ada sini Tuan Yang di-Pertua?

Benda-benda yang macam ini melukakan hati rakyat. Ini kita dengar dulu 5,000 mereka pergi berhenti, ini dengar kata ada pula. *So, we want to hear.* Selepas itu hendak minta peruntukan lagi pada kita. *I think, enough is enough.* PM kata *enough is enough*. Saya pun sebutlah, dengan izin, *enough is enough*. Perbetulkanlah, tolong perbetulkanlah. Saya ingat masa pun dah cukup dah Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Paper* dah habis dah?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Habis dah, masa pun 5.30.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, tak apa kita sambung.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Ada lagi dua minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, boleh cakap lagi.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** *So, I think that's all.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit boleh cukup?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi lima minit cukup?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Dah cukup dah ini, saya pun dah kata okey dah... *[Dewan ketawa]* Hendak bagi saya, saya baru sudah makan ubat Tuan Yang di-Pertua. Bercakap dah anak yatim, kejap lagi saya ingat, ha tu dia. Bercakap untuk anak yatim ini, apa yang saya cerita kepada Tuan Yang di-Pertua ini *is a life thing*. Saya bukan *exaggerate*. *This is the real thing happening*. Saya mintalah pihak kementerian, tolonglah. Kak Limah okey, *you* okey. *I* tak sentuh *you* punya. Semua, *you are perfect*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bertenaga.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bertenaga.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Oh! Tenaga. Memang pun, Tok Mi pun beritahu dekat saya, hebat ini. So, saya ingat *any how thank you* Tuan Yang di-Pertua *for giving me a time to talk*. Saya ucapkan ribuan terima kasih. Sekian, saya dengan ini- sekejap Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, demi kekangan masa dengan ini saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah menunjukkan jam 5.30 petang. Dengan itu Mesyuarat ditangguhkan dan akan disambung semula esok, 7 Disember 2016 jam 10 pagi. Terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang]***